# KERATAN AKHBAR ISU-ISU INTEGRITI 2022 (JULAI - DISEMBER)



UNIT INTEGRITI & PEMODENAN PENTADBIRAN MBJB

# JULAI 2022

UNIT INTEGRITI & PEMODENAN PENTADBIRAN MBJB

**HARIAN METRO**

**01/07/2022 (JUMAAT)**







YDP pertubuhan kebajikan dan pengarah urusan syarikat usaha sama ditahan SPRM ketika hadir memberi keterangan.

# YDP direman 5 hari

## *Lelaki 80-an, rakan ditahan bantu siasatan kes salah guna kuasa*

**Oleh Zatul Iffah Zolkiply**
zatuliffah@hmetro.com.my

**Kuala Terengganu**

Dua lelaki termasuk seorang Yang Dipertua (YDP) sebuah pertubuhan kebajikan di Terengganu direman lima hari bermula semalam bagi membantu siasatan kes salah guna kuasa.

Perintah reman terhadap YDP berusia 80-an dan rakannya yang berusia 50-an dikeluarkan Majistret Noor Maznie Mahmood.

Kedua-dua suspek ditahan di Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kira-kira jam 2.30 petang kelmarin ketika hadir memberi keterangan.

Ia bagi membolehkan siasatan lanjut mengikut Seksyen 23 (1), Akta SPRM 2009.

Difahamkan, suspek yang berusia 80-an disyaki menggunakan jawatannya dengan melantik suspek kedua sebagai pengarah urusan sebuah syarikat usaha sama pada 2018.

Suspek dikatakan mempunyai kepentingan ke atas syarikat berkenaan.

**Suspek pertama guna jawatan lantik suspek kedua sebagai pengarah urusan**

# CEO, MD syarikat kena pertuduhan

**Butterworth:** Seorang pengarah urusan dan ketua pegawai eksekutif sebuah syarikat pelaburan dihadapkan di dua Mahkamah Sesyen di sini, semalam dengan masing-masing berhadapan 30 pertuduhan menerima wang deposit tanpa lesen sah membabitkan nilai RM750,000 antara tahun 2019 hingga tahun lalu.

Bagaimanapun tertuduh, Mohd Nasri Abdul Rahim, 36, dan Abdul Wahab S Mohd Mydin, 33, mengaku tidak bersalah terhadap kesemua pertuduhan berkenaan yang dibacakan secara berasingan di hadapan Hakim Noor Aini Yusof dan Noorhayati Mohamad Yunus.

Mengikut 30 pertuduhan yang dihadapi Mohd Nasri, dia didakwa menerima wang deposit hampir RM750,000 daripada tiga individu yang membabitkan dua lelaki dan seorang wanita.

Abdul Wahab yang turut berdepan 30 pertuduhan pula didapati bersubahat dengan Mohd Nasri untuk mendapatkan sejumlah wang deposit berkenaan daripada individu yang sama.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di beberapa lokasi sekitar Pulau Pinang antara April 2019 hingga 14 Februari 2020.

Kedua-duanya didakwa mengikut Seksyen 137(1) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 yang boleh dihukum mengikut Seksyen 137(2) akta yang sama. Jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM50 juta atau penjara tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya sekali.

Kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Nur Fatihana Ahmad dan Qatrin Nadia Harun, manakala Mohd Nasri diwakili S Raveentharan serta Abdul Wahab pula diwakili Muhammad Shahrul Nizam Md Rani.

Ketika pensiding, kedua-dua peguam tertuduh memohon wang jaminan bagi setiap pertuduhan dikurangkan kerana anak guam mereka berdepan masalah kewangan ekoran kes ini, selain masing-masing mempunyai masalah kesihatan.

# HARIAN METRO
## 01/07/2022
## (JUMAAT)





# Peniaga bakso suap polis didenda RM100k

**RM200k**

**SINAR HARIAN**
**06/07/2022**
**(RABU)**

# Syed Saddiq minta lupuskan - Saksi

## Arahan lupus sebahagian wang RM1 juta disebabkan SPRM mahu siasat

Oleh NOOR AZUDA ALIMIN
KUALA LUMPUR

Saksi ke-13 pendakwaan memberitahu Mahkamah Tinggi di sini pada Selasa bahawa Syed Saddiq Syed Abdul Rahman mengarahkannya untuk melupuskan sebahagian daripada wang RM1 juta milik Angkatan Bersatu Anak Muda (Armada) Parti Pribumi Bersatu Malaysia kerana Ahli Parlimen Muar itu sedang disiasat oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Bekas Penolong Bendahari Armada Bersatu, Rafiq Hakim Razali berkata demikian ketika perbicaraan kes Syed Saddiq yang berdepan empat pertuduhan berkaitan pecah amanah, menyalah gunakan harta serta pengubahan wang haram di hadapan Pesuruhjaya Kehakiman, Datuk Azhar Abdul Hamid.

Ketika pemeriksaan utama oleh Timbalan Pendakwa Raya Datuk Wan Shaharuddin Wan Ladin, Rafiq Hakim, 32, berkata, Syed Saddiq memberi arahan itu ketika dia dihubungi menerusi aplikasi 'WhatsApp' pada akhir bulan Mac atau awal April 2020.

Wan Shaharuddin: Kenapa?

Rafiq Hakim: Yang Berhormat (YB) Syed Saddiq beritahu, SPRM nak datang ke rumah untuk periksa dan geledah, jadi YB arah 'clear'kan wang yang ada pada saya, jadi saya beri kepada Ketua Penerangan Pemuda Bersatu Wilayah Persekutuan, Muhammad Daniel Kusari (saksi pendakwaan kesembilan) dan ahli Bersatu, Muhammad Naqib Ab Rahim.


SYED SADDIQ

**Wan Shaharuddin:** Kamu tahu ada siasatan oleh SPRM?

**Rafiq Hakim:** Ya.

Wan Shaharuddin: Kenapa ada siasatan?

**Rafiq Hakim:** Ia berhubung kehilangan wang RM250,000, jadi SPRM nak siasat.

**Wan Shaharuddin:** Kamu agihkan wang itu?

**Rafiq Hakim:** Ya. RM650,000 saya beri kepada Muhammad Daniel, manakala RM250,000 kepada Muhammad Naqib. Baki RM100,000 pula, seingat saya diguna untuk program Armada, saya lupa program apa.

Dalam prosiding pagi Selasa, saksi utama ini berkata, dia mengetahui Syed Saddiq kehilangan wang dari peti besi rumahnya sebanyak RM250,000.

Bagaimanapun, beliau berkata, Syed Saddiq tidak menyatakan bahawa wang itu milik ibu bapa atau untuk kegunaan ubah suai rumah, sebaliknya hasil sumbangan politik.

Mengikut pertuduhan pertama, Syed Saddiq didakwa bersubahat dengan Rafiq Hakim iaitu Penolong Bendahari Armada Bersatu yang diamanahkan dengan dana berjumlah RM1 juta, melakukan pecah amanah dengan menyalahgunakan dana itu. Perbuatan itu didakwa dilakukan di CIMB Bank Berhad, Menara CIMB KL Sentral, Jalan Sentral 2 di sini, pada 6 Mac 2020.

Bagi pertuduhan kedua, tertuduh didakwa menyalahgunakan harta untuk diri sendiri iaitu wang RM120,000 daripada akaun Maybank milik Armada Bumi Bersatu Enterprise dengan menyebabkan Rafiq melupuskan wang terbabit.

Syed Saddiq didakwa melakukan perbuatan itu di Malayan Banking Berhad, Jalan Pandan 3/6A, Taman Pandan Jaya di sini, antara 8 hingga 21 April 2018 mengikut Seksyen 403 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara maksimum lima tahun, sebat dan denda.

**HARIAN METRO**
**06/07/2022**
**(RABU)**

# Anggota JPJ nafi terima RM8,500 daripada tauke lori

Melaka: Seorang Pembantu Penguat kuasa Kanan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) didakwa di Mahkamah Sesyen Ayer Keroh di sini, semalam, atas 12 pertuduhan menerima rasuah secara bulanan berjumlah RM8,500.

Suapan itu diterimanya bagi melindungi syarikat pengangkutan lori daripada diambil tindakan undang-undang antara April 2020 hingga Mac 2021.

Tertuduh, Ahmad Jamil Md Saru, 40, bagaimanapun tidak mengaku bersalah dan meminta supaya dibicarakan selepas dibacakan semua pertuduhan pada prosiding didengar Hakim Elesabet Paya Wan.

Mengikut pertuduhan pertama hingga ke-10, dia didakwa memperoleh suapan bulanan RM500 tanpa balasan daripada Pengurus Syarikat Sivan Sakthi Maju Enterprise, N PP Vijayan dengan mengetahui syarikat itu mempunyai hubungan dengan kerja rasminya.

Tertuduh didakwa melakukan semua kesalahan itu di Maybank Merlimau, Jasin pada 28 April, 9 Jun, 9 Julai, 17 Ogos, 11 Oktober, 12 November dan 15 Disember 2020 serta pada 11 Januari, 15 Februari dan 3 Mac 2021.

Seksyen itu memperuntukkan hukuman penjara hingga dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali bagi setiap pertuduhan.

Dua pertuduhan turut dibacakan ke atas tertuduh mengikut Seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 bagi dakwaan memperoleh suapan berjumlah RM3,500 melalui pindahan wang.

Tertuduh didakwa menerima suapan itu antara 28 April 2020 hingga 12 November 2020 dan antara 11 Januari hingga 12 Mac 2021 di Maybank Cawangan Melaka Raya di sini, sebagai dorongan untuk tidak mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas lori syarikat itu mengikut Akta Pengangkutan Jalan 1987.

Kesalahan bagi Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009 memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan denda minimum lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, yang mana lebih tinggi jika sabit kesalahan, bagi setiap pertuduhan.

Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Irwan Shah Abdul Samat yang menjalankan pendakwaan mencadangkan jaminan RM4,500 bagi semua pertuduhan serta syarat tambahan melapor diri di Pejabat SPRM setiap bulan dan pasport antarabangsa diserah kepada mahkamah.

Tertuduh yang tidak diwakili peguam bela memohon jaminan rendah kerana mempunyai tanggungan isteri dan dua anak termasuk seorang daripadanya orang kurang upaya (OKU).

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin RM4,500 dengan seorang penjamin serta diperintah melaporkan diri setiap bulan di pejabat SPRM sehingga perbicaraan selesai.

Kes akan disebut semula pada 15 September depan bagi serahan dokumen dan lantikan peguam.



AHMAD Jamil ... dikawal pegawai SPRM ...

# HARIAN METRO
# 06/07/2022
# (RABU)



lokal

## Guna peniaga 'bawah tanah'



## Mahkamah tolak permohonan Zahid



**BERITA HARIAN**
**10/07/2022**
**(AHAD)**

# ASP, sarjan direman kes rasuah

**Sungai Petani:** Seorang pegawai polis berpangkat Asisten Superintendan (ASP) dan anggota berpangkat sarjan masing-masing direman enam hari bagi membantu siasatan berhubung kes meminta dan menerima rasuah berjumlah RM8,000.

Sumber berkata, kedua-dua mereka ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) selepas disyaki menerima wang berbalik sebagai balasan untuk tidak mengambil tindakan terhadap individu yang melakukan kesalahan menyimpan rokok seludup.

"Hasil laporan dibuat peniaga berkenaan, SPRM menahan anggota berusia 39 tahun itu di sebuah stesen minyak di Pulau Pinang pada jam 9.55 malam.

"Susulan itu, tangkapan dilakukan terhadap pegawai berpangkat ASP berusia 46 tahun yang hadir memberi keterangan di Pejabat SPRM di cawangan Sungai Petani, semalam," katanya.

Difahamkan, kedua-dua mereka bertugas di Bahagian Siasatan Jenayah di sebuah Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) di Pulau Pinang.

**BERITA HARIAN**
**11/07/2022**
**(ISNIN)**

# SPRM teliti minit Mesyuarat EXCO terdahulu

**Baling:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) melancarkan siasatan sama ada wujud unsur rasuah dan salah laku dalam pembangunan ladang durian di Gunung Inas, Kupang, di sini yang dikaitkan dengan banjir lumpur dan fenomena kepala air, minggu lalu.

Pengarah SPRM Kedah, Datuk Shaharom Nizam Abd Manap, memberitahu *BH* pihaknya akan meneliti minit Mesyuarat EXCO kerajaan negeri terdahulu, berkaitan projek ladang durian Musang King di kawasan berkenaan.

Selain itu, katanya, SPRM juga perlu melihat semula laporan penilaian impak alam sekitar (EIA) projek terbabit, bagi mengesan jika wujud sebarang ketidakpatuhan pada kelulusan yang diberikan Jabatan Alam Sekitar (JAS).

"Projek ini sudah agak lama, lebih sembilan tahun lalu. Jadi, kita perlu teliti banyak dokumen termasuk setiap minit Mesyuarat EXCO terdahulu. Ada banyak peringkat perlu dibuat bagi melihat jika ada salah laku dalam projek ini.

"Begitu juga laporan EIA, kita perlu lihat semula syarat kelulusan berkaitan. Mungkin kelulusan untuk tanam getah, tetapi ditukar kepada durian tanpa pengetahuan. Semua ini ambil masa untuk disiasat," katanya semalam.

Pada 6 Julai lalu, Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor mendakwa tidak tahu bagaimana syarikat yang mengusahakan ladang durian Musang King di Gunung Inas boleh melaksanakan projek itu di kawasan tanah tinggi berkenaan.

Beliau dilaporkan berkata, ini kerana syarat kelulusan laporan EIA adalah sangat ketat, termasuk sebarang projek pembangunan di kawasan dengan ketinggian melebihi 304 meter tidak dibenar dilaksanakan.

Mengulas lanjut, Shaharom Nizam tidak menolak kemungkinan memanggil syarikat yang mengusahakan ladang durian di Gunung Inas, jika siasatan terarah kepada pelanggaran syarat.

Ketika ini, katanya, siasatan pegawai SPRM masih di perin[gkat] awal dan perlu dilakuk[an] secara terperinci berikutan k[es] terbabit membabitkan rek[od] serta fail yang agak lama.

"Pegawai SPRM turut bera[da] di lokasi bencana di Kampu[ng] Iboi sebaik kejadian Isnin min[ggu] lalu bagi mendapatkan ga[mbaran] awal apa sebenarnya be[r]laku di sana. Siasatan lanjut h[a]nya akan dibuat jika kita kes[an] ada kesalahan rasuah di baw[ah] bidang kuasa SPRM.

"Jika tidak, kita akan ser[ahkan] kepada agensi lain," katanya.

Banjir lumpur dan kepala a[ir] pada Isnin minggu lalu me[ng]orbankan nyawa tiga sekeluar[ga] dan menjejaskan lebih 800 pe[n]duduk. Bencana dikaitkan d[e]ngan penerokaan hutan di pu[n]cak gunung yang dibangunk[an] dengan ladang durian seluas k[ira-]ra kira 1,200 hektar sejak 2012.



"Begitu juga laporan EIA, kita perlu lihat semula syarat kelulusan berkaitan. Mungkin kelulusan untuk tanam getah, tetapi ditukar kepada durian tanpa pengetahuan. Semua ini ambil masa untuk disiasat"

*Shaharom Nizam Abd Manap,*
*Pengarah SPRM Kedah*

**BERITA HARIAN**
**13/07/2022**
**(RABU)**





# 'Bekas pesalah rasuah kongsi pengalaman dengan pelajar IPT'

## Langkah bagi wujud kesedaran kesan buruk terhadap negara

Oleh Ahmad Hasbi
bhnews@bh.com.my

**Seremban:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) merancang membawa bekas pesalah berkaitan rasuah ke institusi pengajian tinggi (IPT) sebagai antara modul pendidikan antirasuah dalam kalangan penuntut.

Individu berkenaan akan berkongsi pengalaman mereka menjadi pesalah rasuah kepada penuntut menerusi pembelajaran Kursus Integriti dan Antirasuah (KIAR) yang akan menjadi kursus wajib di IPT bermula tahun depan.

Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat SPRM, Datuk Razim Mohd Noor, berkata bekas pesalah akan menceritakan kesusahan, trauma dan rasa kehilangan ahli keluarga akibat jenayah kolar putih yang dilakukan mereka sebelum ini.

"SPRM akan cuba membawa bekas pesalah rasuah untuk berkongsi pengalaman derita mereka kerana melakukan rasuah dan apa yang mereka kehilangan seperti pekerjaan, anak dan keluarga akibat terlibat dalam kegiatan itu.

"Selain pensyarah, pegawai SPRM juga akan berkongsi pandangan mengajar dan perkongsian bekas pesalah. Kami akan pergi mendapatkan kebenaran mereka yang sanggup untuk berkongsi, dan kami akan bawa," katanya.

> "Kami akan pergi mendapatkan kebenaran mereka yang sanggup untuk berkongsi dan kami akan bawa"
>
> *Razim Mohd Noor, Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat SPRM*

Razim berkata, golongan belia adalah kumpulan terbesar daripada jumlah penduduk Malaysia, termasuk pelajar sekolah dan IPT yang perlu didedahkan kepada mesej antirasuah serta memberi kesedaran mengenai kesan buruknya terhadap pembinaan sesebuah negara.

**Tiada laporan salah guna kuasa**

"Setakat ini, bagi golongan yang berusia antara 18 hingga 30 tahun, kami belum menerima laporan mengenai kesalahan menyalahgunakan kuasa, tetapi kesalahan yang dilakukan adalah memberi dan menerima rasuah, memalsukan tuntutan serta dokumen untuk tender menggunakan teknologi.

"Satu kajian dilakukan Institut Integriti Malaysia pada 2017 mendapati 16.8 peratus daripada 603 responden dalam kalangan penuntut IPT menyatakan tidak menjadi satu kesalahan jika menerima hadiah berbentuk wang atau barangan atau perkhidmatan sebagai balasan bagi sesuatu perbuatan.

"Meskipun kajian itu dibuat lima tahun lalu, dapatan kajian menunjukkan masih wujud sebahagian golongan penuntut yang berpendapat bukan menjadi kesalahan jika melakukan perbuatan berkenaan," katanya.

Razim berkata, aktiviti yang bersifat mendidik harus dipertingkatkan bagi menghasilkan generasi muda yang lebih berwawasan dan usaha membanteras gejala rasuah memerlukan aktiviti yang lebih berfokus serta berkesan.

"Sehubungan itu, saya menyarankan lebih banyak program berunsurkan pendidikan dijalankan supaya lebih ramai belia memahami ancaman dan risiko terpaksa ditanggung akibat jenayah rasuah ini," katanya.

**HARIAN METRO**
**13/07/2022**
**(RABU)**

# Cadang pesalah rasuah kongsi pengalaman

**Seremban:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) merancang untuk membawa bekas pesalah berkaitan rasuah ke institusi pengajian tinggi (IPT) sebagai antara modul pendidikan anti rasuah dalam kalangan penuntut.

Individu berkenaan akan berkongsi pengalaman mereka menjadi pesalah rasuah kepada penuntut menerusi pembelajaran Kursus Integriti dan Antirasuah (KIAR) yang akan menjadi kursus wajib di IPT bermula tahun depan.

Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat SPRM, Datuk Razim Mohd Noor berkata, bekas pesalah akan menceritakan kesusahan, trauma dan rasa kehilangan ahli keluarga akibat jenayah kolar putih yang dilakukan mereka sebelum ini.

"SPRM akan cuba membawa bekas pesalah rasuah untuk berkongsi pengalaman derita mereka kerana melakukan rasuah dan apa yang mereka kehilangan seperti pekerjaan, anak dan keluarga.

"Selain daripada pensyarah, pegawai SPRM juga akan berkongsi pandangan mengajar dan perkongsian bekas pesalah. Kami akan pergi mendapatkan kebenaran mereka yang sanggup untuk berkongsi, kami akan bawa," katanya kepada Harian Metro.

Di samping itu, beliau berkata, golongan belia adalah kumpulan terbesar daripada jumlah penduduk Malaysia termasuk pelajar sekolah dan IPT yang perlu didedahkan kepada mesej anti rasuah serta memberi kesedaran mengenai kesan buruknya terhadap pembinaan sesebuah negara.

**SINAR HARIAN**
**13/07/2022**
**(RABU)**





# Letak lebih ramai pegawai SPRM

## Bagi memantau, mengesan lebih awal perbuatan rasuah di jabatan kerajaan

Oleh FARAH SHAZWANI ALI
SHAH ALAM

Kerajaan perlu mempertimbangkan beberapa inisiatif baharu termasuk meletakkan pegawai pemantau Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di jabatan-jabatan kerajaan bagi mengesan lebih awal sebarang perbuatan rasuah di sektor awam.



SYAIFUL IRFAN

Pengerusi Gerakan Ekonomi Melayu Prihatin Rakyat (Gempur), Syaiful Irfan Anang berkata, inisiatif itu mungkin boleh dimulakan dengan melibatkan jabatan dan agensi penguat kuasa yang banyak berinteraksi dengan orang awam.

"Gejala rasuah kian membarah dalam masyarakat. Kita tidak menuding jari kepada kakitangan kerajaan semata-mata kerana ia boleh terjadi kepada sesiapa sahaja yang mempunyai kepentingan peribadi.

"Namun, sebagai perantara antara kerajaan dan masyarakat, pentingnya kerajaan melihat pendekatan ini secara serius dalam membanteras rasuah dalam kalangan kakitangan sektor awam.

"Saya melihat mungkin kerajaan boleh pertimbangkan untuk meletakkan pegawai pemantau SPRM di jabatan atau agensi yang disifatkan kritikal dan mudah terdedah dengan jenayah rasuah ini," katanya kepada *Sinar Harian*.





RASUAH BUSTERS

Syaiful Irfan turut mencadangkan agar pegawai pemantau SPRM dilengkapkan dengan sistem teknologi kamera kawalan yang terkini dan canggih.

Jelasnya, ia bagi memastikan kegiatan rasuah tidak boleh dimanipulasi dalam apa jua keadaan.

"Saya berpandangan begitu kerana budaya rasuah di dalam jabatan kerajaan adalah melibatkan pelbagai jawatan dan bahagian.

"Maka, pemantauan secara menyeluruh mungkin akan menyukarkan mereka untuk mengambil rasuah seperti kebiasaan dilakukan," ujarnya.

HARIAN METRO
14/07/2022
(KHAMIS)

# Sogok RM200 harap tak ditahan polis

Chukai: Seorang lelaki ditahan ketika menawarkan rasuah kepada anggota polis bagi mengelak ditahan di persimpangan Kampung Air Putih, Jalan Jerangau Jabur Kemaman, petang kelmarin.

Suspek berusia 41 tahun yang beralamat di Pekan Pahang itu ditahan jam 4.10 petang selepas menawarkan rasuah RM200.

Ketua Polis Daerah Kemaman, Superintendan Hanyan Ramlan berkata, sebelum kejadian, anggota polis terbabit bersama seorang rakan setugas melakukan rondaan cegah jenayah di kawasan itu, jam 4 petang.

Menurutnya, ketika itu, anggota terbabit ternampak suspek duduk di atas motosikal dalam keadaan mencurigakan.

"Ketika menghampiri, anggota terbabit meminta pengenalan diri suspek dan hasil semakan mendapati suspek mempunyai satu rekod lampau berhubung penyalahgunaan dadah.

"Suspek gagal mengemukakan lesen memandu dan cukai jalan dan anggota terbabit memaklumkan mahu membawa suspek menjalani saringan awal air kencing," katanya.

Hanyan berkata, menyedari keadaan itu, suspek tiba-tiba mengeluarkan sejumlah wang tunai dan menghulurkan kepada anggota terbabit sambil meminta kes diselesaikan.

"Anggota polis terbabit menolak pemberian itu dan beberapa kali memberi amaran kerana tindakan suspek itu salah di sisi undang-undang, namun suspek tidak mengendahkannya.

"Suspek ditahan atas kesalahan memberi rasuah kepada penjawat awam sebelum dibawa ke Ibu Pejabat Polis Daerah Kemaman untuk tindakan lanjut," katanya.

# HARIAN METRO
# 15/07/2022
# (JUMAAT)



Harian Metro | Jumaat 15.07.2022 11

lokal

# Tuntutan palsu dana RM1.2 juta

*Pasangan suami isteri direman 5 hari*

**SINAR HARIAN**
**15/07/2022**
**(JUMAAT)**

# SPRM tahan 37 individu kes tuntutan palsu

**SHAH ALAM** - Seramai 37 individu ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung kes tuntutan palsu dana Insentif Penjana Kerjaya di seluruh negara melibatkan nilai keseluruhan RM100 juta.

SPRM dalam satu kenyataan pada Khamis berkata, kesemua suspek terdiri daripada 26 lelaki dan 11 wanita ditahan menerusi Ops Hire yang dijalankan dengan kerjasama Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) di Johor, Kedah, Pahang, Perak, Pulau Pinang, Melaka, Perlis, Kuala Lumpur dan Negeri Sembilan.

Menurutnya, setakat ini, sebanyak 66 buah syarikat disyaki terlibat dalam penyelewengan tersebut manakala sebanyak RM7 juta wang dibekukan menerusi 36 akaun bank milik syarikat.

"Kesemua suspek berusia antara 28 hingga 70 tahun terdiri daripada pemilik syarikat, pengarah, pengurus, pemilik saham, jurutera dan kakitangan eksekutif syarikat," menurut kenyataan tersebut.

Katanya, kesemua suspek direman antara tiga ke tujuh hari di Mahkamah Majistret di negeri masing-masing.



Antara individu yang direman di Melaka berhubung kes tuntutan palsu.

**SINAR HARIAN**
**15/07/2022**
**(JUMAAT)**



NASIONAL

RASUAH BUSTERS

## Kartel dalam polis boleh wujud jika pegawai berpangkat tinggi terima rasuah

# Rasuah: Hukuman sebat perlu untuk beri kesedaran

Akta SPRM 2009 perlu dipinda agar pemberi dan penerima rasuah terima hukuman lebih berat

## Hukuman pesalah rasuah golongan elit perlu lebih berat

**HARIAN METRO**

**15/07/2022**

**(JUMAAT)**



# Anak tertuduh cuba halang tugas jurukamera

**HARIAN METRO**
**16/07/2022**
**(SABTU)**

# 37 ditahan seleweng dana insentif Penjana

Kuala Lumpur: Buat tuntutan palsu dan seleweng dana insentif Program Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (Penjana) diperkenalkan kerajaan sebelum ini membabitkan nilai keseluruhan kira-kira RM100 juta.

Itu tindakan berpuluh syarikat tempatan yang diambil tindakan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) selepas dayakini 'menggelapkan' dana khas kerajaan itu.

Jenayah berkenaan dibongkar hasil penahanan seramai 37 individu menerusi operasi khas Op Hire yang dilancarkan di seluruh negara dengan kerjasama dan risikan dilakukan Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) sejak tahun lalu.

Sebanyak 24 kertas siasatan berkaitan jenayah itu turut dibuka membabitkan tuntutan bayaran penjana yang dibuat oleh syarikat-syarikat di seluruh negara kepada pihak Perkeso.

Sumber berkata, kesemua suspek membabitkan 26 lelaki dan 11 wanita yang direman berasingan di Mahkamah Majistret Putrajaya, Selangor, Johor, Kedah, Pahang, Perak, Pulau Pinang, Melaka, Perlis, Kuala Lumpur dan Negeri Sembilan.

"Di Putrajaya, seramai 11 individu direman selama empat hari mulai kelmarin sehingga 17 Julai 2022.

"Di Selangor pula, permohonan reman selama tiga hari dibenarkan terhadap lima individu sehingga 18 Julai 2022.

"Di Johor, perintah reman selama tujuh hari terhadap seorang suspek dan enam hari terhadap dua suspek dibenarkan sehingga 19 dan 20 Julai 2022," katanya.

Sementara itu, di Kedah, Pahang dan Perak pula, perintah reman selama tujuh hari sehingga 20 Julai ini dibenarkan terhadap seorang individu di Kedah dan masing-masing dua individu di Pahang dan Perak.

"Di Pulau Pinang, perintah reman selama enam hari dibenarkan terhadap dua suspek sehingga 19 Julai ini.

"Sementara itu, perintah reman selama lima hari dikeluarkan terhadap dua individu masing-masing di Melaka dan Perlis, tiga individu di Kuala Lumpur dan empat individu di Negeri Sembilan mulai sehingga 18 Julai ini.

"Semua suspek berusia 28 hingga 70 tahun yang ditahan membabitkan pemilik, pengarah, pengurus dan pemilik saham syarikat serta jurutera serta kakitangan eksekutif," katanya.

Setakat ini, operasi yang dijalankan itu membabitkan 86 syarikat dengan nilai akaun dibekukan melebihi RM7 juta daripada 36 akaun.

Sementara itu, Pengarah Kanan Siasatan SPRM, Datuk Seri Hishamuddin Hashim mengesahkan penahanan itu dan berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009.

Tambahnya, beberapa tangkapan akan dibuat lagi dalam masa terdekat bagi membantu siasatan kes yang sama.

Kerajaan sebelum ini memperkenalkan program PenjanaKerjaya ini di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (Penjana) bertujuan untuk merangsang permintaan pekerjaan dalam kalangan majikan dan meningkatkan peluang pekerjaan serta kebolehpekerjaan dalam kalangan pencari kerja tempatan.

Ia turut bertujuan menjana dan mengekalkan pekerjaan serta matlamat pertama Belanjawan 2021 iaitu Kesejahteraan Rakyat berikutan pekerja-pekerja yang diberhentikan akibat kemelesetan ekonomi dan penularan pandemik Covid-19 sebelum ini.



ANTARA suspek yang direman SPRM untuk membantu siasatan.

**HARIAN METRO**
**16/07/2022**
**(SABTU)**

# 3 individu ditahan bantu siasatan kes tuntutan palsu

Shah Alam: Tiga individu termasuk seorang penjawat awam ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi membantu siasatan berkaitan kes tuntutan palsu dilakukan sekitar tahun 2021.

Menurut sumber, kesemua suspek lelaki berusia 22 hingga 37 tahun itu disyaki terbabit dalam urusan mengemukakan dokumen mengandungi butiran palsu berkaitan tuntutan insurans kemalangan kereta atas seorang penama sedangkan tiada tuntutan insurans dibuat penama terbabit.

Kesemua suspek ditahan di pejabat SPRM Selangor petang kelmarin.

Sementara itu Pengarah SPRM Selangor, Datuk Alias Salim ketika dihubungi mengesahkan penahanan itu dan berkata kesemua suspek disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009.

**BERITA HARIAN**

**16/07/2022**

**(SABTU)**

# SPRM teliti aduan pembalakan haram di HSK Nenggiri

**Kota Bharu:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Kelantan mengesahkan menerima maklumat berhubung dakwaan pembalakan haram yang didakwa berlaku di Hutan Simpan Kekal (HSK) Nenggiri, Gua Musang.

Pengarahnya, Rosli Husain, ketika dihubungi, semalam berkata SPRM kini sedang meneliti maklumat berkenaan mengikut Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.

Beliau mengulas sama ada pihaknya melakukan siasatan berhubung laporan polis mengenai dakwaan berlaku pembalakan haram di HSK Nenggiri.

Ketua Polis Daerah Gua Musang, Superintendan Sik Choon Foo, dilaporkan berkata laporan itu dibuat oleh pengawas hutan pada 2 Jun lalu.

Pengawas hutan terbabit dalam laporannya sudah pergi ke kompartmen 25 dan 26 HSK Nenggiri untuk menjalankan risikan bagi mengesahkan aduan penebangan haram dan hasil risikan mendapati terdapat kerja penebangan pokok dalam kawasan yang disyaki.

Susulan itu, Pengerusi Save Kelantan, Datuk Husam Musa mencadangkan Menteri Besar Kelantan, Datuk Ahmad Yakob mengadakan lawatan ke lokasi berkenaan bagi melihat kawasan terbabit.

Husam sebelum ini mendakwa berlaku pembalakan termasuk kompartmen 26, 39 dan 41 di HSK Nenggiri, selain mendakwa hutan simpan kekal yang diceroboh seluas 80 hektar.

Sementara itu, Timbalan Menteri Besar, Datuk Mohd Amar Nik Abdullah, berkata pembalakan di HSK Nenggiri seperti didedahkan beberapa pihak baru-baru ini adalah dibenarkan dan berlesen.

Katanya, pembalakan di kawasan itu sudah lama berjalan kerana ia adalah sebahagian hasil kerajaan negeri.

"Walaupun pembalakan dibenarkan, ia terikat peraturan dan tidak boleh melebihi catuan tebangan tahunan (CTT) yang ditetapkan kerajaan Persekutuan. Pada masa sama, syarikat yang melakukan aktiviti pembalakan ini perlu mematuhi peraturan iaitu kelulusan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA).

"Justeru, semua yang kita lakukan di HSK Nenggiri adalah mengikut peraturan yang ditetapkan dan Kelantan juga tidak pernah membuat tebangan balak melebihi CTT yang ditetapkan," katanya pada sidang media selepas mesyuarat EXCO, semalam.

Bagaimanapun katanya, kerajaan negeri tidak menafikan berlaku kecurian balak di Kelantan, namun perkara itu akan diselasar oleh Jabatan Perhutanan sekiranya mendapat laporan.

Dalam pada itu, Mohd Amar menyifatkan pendedahan aktiviti pembalakan di Kelantan oleh Save Kelantan adalah agenda peribadi dan politik individu tertentu.

Katanya, penubuhan Save Kelantan bukan untuk selamatkan Kelantan, sebaliknya untuk selamatkan Pengerusinya, Datuk Husam Musa.

"Kenapa munculnya Husam sekarang ini? Sebab dah nak dekat pilihan raya. Dia (Husam) nak beritahu orang dia wujud lagi. Mungkin selepas ini ada mana-mana parti yang akan tawarkan dia (Husam) bertanding di mana-mana.

"Save Kelantan bukan untuk selamatkan Kelantan, sebaliknya untuk selamatkan Husam," katanya.

"SPRM kini sedang meneliti maklumat berkenaan mengikut Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009"



*Rosli Husain,*
*Pengarah SPRM Kelantan*

**BERITA HARIAN**
**16/07/2022**
**(SABTU)**

# Jumlah suspek ditahan meningkat

**Putrajaya:** Jumlah suspek yang ditahan berkaitan tuntutan palsu dan penyelewengan dana Program Insentif Pengambilan Pekerja (PenjanaKerjaya) meningkat kepada 40 orang, termasuk tiga tangkapan baharu dibuat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang dikenakan tahanan reman, semalam.

Tiga individu yang baharu ditahan itu terdiri daripada seorang ketua kerani jabatan kerajaan dan dua pekerja syarikat swasta, ditahan bagi membantu siasatan lanjut dalam isu penyelewengan dana PenjanaKerjaya membabitkan nilai keseluruhan kira-kira RM100 juta.

Permohonan reman tiga individu itu masing-masing berusia 26 hingga 41 tahun itu dibuat di Mahkamah Majistret Johor Bahru dan Georgetown pagi semalam.

Ketua kerani berusia 41 tahun ditahan oleh SPRM Johor kira-kira jam 7.45 malam kelmarin, ketika hadir memberi keterangan kes berkenaan.

"Suspek dipercayai menerima wang berjumlah RM5,000 daripada seorang pemilik syarikat sebagai balasan membantu dalam urusan tuntutan bagi Program Insentif Pengambilan Pekerja. Suspek kini disiasat mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009," kata sumber.

Majistret Johor Bahru, Melody Woon Sze Mun, membenarkan permohonan reman selama tiga hari terhadap kakitangan kerajaan itu bermula semalam sehingga esok.

Kelmarin, SPRM dilaporkan menahan 37 individu berusia 38 hingga 70 tahun yang terbabit dengan isu tuntutan palsu dan penyelewengan dana PenjanaKerjaya.

Semua individu itu ditahan di beberapa negeri termasuk Putrajaya, Selangor, Johor, Kedah, Pahang, Perak, Pulau Pinang, Melaka, Perlis, Kuala Lumpur dan Negeri Sembilan.

Untuk rekod, Program PenjanaKerjaya adalah antara inisiatif kerajaan menerusi PERKESO bagi membantu majikan dan pekerja ketika mendepani cabaran COVID-19 sejak awal 2020.

Program itu bertujuan merangsang ekonomi negara melalui pewujudan pekerjaan baharu, mengekalkan pekerjaan dan meningkatkan kemahiran pekerja.



*Sebahagian individu yang ditahan SPRM bagi membantu siasatan berhubung isu tuntutan palsu dan penyelewengan dana PenjanaKerjaya di Putrajaya, semalam.*
(Foto SPRM)

**Dua lagi direman**

Sementara itu, dua lagi suspek yang ditahan reman semalam, masing-masing berusia 26 dan 40 tahun ditahan SPRM Pulau Pinang pada jam 6.50 malam dan 7.25 malam kelmarin.

"Mereka disyaki mengemukakan dokumen tuntutan yang mengandungi butiran palsu secara dalam talian kepada PERKESO bagi menuntut bayaran insentif pengambilan pekerja dan latihan daripada pertubuhan itu di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA).

"Kedua-duanya disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009 dan Majistret Pulau Pinang, Rosnee Mohd Radzuan membenarkan permohonan reman selama enam hari bermula hari ini sehingga 20 Julai," katanya.

Sementara itu, Pengarah Kanan Siasatan SPRM, Datuk Seri Hishamuddin Hashim, ketika mengesahkan penahanan terbaru itu, tidak menolak kemungkinan beberapa tangkapan lagi akan dibuat dalam tempoh terdekat.

**SINAR HARIAN**
**19/07/2022**
**(SELASA)**

# Kesedaran rasuah perlu libat semua peringkat usia

**SHAH ALAM** - Kesedaran mengenai rasuah perlu diberikan kepada semua peringkat umur sama ada dewasa mahupun kanak-kanak.

Personaliti TV, Irin Putri Aami berkata, hal ini kerana rasuah merupakan satu masalah besar yang boleh merosakkan masyarakat.

Menurutnya, masyarakat melihat gejala tersebut merupakan masalah orang dewasa, sedangkan ia turut menjadi masalah kepada golongan muda.

"Justeru, dari segi kesedaran mengenai rasuah, saya fikir bukan sahaja golongan dewasa yang perlu diberikan kesedaran tetapi di peringkat lebih awal lagi.

"Orang melihat (rasuah) ini masalah orang dewasa. Orang tak lihat ia sebagai satu masalah di peringkat generasi muda," katanya.

Beliau berkata demikian sewaktu diminta memberi pandangan berhubung rasuah menerusi program Mak Untuk Malaysia (MUM) bertajuk *Cabaran Terindah Anak Syurga* anjuran Sinar Harian pada Isnin.

Pada program sama, Irin Putri turut berkongsikan kisah beliau yang mempunyai anak istimewa yang secara tidak langsung membuka minda masyarakat dalam memahami kehendak dan karakter sebenar anak istimewa tersebut.



Pendidikan mengenai keburukan dan ancaman rasuah perlu diterapkan lebih awal di sekolah. - Gambar hiasan



**BERITA HARIAN**
**19/07/2022**
**(SELASA)**



Seleweng dana PenjanaKerjaya RM100j

# SPRM tahan dua lagi suspek termasuk pengarah syarikat

## Seorang lelaki, wanita disyaki tipu maklumat invois kepada PERKESO

Oleh Noor Azizah Mokhtar dan Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Dua lagi suspek termasuk seorang pengarah syarikat ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi membantu siasatan berhubung penyelewengan dana Program Insentif Pengambilan Pekerja (PenjanaKerjaya) yang membabitkan nilai keseluruhan kira-kira RM100 juta.

Pengarah berusia 41 tahun itu yang kini direman empat hari sehingga Khamis, ditahan bersama seorang wanita yang juga ketua pegawai eksekutif berusia 40 tahun di ibu negara kira-kira jam 1.30 petang kelmarin.

Bagaimanapun, sumber memaklumkan wanita itu dibebaskan dengan jaminan SPRM selepas diambil keterangan.

Penahanan dua suspek itu menjadikan keseluruhan 42 individu ditahan melalui Op Hire yang dilancarkan SPRM bersama Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), yang membabitkan usia antara 20 hingga 70 tahun.

Semua suspek ditahan di beberapa negeri termasuk Putrajaya, Selangor, Johor, Kedah, Pahang, Perak, Pulau Pinang, Melaka, Perlis, Kuala Lumpur dan Negeri Sembilan.

Sumber memaklumkan, kedua-dua suspek dipercayai mengemukakan invois Program Latihan Insentif Pengambilan Pekerja yang mengandungi butiran palsu kepada PERKESO.

"Tindakan itu bagi memperoleh bayaran di bawah peruntukan PenjanaKerjaya berjumlah kira-kira RM700,000 sedangkan program berkenaan tidak dilaksanakan sepenuhnya," katanya.

Untuk rekod, Program PenjanaKerjaya antara inisiatif kerajaan bagi membantu majikan dan pekerja ketika mendepani cabaran COVID-19 sejak awal 2020.

Dalam pada itu, Pengarah Kanan Siasatan SPRM, Datuk Seri Hishamuddin Hashim mengesahkan penahanan itu dan memaklumkan kes disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009.

### Tiada ahli MIC ditahan

Katanya, operasi dan siasatan masih diteruskan serta tidak menolak kemungkinan beberapa tangkapan akan dibuat dalam tempoh terdekat.

Sementara itu, Menteri Sumber Manusia, M Saravanan mendakwa tiada maklumat mengenai penahanan ahli MIC berhubung penyelewengan dana PenjanaKerjaya, malah tiada operasi dijalankan SPRM di Kementerian Sumber Manusia (KSM) setakat ini.

SPRM sebelum ini dilapor menyiasat beberapa syarikat serta individu dan menjangkakan lebih ramai tangkapan akan dibuat melalui Op Hire.

Berdasarkan maklumat, syarikat terbabit sepatutnya mengadakan latihan dan menggaji pekerja dalam bidang industri, namun mengemukakan tuntutan palsu dan menyeleweng dana program berkenaan.

Majikan berkenaan dipercayai mengambil data daripada orang luar atau berpakat dengan pembekal latihan untuk membuat tuntutan palsu dengan insentif ditawarkan itu.

# BERITA HARIAN
19/07/2022
(SELASA)



## BERSATU tak tahu ARMADA buat pengeluaran RM1j



### Saksi ke-20 beritahu tiada permohonan, langgar Fasal Perlembagaan

**HARIAN METRO**

**19/07/2022**

**(SELASA)**



**lokal**




TUNTUTAN PALSU RM100 JUTA

# Dua lagi individu ditahan SPRM

Oleh Raja Noraina Raja Rahim
rnoraina@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Dua lagi individu ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi membantu siasatan berhubung isu tuntutan palsu dan penyelewengan dana Program Insentif Pengambilan Pekerja (PenjanaKerjaya) membabitkan nilai keseluruhan kira-kira RM100 juta.

Sumber berkata, kedua-dua suspek yang juga pemilik dan pengarah syarikat berusia 30-an serta 40-an itu ditahan di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya, semalam.

"Setakat ini seramai 42 orang sudah ditahan dalam Op Hire termasuk dua individu yang akan direman hari ini (semalam).

"Mereka ditahan mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009," katanya kepada Harian Metro.

Jumaat lalu, media melaporkan antara tiga lagi individu yang ditahan SPRM bagi membantu siasatan berhubung isu tuntutan palsu dan penyelewengan dana PenjanaKerjaya.

> "Setakat ini seramai 42 orang sudah ditahan dalam Op Hire" Sumber

Suspek dipercayai menerima wang berjumlah RM5,000 daripada salah seorang pemilik syarikat sebagai balasan untuk membantu syarikatnya dalam urusan tuntutan bagi program berkenaan.

Terdahulu, SPRM dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) melancarkan Op Hire bagi menyiasat isu tuntutan palsu dan penyelewengan dana Insentif PenjanaKerjaya di beberapa negeri.

SPRM dalam kenyataannya memaklumkan operasi berkenaan yang dikendalikan Ibu Pejabat SPRM bersama-sama SPRM Negeri itu dijalankan secara serentak.

Program PenjanaKerjaya antara inisiatif kerajaan bagi membantu majikan dan pekerja semasa menghadapi pandemik Covid-19 bermula awal 2020.

## 'Minta pada SPRM, saya tiada jawapan'



SARAVANAN

Kuala Lumpur: Menteri Sumber Manusia Datuk Seri M Saravanan mengakui tiada maklumat berhubung penahanan individu termasuk ahli MIC berhubung isu tuntutan palsu dan penyelewengan dana Program Insentif Pengambilan Pekerja (PenjanaKerjaya).

Beliau yang juga Timbalan Presiden MIC berkata, ini kerana penahanan berkenaan terletak di bawah bidang kuasa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

"Tiada operasi (SPRM) di Kementerian Sumber Manusia. Saya sudah kata semalam (Ahad) yang saya tidak ada laporan, tetapi mana tahu sekiranya ada orang MIC kena tangkap, langsung tiada kaitan dengan MIC.

"Setakat ini, saya tak ada maklumat siapa kena tangkap dan siapa belum ditangkap. Kita minta dekat SPRM, saya tak ada jawapan," katanya dalam sidang media selepas Mesyuarat Jawatankuasa Bersama Menteri Dalam Negeri dan Menteri Sumber Manusia Mengenai Pengurusan Pekerja Asing di Bukit Aman, di sini, semalam.

Hadir sama, Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Hamzah Zainudin.

Sebelum ini, SPRM dilaporkan sudah menahan 40 individu termasuk dua individu yang ditahan, sertakan bagi membantu siasatan berhubung penyelewengan dana PenjanaKerjaya.

SPRM dilaporkan menyiasat beberapa syarikat dan individu selain dijangka membuat beberapa tangkapan lain menerusi Op Hire.

Terdahulu, SPRM dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) melancarkan Op Hire bagi menyiasat isu tuntutan palsu dan penyelewengan dana Insentif PenjanaKerjaya di beberapa negeri.

Operasi berkenaan dikendalikan Ibu Pejabat SPRM bersama-sama SPRM negeri dijalankan secara serentak.

Program PenjanaKerjaya antara inisiatif kerajaan bagi membantu majikan dan pekerja semasa menghadapi pandemik Covid-19 bermula awal 2020.

**SINAR HARIAN**
**20/07/2022**
**(RABU)**

# SPRM tidak pernah salah guna kuasa kenakan Syed Saddiq - Saksi

**KUALA LUMPUR** - Seorang pegawai penyiasat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) memberitahu Mahkamah Tinggi di sini pada Selasa bahawa agensi tersebut tidak pernah menyalahgunakan kuasanya untuk mengenakan Syed Saddiq Syed Abdul Rahman berhubung siasatan kehilangan wang berjumlah RM250,000 di kediaman Ahli Parlimen Muar itu.



SYED SADDIQ

Muhamad Khairi Muhamad Rodi, 33, berkata, sebaliknya siasatan dijalankan bagi mencari sumber wang yang dilaporkan hilang, selain untuk mengetahui sama ada terdapat kesalahan di bawah Akta SPRM 2009.

Saksi pendakwaan ke-23 itu memberitahu, sebarang aduan dan maklumat yang diterima oleh SPRM akan disiasat terlebih dahulu dan oleh yang demikian, tiada seksyen spesifik di bawah Akta SPRM diletak ketika aduan dibuat.

"Saya tidak setuju siasatan ini adalah untuk kenakan Syed Saddiq kerana apa jua aduan dan maklumat diterima, kami akan teruskan dengan siasatan.

"Jadi, tiada siasatan terpilih atau siasatan untuk mengenakan orang di dalam kes ini.

"Saya pergi ke rumah Syed Saddiq untuk mendapatkan dokumen atau maklumat yang boleh membantu siasatan saya ketika itu," katanya ketika pemeriksaan semula oleh Timbalan Pendakwa Raya, Datuk Wan Shaharuddin Wan Ladin pada perbicaraan kes Syed Saddiq yang berdepan empat pertuduhan pecah amanah jenayah dan pengubahan wang haram.

Menurut Muhamad Khairi, beliau serta beberapa pegawai SPRM telah ke rumah ahli politik tersebut pada 5.45 petang 31 Mac 2020 untuk menjalankan siasatan dan ketika itu, Syed Saddiq serta ibu bapanya berada di rumah.

Terdahulu, ketika pemeriksaan balas oleh peguam Gobind Singh Deo, saksi itu menafikan bahawa beliau sengaja 'mencari kes' terhadap Syed Saddiq sedangkan tiada kes terhadap ahli politik tersebut.

Syed Saddiq, 29, didakwa bersubahat dengan Rafiq Hakim Razali iaitu Penolong Bendahari Armada Parti Pribumi Bersatu Malaysia yang diamanahkan dengan dana berjumlah RM1 juta, untuk melakukan pecah amanah dengan menyalahgunakan dana itu di CIMB Bank Berhad, Menara CIMB KL Sentral, Jalan Sentral 2 di sini pada 6 Mac 2020.

Bagi pertuduhan kedua, Syed Saddiq didakwa menyalahgunakan RM120,000 daripada akaun Maybank Islamic Berhad milik Armada Bumi Bersatu Enterprise untuk diri sendiri dengan menyebabkan Rafiq Hakim melupuskan wang itu di Malayan Banking Berhad, antara 8 hingga 21 April 2018. - *Bernama*

**SINAR HARIAN**
**20/07/2022**
**(RABU)**

# CEO antara tiga direman

## Bantu siasatan kes rasuah melibatkan lebih RM24 juta

Oleh AHMAD ISMADI ISMAIL
PUTRAJAYA

Seorang Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) anak syarikat sebuah bank antara tiga individu yang ditahan reman selama lima hari bermula Selasa bagi membantu siasatan kes rasuah melibatkan lebih RM24 juta.

Rasuah berkenaan disyaki sebagai balasan meluluskan pinjaman dibuat oleh sebuah syarikat tempatan berjumlah lebih RM294 juta.

Majistret Mohd Dinie Shazwan Ab Shukor membenarkan permohonan reman oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terhadap ketiga-tiga individu tersebut di Mahkamah Majistret Putrajaya pada Selasa.

Menurut sumber, suspek wanita berusia lingkungan 50-an bersama dua suspek lelaki berusia 53 hingga 58 tahun ditahan pada jam 6 petang di ibu Pejabat SPRM di sini pada Isnin ketika hadir memberi keterangan.

"Wanita berkenaan dipercayai menerima rasuah berjumlah lebih RM24 juta sekitar tahun 2010. Suspek lelaki berusia 53 tahun itu pula kini bekerja sebagai perunding kewangan, manakala rakannya tidak bekerja," katanya.

Pengarah Bahagian Pengubahan Wang Haram dan Pelucuthakan Harta (AMLA) SPRM, Mohamad Zamri Zainul Abidin ketika dihubungi mengesahkan penahanan reman tersebut.




Tiga individu yang disyaki menerima rasuah lebih RM24 juta dibawa ke Mahkamah Majistret Putrajaya pada Selasa untuk proses reman.

**SINAR HARIAN**
**20/07/2022**
**(RABU)**

# Segera letak SPRM di bawah Perlembagaan

## Desakan untuk pastikan SPRM bebas siasat semua kes rasuah termasuk berprofil tinggi

SHAH ALAM

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) perlu segera dinaik taraf dengan diletakkan di bawah Perlembagaan Persekutuan.

Presiden Transparency International Malaysia (TI-M), Dr Muhammad Mohan berkata, ia sebagaimana desakan dalam Enam Tuntutan Politik #MalaysiaTanpaRasuah oleh Pasukan #RasuahBusters supaya SPRM bebas menyiasat semua kes rasuah walaupun berprofil tinggi.

"Sebab kita cadangkan perubahan ini untuk memberi kebebasan kepada SPRM menyiasat segala kes sama ada berprofil tinggi atau tidak sebab sekarang pelantikan Ketua Pesuruhjaya SPRM menerusi Akta SPRM 2009 (di bawah Jabatan Perdana Menteri).

"Satu perubahan perlu dibuat dalam Perlembagaan dan ini memerlukan sokongan dua per tiga di Parlimen," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar Enam Tuntutan Politik #MalaysiaTanpa Rasuah 'Apa Dah Jadi' oleh Pasukan #RasuahBusters dan rakan gabungannya di Kompleks Kumpulan Karangkraf di sini pada Rabu.



MUHAMMAD

LAPORAN MUKA DEPAN

Muhamad menjelaskan, kebebasan SPRM menjadi tanda tanya kerana di bawah Akta SPRM 2009, pelantikan Ketua Pesuruhjaya SPRM oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri.

Jelasnya, situasi yang berlaku menunjukkan apabila kerajaan berubah dan negara mendapat Perdana Menteri baharu, beliau boleh melantik Ketua Pesuruhjaya SPRM dengan memberi nasihat kepada Seri Paduka Baginda.

"Keadaan ini yang kita tidak berapa setuju sebab ini tidak memberi kebebasan kepada SPRM untuk menyiasat terutama bagi kes-kes berprofil tinggi.

"Bila SPRM ini diletakkan di bawah Perlembagaan, pilihan Ketua Pesuruhjaya akan dibuat oleh satu Jawatankuasa Pilihan Parlimen di mana mereka senarai pendek beberapa calon berkelayakan dan memberi cadangan ini kepada Dewan Rakyat serta Dewan Negara dan perlu diluluskan di kedua-dua dewan ini sebelum pelantikan dibuat," jelas beliau.

Tegasnya, kalau perubahan itu berjaya dibuat, ia akan menjadi satu reformasi institusi dan akan memberi impak baik terhadap Indeks Persepsi Rasuah (CPI) negara.

**HARIAN METRO**
**20/07/2022**
**(RABU)**

TERIMA RASUAH RM24 JUTA

# Bekas CEO antara 3 individu ditahan

**Putrajaya:** Tiga individu termasuk bekas ketua pegawai eksekutif (CEO) anak syarikat sebuah bank direman lima hari bermula semalam bagi membantu siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana disyaki menerima rasuah lebih RM24 juta.

Perintah reman itu dikeluarkan oleh Majistret Mohd Dinie Shazwan Ab Shukor terhadap seorang wanita yang merupakan bekas CEO berusia 50-an, lelaki berusia 58 tahun yang tidak bekerja dan perunding kewangan yang berusia 53 tahun, selepas SPRM membuat permohonan di Mahkamah Majistret Putrajaya di sini.

Menurut sumber, ketiga-tiga individu itu ditahan di SPRM Putrajaya kira-kira jam 6 petang kelmarin ketika hadir memberi keterangan.



SUSPEK tiba di Mahkamah Majistret Putrajaya, semalam.

Sumber berkata, mereka disyaki menerima rasuah berjumlah lebih RM24 juta sebagai balasan meluluskan pinjaman dibuat oleh sebuah syarikat tempatan berjumlah lebih RM294 juta.

**BERITA HARIAN**
**21/07/2022**
**(KHAMIS)**

# Pengarah LKIM Selangor didakwa terima rasuah RM5,000

**Shah Alam:** Seorang pengarah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) didakwa di Mahkamah Sesyen di sini semalam atas pertuduhan menerima suapan wang tunai RM5,000, kononnya sebagai balasan melantik pembekal melaksanakan kerja-kerja membekal benih, baja dan racun, dua tahun lalu.

Khusairi Hussin, 56, sebagai Pengarah LKIM Selangor didakwa menerima untuk dirinya iaitu wang tunai RM5,000 daripada seorang pengurus besar sebuah badan berkanun cawangan Klang yang dia ketahui badan itu ada kena-mengena dengan tugasan rasminya.

Beliau mengaku tidak bersalah terhadap tuduhan itu.

Khusairi membuat pengakuan itu selepas pertuduhan terhadapnya dibacakan jurubahasa di hadapan Hakim Muhamad Anas Mahadzir.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan yang boleh dihukum mengikut seksyen sama.

Sabit kesalahan tertuduh boleh dipenjara selama tempoh yang boleh sampai dua tahun atau dengan denda, atau kedua-duanya.



*Suspek dibawa ke Mahkamah Sesyen, Shah Alam, semalam.*
(Foto Faiz Anuar/BH)

Khusairi didakwa melakukan kesalahan itu di Pejabat Persatuan Nelayan Kawasan Sungai Besar, Sabak Bernam pada 24 November 2020.

**Tawar jaminan RM10,000**

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya Irna Julieza Maaras menawarkan jaminan RM10,000 dengan seorang penjamin beserta syarat tambahan pasport diserahkan kepada mahkamah sehingga kes selesai dan melaporkan diri di Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada setiap 1 hari bulan.

Tertuduh yang diwakili Peguam Noor Adarie Mohd Noor memohon wang jaminan dikurangkan kerana Khusairi adalah penanggung tunggal keluarga yang mana tiga daripada empat anaknya masih belajar.

Katanya, jumlah jaminan RM10,000 juga terlalu tinggi dan tidak berpadanan dengan jumlah rasuah yang diambil.

Hakim kemudian membenarkan tertuduh dilepas jamin sebanyak RM8,000 dengan seorang penjamin beserta syarat tambahan yang dikenakan Timbalan Pendakwa Raya.

Sebutan semula kes ditetapkan pada 22 Ogos depan.

## SINAR HARIAN
## 21/07/2022
## (KHAMIS)



MAHKAMAH & JENAYAH

# Arah agih RM1 juta, sehari selepas rumah digeledah

Wang itu dikeluarkan daripada akaun Armada diagihkan dalam kalangan Exco sayap parti

## SPRM nafi lindung Muhyiddin, pilih kasih siasat kes

# HARIAN METRO
# 21/07/2022
# (KHAMIS)



lokal

## 'Beri perhatian elak rasuah menular'

## Nafi terima RM5,000

BICARA KES SYED SADDIQ

## Arah agih RM1j selepas SPRM geledah rumah

22 Ogos

**HARIAN METRO**
**20/07/2022**
**(RABU)**

# SPRM cawangan Klang cari Mohan Raj

**Kuala Lumpur:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Selangor Cawangan Klang sedang mengesan seorang lelaki bagi membantu siasatan kes.

SPRM dalam kenyataannya semalam memaklumkan lelaki itu, L. Mohan Raj (*gambar*), 26, mempunyai alamat terakhir di No H-9, Rumah Kos Rendah Peringkat 3 dan 4, 27000, Jerantut, Pahang.

Menurutnya, orang ramai yang mengenali atau mempunyai maklumat mengenai lelaki berkenaan diminta menghubungi pegawai penyiasat Ahmad Muaz Safuan Mohd Ali di talian 011-16133661 atau menerusi e-mel kepada ahmad.muaz@sprm.gov.my.




*"L. Mohan Raj, 26, mempunyai alamat terakhir di No H-9, Rumah Kos Rendah Peringkat 3 dan 4, 27000, Jerantut, Pahang"*

SPRM

**BERITA HARIAN**
**23/07/2022**
**(SABTU)**

# 4 polis direman kes rasuah

**Melaka:** Empat anggota polis direman seminggu bermula semalam, bagi membantu siasatan meminta dan menerima rasuah RM12,000 untuk menyeludup barangan terlarang, termasuk dadah ke lokap tiga tahun lalu.

Majistret Mazana Sinin membenarkan perintah reman itu selepas dipohon Pegawai Penyiasat Kanan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Abdullah Fahmy Mohd@Saleh bagi melengkapkan siasatan kes.

Terdahulu, keempat-empat suspek berpangkat Koperal dan Lans Koperal berusia 35 hingga 40 tahun memakai baju lokap SPRM dibawa ke Kompleks Mahkamah Ayer Keroh di sini, kira-kira jam 9.30 pagi.

Difahamkan, semua suspek yang bertugas di sebuah balai polis di Alor Gajah menerima rasuah wang tunai dan pindahan wang atas talian sebagai upah menjadi 'orang tengah' untuk membawa masuk barangan seperti rokok, dadah, tembakau dan makanan untuk kegunaan tahanan.

Bayaran itu diterima daripada orang suruhan tahanan antara RM600 hingga RM9,000 melalui kira-kira 20 transaksi dalam tempoh setahun bermula 2019 hingga 2020.

Mereka ditahan di pejabat SPRM Melaka di Alai, petang kelmarin ketika hadir bagi membantu siasatan.

Sementara itu, Pengarah SPRM Melaka, Mohd Shahril Che Saad ketika dihubungi mengesahkan mengenai perkara itu dan berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 16 (a)(B) Akta SPRM 2009.



*Empat suspek diiringi pegawai SPRM dibawa ke Kompleks Mahkamah Ayer Keroh, semalam.* (Foto Meor Riduwan Meor Ahmad/BH)

BERITA HARIAN
23/07/2022
(SABTU)





Hazalilah (kanan) hadir di Mahkamah Sesyen Johor Bahru, semalam

# Wanita hadapi 26 tuduhan tuntutan palsu, terima suapan

**Johor Bahru:** Seorang penyelia asrama sebuah sekolah sukan di Bandar Penawar, Kota Tinggi, dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, semalam, atas 26 pertuduhan membuat tuntutan palsu, menerima dan diberikan suapan keseluruhannya membabitkan jumlah lebih RM836,000.

Hazalilah Ahmad, 41, bagaimanapun mengaku tidak bersalah bagi semua pertuduhan itu selepas ia dibacakan Jurubahasa mahkamah di hadapan Hakim Datuk Ahmad Kamal Arifin Ismail.

Berdasarkan 22 kertas pertuduhan pertama, ibu kepada empat anak itu didakwa membuat tuntutan palsu iaitu dokumen berkaitan bekalan makanan bermasak lebih ke sekolah sukan itu, yang mana jumlah bekalan yang tidak sepatutnya dituntut adalah sebanyak RM504,758.

Jumlah wang itu diperoleh untuk dirinya dengan cara memalsukan dokumen iaitu Nota Minta, Borang Pesanan Asrama, Invois Syarikat Kontraktor dan Pesanan Sekolah bagi tujuan menipu.

Perbuatan itu dilakukan terdahulu sepanjang 2016 hingga 2017 dan pendakwaan dilakukan mengikut Seksyen 468 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara maksimum tujuh tahun dan denda, jika sabit kesalahan.

Sementara itu, bagi dua lagi pertuduhan, wanita itu didakwa menerima wang berjumlah RM88,743.24 melalui akaun bank milik suaminya.

Perbuatan yang dilakukan itu berkaitan tugas rasminya sebagai penyelia asrama dengan mengarahkan kerja dilaksanakan dengan menaikkan bagi pembekalan makanan bermasak lebih kepada pelajar asrama sekolah itu.

Bagi perbuatan yang dilakukan antara Oktober 2015 hingga Januari 2016, dia didakwa mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga dua tahun atau denda atau kedua-dua sekali, jika sabit kesalahan.

Bagi dua pertuduhan terakhir pula, tertuduh didakwa diberikan wang suapan berjumlah RM81,300 melalui akaun bank milik suaminya bagi membantu menguruskan dokumen tuntutan berkaitan bekalan makanan bermasak lebih kepada pelajar asrama itu.

Kes ditetapkan untuk sebutan semula bagi serahan dokumen pada 22 Ogos depan.

**BERITA HARIAN**

**24/07/2022**

**(AHAD)**





# Bekas CEO bank direman kes rasuah RM24j lulus pinjaman

**Putrajaya:** Seorang bekas ketua pegawai eksekutif (CEO) bank yang bergelar Datuk, direman selama tiga hari bagi membantu siasatan kes penerimaan rasuah lebih RM24 juta sebagai balasan meluluskan pinjaman RM204 juta yang dibuat sebuah syarikat tempatan.

Lelaki berusia dalam lingkungan 50-an itu adalah suspek keempat yang ditahan selepas tiga individu, termasuk seorang CEO wanita direman berkaitan kes sama pada 19 Julai lalu.

Majistret R Prabakaran membenarkan suspek direman bermula semalam hingga Isnin selepas Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengemukakan permohonan itu di Mahkamah Majistret, di sini.

Menurut sumber, bekas CEO itu ditahan di rumahnya di Ipoh, Perak, kira-kira jam 4 petang kelmarin.

Sementara itu di mahkamah sama, Majistret turut membenarkan suspek wanita yang juga CEO sebuah syarikat, disambung reman selama tiga hari bermula semalam, manakala dua lagi suspek dibebaskan dengan masing-masing dikenakan ikat jamin RM15,000.

Sumber sama juga memaklumkan setakat ini, pasukan siasatan dikatakan sudah berjaya mendapatkan semula hampir keseluruhan wang berjumlah RM24 juta terbabit hasil penyitaan wang serta aset walaupun kes berlaku kira-kira 10 tahun lalu.

Katanya, difahamkan pihak SPRM sudah membekukan sejumlah 22 akaun bank milik individu dan syarikat dipercayai mempunyai kaitan dengan kes itu, membabitkan jumlah kira-kira RM6.3 juta.

## RM16.3j disimpan suspek

"Pasukan siasatan juga dikatakan berjaya mengesan wang kira-kira RM16.3 juta yang disimpan suspek utama di negara jiran," katanya.

Menurut sumber itu lagi, keseluruhan wang berjumlah RM22.6 juta itu dibekukan untuk tindakan lanjut, dan operasi berkenaan masih giat dijalankan di sekitar Kuala Lumpur, Perak dan Sabah.

"Wang terbabit berjaya dikesan selepas pasukan siasatan melakukan analisis data menjejaki aset," katanya.

Sementara itu, Pengarah Bahagian Pengubahan Wang Haram dan Pelucuthakan Harta (AMLA) SPRM, Mohamad Zamri Zainul Abidin, ketika dihubungi mengesahkan penahanan terbabit dan kes disiasat mengikut Seksyen 16 (a)(A) Akta SPRM 2009.

**BERITA HARIAN**
**24/07/2022**
**(AHAD)**



# PDRM, SPRM sepakat tangani amalan rasuah

## Sampai mesej kepada orang ramai hindari perbuatan tawar suapan

Oleh Muhaamad Hafis Nawawi
mhafis@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengadakan program kerjasama strategik bagi menyampaikan mesej berkaitan menghindari perbuatan menawarkan rasuah.

Setiausaha PDRM, Datuk Noorsiah Mohd Saaduddin, berkata program kerjasama strategik antirasuah itu diadakan di Taman Jaya, Petaling Jaya semalam.

Katanya, program itu dihadiri Pengarah Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS), Datuk Seri Azri Ahmad dan Ketua Penolong Kanan Pesuruhjaya, Nurahim Abd Rahim.

"Program ini turut berlangsung upacara melafaz dan menandatangani ikrar bebas rasuah (IBR).

"Ia bertujuan menyampaikan mesej kepada orang ramai berkaitan menghindari perbuatan menawarkan rasuah terhadap penjawat awam dan mendidik warga PDRM mengamalkan nilai murni serta integriti seterusnya menolak amalan rasuah," katanya dalam kenyataan semalam.

### Sahut seruan kerajaan

Noorsiah berkata, pelaksanaan program ini selaras dengan Pelan Antirasuah PDRM 2020-2024 yang juga terjemahan manifestasi komitmen PDRM dalam menyahut seruan kerajaan ingin menjadikan negara bebas rasuah dan berintegriti tinggi.

"Jalinan kerjasama ini adalah kesinambungan daripada pemeteraian memorandum persefahaman bersama SPRM sejak 2016 dalam usaha menangani jenayah rasuah dengan lebih berkesan," katanya.




*Azri (dua dari kiri) dan Timbalan Pengarah JIPS, Datuk Fadzil Ahmat menyaksikan dokumen ikrar bebas rasuah antara Nurahim (kanan) dan Penolong Pengarah Perolehan, Pembangunan, Kewangan Jabatan Siasatan Perundingan Trafik PDRM, Asyurel Azeman Badril di Taman Jaya, Petaling Jaya, semalam.*

(Foto BERNAMA)

**HARIAN METRO**

**24/07/2022**

**(AHAD)**



*lokal*

# SOROK RM16.3 JUTA DI NEGARA JIRAN

*Bekas CEO bank ditahan SPRM bantu siasatan kes terima rasuah RM24j*

Oleh Mohd Jamilul Anbia Md Denin
anbia@hmetro.com.my

Putrajaya

Guna taktik sorok wang rasuah diterima berjumlah kira-kira RM16.3 juta di negara jiran.

Itu tindakan seorang bekas ketua pegawai eksekutif (CEO) sebuah bank bergelar Datuk yang ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi membantu siasatan kes menerima rasuah berjumlah lebih RM24 juta sebagai balasan meluluskan pinjaman lebih RM294 juta dibuat sebuah syarikat tempatan.

Suspek lelaki berusia 50-an itu adalah suspek keempat yang ditahan selepas tiga individu termasuk seorang CEO wanita direman berkaitan kes sama pada 19 Julai lalu.

Majistret R Prabakaran membenarkan suspek keempat terbabit direman tiga hari bermula semalam sehingga 25 Julai 2022 selepas pihak SPRM mengemukakan permohonan reman di Mahkamah Majistret Putrajaya pagi semalam.

Di mahkamah sama, majistret turut membenarkan suspek CEO wanita itu disambung reman tiga hari bermula semalam manakala dua lagi suspek dibebaskan dengan wang jaminan RM15,000 setiap seorang.

**3 hari**

Menurut sumber, bekas CEO lelaki itu ditahan di rumahnya di Ipoh, Perak, kira-kira jam 4 petang kelmarin.

Dalam pada itu, sumber sama berkata, setakat ini pasukan siasatan dikatakan berjaya mendapatkan kembali hampir keseluruhan wang berjumlah RM24 juta hasil siasatan wang serta aset.



SUSPEK bergelar Datuk dibawa ke Mahkamah Majistret Putrajaya untuk permohonan reman.

Walaupun kegiatan berkenaan berlaku kira-kira 10 tahun lalu.

Difahamkan pihak SPRM sudah membekukan sebanyak 22 akaun bank milik individu dan syarikat berjumlah kira-kira RM6.3 juta yang dipercayai mempunyai kaitan dalam kes ini.

"Pasukan siasatan juga dikatakan berjaya mengesan wang milik suspek utama yang disimpan di negara jiran berjumlah kira-kira RM16.3 juta," ujar sumber itu.

Tambah sumber itu lagi, kesemua wang berjumlah RM22.6 juta dibekukan untuk tindakan selanjutnya dan operasi ini masih giat dijalankan di sekitar Kuala Lumpur, Perak dan Sabah.

Menurutnya, wang itu berjaya dikesan selepas pasukan siasatan melakukan analisis data menjejak aset.

Sementara itu, Pengarah Bahagian Pengubahan Wang Haram dan Pelucuthakan Harta (Amla) SPRM, Mohamad Zamri Zainul Abidin, ketika dihubungi mengesahkan penahanan dilakukan itu.

Katanya, kes disiasat mengikut Seksyen 16 (a)(A) Akta SPRM 2009.

**SINAR HARIAN**
**24/07/2022**
**(AHAD)**

# Bekas CEO bank bergelar Datuk direman SPRM

## Terima rasuah lebih RM24 juta sebagai balasan luluskan pinjaman

Oleh AHMAD ISMADI ISMAIL
PUTRAJAYA

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mereman seorang bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) sebuah bank bergelar Datuk bagi membantu siasatan kes menerima rasuah berjumlah lebih RM24 juta sebagai balasan meluluskan pinjaman lebih RM294 juta yang dibuat sebuah syarikat tempatan.

Lelaki berusia lingkungan 50-an itu merupakan suspek keempat yang ditahan selepas tiga individu termasuk seorang CEO wanita direman berkaitan kes sama pada Selasa lalu.

Majistret R Prabakaran membenarkan suspek keempat itu direman selama tiga hari bermula Sabtu sehingga Isnin setelah pihak SPRM mengemukakan permohonan reman di Mahkamah Majistret Putrajaya pada Sabtu.

Di mahkamah sama, Majistret turut membenarkan reman suspek CEO wanita disambung tiga hari bermula Sabtu, manakala dua lagi suspek dibebaskan dengan wang jaminan RM15,000 setiap seorang.

FOTO SPRM



Antara individu yang ditahan SPRM bagi membantu siasatan.

Sementara itu, menurut sumber, bekas CEO lelaki berkenaan ditahan di rumahnya di Ipoh kira-kira jam 4 petang, Jumaat.

Sumber berkata, setakat ini pasukan siasatan dikatakan berjaya mendapatkan kembali hampir keseluruhan wang berjumlah RM24 juta tersebut hasil sitaan wang serta aset walaupun kegiatan tersebut berlaku kira-kira 10 tahun lalu.

Katanya, difahamkan SPRM telah membekukan sebanyak 22 akaun bank milik individu dan syarikat berjumlah kira-kira RM6.3 juta yang dipercayai mempunyai kaitan dalam kes itu.

"Pasukan siasatan juga dikatakan telah berjaya mengesan wang milik suspek utama yang disimpan di negara jiran berjumlah kira-kira RM16.3 juta," ujarnya.

Kata sumber lagi, kesemua wang berjumlah RM22.6 juta dibekukan untuk tindakan selanjutnya dan operasi itu masih giat dijalankan di sekitar Kuala Lumpur, Perak dan Sabah.

Tambah sumber, wang tersebut berjaya dikesan setelah pasukan siasatan melakukan analisis data menjejak aset.

Sementara itu, Pengarah Bahagian Pengubahan Wang Haram dan Pelucuthakan Harta (AMLA) SPRM, Mohamad Zamri Zainul Abidin ketika dihubungi mengesahkan penahanan tersebut.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 16 (a) (A) Akta SPRM 2009," katanya.

**SINAR HARIAN**
**25/07/2022**
**(ISNIN)**



# Padah rasuah ketua penguat kuasa

## Pengurus syarikat daging sejuk beku tidak halal didakwa di mahkamah

Oleh ZULHISHAM ISAHAK
JOHOR BAHRU

Seorang pengurus syarikat pembekal daging sejuk beku tidak halal dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini pada Ahad atas dakwaan memberi suapan RM3,000 kepada Ketua Jabatan Penguatkuasaan Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP), Februari lalu.

Tertuduh, Ma Jian Yet, 31, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan terhadapnya dibacakan di hadapan Hakim Datuk Ahmad Kamal Arifin Ismail.

Mengikut kertas pertuduhan, Jian Yet didakwa memberi suapan kepada pegawai MBIP berkenaan, Raja Abu Bakar Raja Yahya sebagai dorongan untuk tidak mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap Syarikat Yean Yean.

Tindakan penguatkuasaan itu dibuat oleh MBIP kerana syarikat tersebut menjalankan perniagaan tanpa lesen dan gagal mematuhi notis memberhentikan operasinya.

Disebabkan kesalahan terbabit, tertuduh telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 17(b) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24(1) akta sama yang memperuntukkan penjara tidak lebih 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 atau mana-mana lebih tinggi.

Mengikut fakta kes, tertuduh hadir di Pejabat Jabatan Penguatkuasaan MBIP pada jam 11.30 pagi, 28 Februari lalu dan telah menawarkan rasuah kepada ketua jabatan penguatkuasaan berkenaan supaya tidak mengambil tindakan terhadapnya.



Jian Yet (dua dari kanan) yang didakwa merasuah Ketua Jabatan Penguatkuasaan MBIP dihadapkan di Mahkamah Sesyen Johor Bahru pada Ahad.

Peguam tertuduh, Chuah Shyue Chien memohon jaminan yang minimum kerana Jian Yet perlu menanggung isteri yang tidak bekerja serta dua anaknya berusia satu dan tiga tahun.

"Tertuduh juga perlu menanggung ibu dan bapanya yang uzur," katanya.

Hakim kemudian mengenakan ikat jamin sebanyak RM5,000 dan sebutan semula kes pada 28 Julai ini.

Kes dikendalikan oleh Pegawai Pendakwa SPRM, Dayang Masneh Deh.

**SINAR HARIAN**
**26/07/2022**
**(SELASA)**



# Integriti benteng tolak rasuah

- Nilai integriti perlu dizahirkan dalam semua amalan dan tindakan

Oleh NIK AMGRULMUMIN NIK MIN
KUANTAN

Integriti merupakan benteng utama ke arah mencapai misi bebas rasuah dan kecemerlangan bagi sesebuah kerajaan serta organisasi.

Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Pahang, Hairuzam Mohammad Amin @ Hamim berkata, individu yang berintegriti tidak akan membiarkan kepentingan diri mengatasi kepentingan organisasi dan awam.

Menurutnya, nilai integriti perlu dizahirkan dalam semua tindakan serta amalan sama ada melalui penampilan, sikap dan semasa membuat sesuatu keputusan.

"Melalui Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023, memupuk tadbir urus yang baik dalam entiti korporat antara enam bidang keutamaan yang menjadi teras dalam memerangi jenayah rasuah di negara ini.

"Seiring dengan hasrat NACP itu, tadbir urus korporat secara umum merujuk kepada sistem peraturan, amalan dan proses tentang bagaimana sesebuah organisasi korporat diterajui serta dikawal dengan mengambil kira kepentingan pelbagai pihak," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan sempena Majlis Ikrar Bebas Rasuah dan Menandatangani Ikrar Bebas Rasuah syarikat milik penuh Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (Muip), Muip Holding Sdn Bhd (MHSB) di sini pada Khamis.



Para pegawai dan kakitangan Muip Holding Sdn Bhd pada majlis ikrar bebas rasuah.

Turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif MHSB, Ahmad Mustaqim Mohd Zain.

Hairuzam menegaskan, melalui NACP, MHSB dapat menerapkan prinsip ketelusan, kebertanggungjawaban dan integriti serta tadbir urus yang baik.

"Perkara ini akan menjadi asas dalam usaha untuk menghapuskan rasuah dan membentuk ekosistem bebas rasuah untuk generasi akan datang," ujarnya.

Sementara itu, Ahmad Mustaqim berkata, majlis ikrar bebas rasuah itu yang julung kali dilaksanakan itu sebagai usaha murni dalam mengukuhkan matlamat bebas rasuah di MHSB.

Menurutnya, membangunkan sebuah organisasi dengan nilai integriti dan tadbir urus yang baik merupakan satu tanggungjawab besar.

"Keruntuhan integriti akan membawa kepada berlakunya kepincangan termasuk amalan rasuah dan pecah amanah yang akan memberikan impak besar kepada individu, keluarga dan organisasi itu sendiri.

"Saya yakin inisiatif ini penting dalam mengorak langkah ke arah pengurusan organisasi yang bebas dari rasuah," tegasnya.

**SINAR HARIAN**
**26/07/2022**
**(SELASA)**



# Usaha banteras rasuah sempadan

## SPRM guna kaedah penyamaran untuk dapatkan maklumat

Oleh ADILA SHARINNI WAHID
KOTA BHARU



Para peserta Program Dialog Basmi Rasuah Hapus Jenayah Tanggungjawab Bersama di Pantai Cahaya Bulan, Kota Bharu pada Isnin.

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Kelantan menggunakan pelbagai kaedah termasuk melakukan penyamaran di daerah-daerah bersempadan dengan negara jiran, Thailand bagi mendapatkan sebarang maklumat berkaitan jenayah rasuah.

Pengarah SPRM Kelantan, Ketua Penolong Kanan Pesuruhjaya (KPKP) Rosli Husain berkata, SPRM akan mengambil tindakan tegas sekiranya memperoleh maklumat berlaku jenayah rasuah di sempadan.

"Dari segi kaedah pelaksanaan penugasan, pelbagai cara boleh digunakan termasuk penyamaran dan sebagainya.

"Paling penting adalah dapat membuktikan berlakunya kes rasuah dan membawa pesalah ke muka pengadilan," katanya pada sidang akhbar selepas Program Dialog Basmi Rasuah Hapus Jenayah Tanggungjawab Bersama di Pantai Cahaya Bulan, di sini pada Isnin.

Hadir sama, Pemangku Ketua Polis Kelantan, Datuk Muhamad Zaki Harun.

Rosli berkata, kerjasama amat diperlukan daripada pemberi maklumat atau pihak yang mengetahui berlakunya rasuah supaya melaporkan salah laku itu kepada SPRM.

"Tugas membanteras jenayah rasuah dalam negara memerlukan kerjasama semua pihak, sama ada pihak yang meminta dan menerima rasuah tersebut," ujarnya.

Tambahnya, identiti pemberi maklumat dirahsiakan dan dilindungi mengikut Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711).

**BERITA HARIAN**
**26/07/2022**
**(SELASA)**



Kes rasuah Ahmad Zahid

# SPRM akan panggil semua individu dalam lejar UKSB

## Nama Muhyiddin, Reezal Merican, Khairy, Tun M antara disebut di mahkamah

Oleh Rahmiza Idris
dan Ahmad Suhael Adnan
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) akan memanggil semua individu disenaraikan dalam buku lejar Ultra Kirana Sdn Bhd (UKSB) yang menjadi bahan bukti dalam kes rasuah membabitkan Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Buku lejar itu menyenaraikan rekod wang UKSB yang keluar dan masuk, termasuk kepada beberapa individu berprofil tinggi yang disenarai menggunakan kod nama tertentu seperti didedahkan di Mahkamah Tinggi baru-baru ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang), Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar, berkata SPRM akan menjalankan siasatan terhadap semua individu dalam buku lejar itu untuk menentukan sama ada wang diterima berunsur rasuah atau sebaliknya.

"SPRM menerima beberapa aduan terhadap individu terbabit yang tersenarai dalam satu lejar seperti dikemukakan di mahkamah baru-baru ini.

"SPRM akan memanggil semua nama yang disebutkan di dalam lejar berkenaan.

"Siasatan akan menentukan sama ada pemberian atau penerimaan wang adalah berunsur rasuah ataupun tidak," katanya dalam jawapan bertulis di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan Khoo Poay Tiong (PH-Kota Melaka) yang bertanya mengapa SPRM tidak menyiasat individu yang dikaitkan menerima wang daripada syarikat UKSB, walaupun SPRM mempunyai akses terhadap bukti itu sebelum ini.

### Berdepan 33 pertuduhan

Sebelum ini, mahkamah dimaklumkan mengenai beberapa individu yang disebut dalam buku lejar itu selain Ahmad Zahid, antaranya Khairy Jamaluddin, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican.

Turut didedahkan menerima wang UKSB yang dikatakan sebagai dana politik, adalah bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad; Menteri Kanan Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Hussein; Presiden Parti Warisan, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal; bekas Menteri Luar, Datuk Seri Anifah Aman dan Ketua Penerangan UMNO, Shahril Hamdan Suffian.

Ahmad Zahid, 69, berdepan 33 pertuduhan menerima suapan berjumlah SG$13.56 juta daripada UKSB untuk dirinya selaku Menteri Dalam Negeri ketika itu bagi melanjutkan kontrak syarikat berkenaan sebagai pengendali Pusat Sehenti (OSC) di China dan VLN, serta mengekalkan kontrak perjanjian untuk membekalkan sistem bersepadu VLN kepada syarikat sama oleh kementerian terbabit.

"Siasatan akan menentukan sama ada pemberian atau penerimaan wang adalah berunsur rasuah ataupun tidak"



Wan Junaidi Tuanku Jaafar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang)

Bagi tujuh lagi pertuduhan, Ahmad Zahid didakwa sebagai menteri sama ketika itu, mendapatkan untuk dirinya wang tunai SG$1,150,000, RM3 juta, 15,000 Swiss Franc dan AS$15,000 tanpa balasan daripada UKSB yang mempunyai kaitan dengan kerja rasminya.

Ahmad Zahid didakwa melakukan semua kesalahan itu di Sri Satria, Presint 16, Putrajaya, dan Country Heights, Kajang, antara Oktober 2016 dan Mac 2018.

**BERITA HARIAN**
**27/07/2022**
**(RABU)**

Kes pengubahan wang haram

# Pendakwa mahu buktikan Shahrir terima RM1j

**Kuala Lumpur:** Pihak pendakwaan dalam kes Tan Sri Shahrir Ab Samad akan membuktikan bekas Pengerusi FELDA itu terbabit secara langsung dengan aktiviti pengubahan wang haram apabila memperoleh wang berjumlah RM1 juta daripada bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Timbalan Pendakwa Raya, Mohd 'Afif Ali, berkata terdapat keterangan lisan daripada saksi pendakwaan bagi membuktikan tertuduh (Shahrir) memperoleh wang itu yang dimasukkan ke dalam akaun bank Public Islamic miliknya, melalui sekeping cek bertarikh 17 November 2013.

"Terdapat juga keterangan bahawa tertuduh tidak melaporkan pendapatan sebenar itu dalam Borang Penyata Cukai Pendapatan Bagi Tahun Taksiran 2013.

"Ini membuktikan tertuduh telah melibatkan diri secara langsung dalam transaksi menyebabkan hasil daripada satu aktiviti haram," katanya.

Beliau berkata demikian ketika membaca pernyataan pembukaan pendakwaan pada hari pertama perbicaraan di hadapan Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk Muhammad Jamil Hussin, semalam.

**Tak isytihar pendapatan**

Shahrir, 73, didakwa membabitkan diri dalam pengubahan wang haram, apabila tidak melaporkan pendapatan sebenar dalam borang cukai pendapatan yang bertentangan dengan Seksyen 113 (1) (a) Akta Cukai Pendapatan 1967.

Dia tidak mengisytiharkan pendapatan diterima daripada Najib berjumlah RM1 juta melalui sekeping cek yang kemudiannya dimasukkan ke dalam akaun bank milik tertuduh.

Perbuatan itu didakwa dilakukan di LHDN, Cawangan Duta, Kompleks Pejabat Kerajaan, Jalan Tuanku Abdul Halim, di sini, pada 25 April 2014, mengikut Seksyen 4 (1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001, yang membawa hukuman denda tidak melebihi RM5 juta atau penjara maksimum lima tahun atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Mohd 'Afif berkata, pihak pendakwaan akan memanggil semua saksi yang berkaitan bagi membuktikan pertuduhan terhadap tertuduh, sama ada melalui keterangan secara terus atau secara tidak langsung.

Shahrir yang memakai sut berwarna hitam tiba di Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur kira-kira jam 8.20 pagi.

Pendakwaan turut dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Rasyidah Murni Azmi dan Natrah Fareha Rahmat.

Pada prosiding semalam, Shahrir diwakili peguam Datuk Firoz Hussein Ahmad Jamaluddin, Datuk Syed Faisal Al-Edros Syed Abdullah Al-Edros, Tan Sri Dzulkifli Ahmad yang juga bekas Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Syahrul Sycarsan Salehin dan Shaareen Mohd Hariz.

Selepas pernyataan pembukaan dibacakan, pendakwaan memanggil saksi pertamanya iaitu Penolong Pegawai Tadbir Tinggi, Bahagian Hal Ehwal Ahli Parlimen, Parlimen Malaysia, Rosli Mat Jimun, 49, untuk memberi keterangan. BERNAMA



*Shahrir (dua dari kiri) keluar dari Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur, semalam.* (Foto BERNAMA)

**BERITA HARIAN**
**28/07/2022**
**(KHAMIS)**

# SPRM cukup bukti dakwa individu terbabit skandal LCS

## Kementerian Pertahanan kerjasama siasat kes Kapal Tempur Pesisir Pantai

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim dan Ahmad Suhael Adnan
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mempunyai bukti mencukupi untuk membuat pertuduhan terhadap beberapa individu yang terbabit dalam skandal kontrak perolehan Kapal Tempur Pesisir Pantai (LCS).

Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Seri Ikmal Hisham Abdul Aziz, berkata SPRM juga sudah menyelesaikan beberapa bahagian kes dan mencadangkan pertuduhan terhadap suspek.

"Saya difahamkan pihak Jabatan Peguam Negara untuk memuktamadkan proses seterusnya.

"Menteri Kanan Pertahanan (Datuk Seri Hishammuddin Hussein) sudah berkali-kali katakan, kami tidak akan mempertahan atau berkompromi dengan mana-mana pihak yang tidak bertanggungjawab dalam proses perolehan LCS ini," katanya pada sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat, semalam.

### Terus beri kerjasama

Beliau menjawab soalan tambahan Datuk Zakaria Mohd Edris (BERSATU-Libaran) yang memohon penjelasan mengenai tindakan terhadap salah laku pihak yang bertanggungjawab menyebabkan kelewatan menyiapkan perolehan kapal LCS.

Ikmal Hisham berkata, Kementerian Pertahanan akan terus memberi kerjasama dan sokongan penuh kepada SPRM berhubung isu terbabit.

"Kementerian menyerahkan sepenuhnya kepada pihak berkuasa untuk mengambil tindakan jika ada salah laku yang menyebabkan kelewatan (perolehan ini).

"Saya mengalu-alukan mana-mana pihak sekiranya mempunyai bukti baharu atau maklumat tambahan supaya terus melaporkannya kepada pihak berkuasa," katanya.

Pada 24 Januari lalu, SPRM dilaporkan menahan dua Ketua Pegawai Eksekutif sebuah syarikat yang terbabit dalam kontrak perolehan enam kapal LCS.

Mereka yang berusia 70 dan 49 tahun ditahan selepas hadir bagi membantu siasatan di Ibu Pejabat SPRM.

> "Menteri Kanan Pertahanan sudah berkali-kali katakan, kami tidak akan mempertahan atau berkompromi dengan mana-mana pihak yang tidak bertanggungjawab dalam proses perolehan LCS ini"



Ikmal Hisham Abdul Aziz,
Timbalan Menteri Pertahanan

# BERITA HARIAN
# 28/07/2022
# (KHAMIS)



Kes rasuah pembinaan terowong dasar laut di Pulau Pinang

## 'Saya terhutang budi'

### Pengarah ZCSB arah guna invois, baucar palsu elak nama Guan Eng dikaitkan

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali
ajohari@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Pengarah Consortium Zenith Construction Sdn Bhd (ZCSB) memberitahu Mahkamah Tinggi semalam, beliau terhutang budi kepada Lim Guan Eng dan tidak mahu mengaitkannya dalam apa cara sekalipun berhubung kes rasuah projek terowong dasar laut di Pulau Pinang.

Datuk Zarul Ahmad Mohd Zulkifli berkata, beliau tiada niat mereka-reka cerita dan arahannya kepada bekas pengarah syarikat, Ibrahim Sahari serta bekas naib presiden kanan kewangan dan perkhidmatan korporat, Aafi Adam menggunakan invois dan baucar yang dipalsukan adalah supaya nama bekas Ketua Menteri Pulau Pinang itu tidak dikaitkan dengan kes berkenaan.

Kepada cadangan Timbalan Pendakwa Raya, Datuk Wan Shaharuddin Wan Ladin yang beliau membuat arahan itu bagi mengelakkan dirinya disiasat, saksi ke-23 pendakwaan itu berkata, tindakan itu diambil kerana tidak mahu mengaitkan nama Guan Eng.

Saksi itu juga disoal sama ada beliau tahu syarikatnya mendapat markah tinggi dalam tawaran tender projek di sebalik keterangannya sebelum ini yang menyatakan dijanjikan projek itu oleh Guan Eng dengan pulangan 10 peratus keseluruhan keuntungan kepada Ahli Parlimen Bagan itu.

**Wan Shaharuddin: Akhirnya kamu yang dapat projek itu. Adakah kamu ada sebab untuk mereka-reka cerita?**

**Zarul Ahmad:** Saya tiada niat untuk reka. Saya banyak terhutang budi kepada dia (Guan Eng) dan kalau boleh tidak mahu mengaitkan dia dalam kes ini.

Zarul Ahmad berkata, selepas dibebaskan daripada reman selama 11 hari pada awal Januari 2018 berhubung siasatan kes rasuah projek itu, beliau berjumpa Ibrahim dan Aafi dan memberitahu mereka, invois dan baucar berkenaan adalah bagi pembayaran kepada Guan Eng.

Mengenai dua kenyataan diberikannya kepada media, saksi itu berkata, Guan Eng mengarahkannya berbuat demikian untuk menampakkan seolah-olah beliau dipaksa memberikan kenyataan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Saksi itu memberi keterangan terhadap Guan Eng yang didakwa atas dua tuduhan menyebabkan dua lot tanah milik Kerajaan Pulau Pinang yang bernilai RM208.8 juta dilupuskan kepada syarikat pemaju berkaitan projek terowong dasar laut di negeri itu.

Guan Eng turut didakwa bagi tuduhan pindaan, iaitu sebagai Ketua Menteri Pulau Pinang menggunakan kedudukannya untuk menerima suapan bagi dirinya sendiri wang berjumlah RM3.300.000.

Kes pengubahan wang haram

## Saksi tak boleh sahkan cek bank RM63,800 milik peribadi Shahrir

**Kuala Lumpur:** Seorang pegawai Public Bank Berhad memberitahu Mahkamah Tinggi semalam, beliau tidak boleh mengesahkan cek bank itu berjumlah RM63,800 atas nama Zam Engineering & Construction yang dikeluarkan pada 2014 adalah milik peribadi Tan Sri Shahrir Ab Samad.

Pengurus Perkhidmatan Perbankan, Tan Kok Kheng, 33, ketika pemeriksaan balas oleh peguam, Shaarveen Mohd Hafis yang mewakili Shahrir, berkata beliau juga tidak boleh mengesahkan sama ada wang melalui cek bertarikh 25 Mac 2014 itu diamanahkan kepada Shahrir atau sebaliknya.

Saksi ketiga pendakwaan itu juga memaklumkan, beliau tidak mengetahui wang terbabit digantikan semula atau tidak oleh bekas Pengerusi FELDA itu yang berdepan pertuduhan pengubahan wang haram.

Beliau berkata, transaksi itu tidak menimbulkan kecurigaan kerana syarikat pembinaan, Zam Engineering & Construction kemungkinan besar mendapat bayaran untuk kontrak yang dilaksanakan.

Katanya, jika timbul kecurigaan, bank akan menghubungi pelanggan untuk mendapatkan maklumat mengenai sumber bayaran dan tujuan transaksi itu.

Shahrir, 72, didakwa membabitkan diri dalam pengubahan wang haram dengan cara tidak melaporkan pendapatan sebenar dalam borang cukai pendapatan, yang bertentangan Seksyen 112 (1) (a) Akta Cukai Pendapatan 1967.

Beliau dituduh tidak mengisytiharkan pendapatan diterima daripada bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berjumlah RM1 juta melalui sekeping cek yang kemudian dimasukkan ke dalam akaun bank milik tertuduh.

Perbicaraan bersambung hari ini.

**HARIAN METRO**
**30/07/2022**
**(SABTU)**

PENOLONG PEGAWAI PENDIDIKAN DAERAH NAFI TUDUHAN

# MINTA RM2K LULUS *CLAIM* JAGA



MOHD Fauzi membuat pengakuan tidak bersalah terima suapan lima tahun lalu.

**Oleh Ahmad Hasbi**
ani@hmetro.com.my

Seremban

Penolong Pegawai Pendidikan Daerah Port Dickson dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Seremban di sini, semalam atas pertuduhan menerima suapan bagi meluluskan tuntutan tugas pengawal keselamatan sekolah lima tahun lalu.

Tertuduh, Mohd Fauzi Abdul, 46, bagaimanapun membuat pengakuan tidak bersalah di hadapan Hakim Roshan Lutfi Mohamed selepas pertuduhan dibacakan jurubahasa.

Menurut kertas pertuduhan, tertuduh yang bertugas di Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Port Dickson menerima suapan wang tunai RM2,000 daripada seorang lelaki sebagai upah bagi meluluskan tuntutan tugas pengawal keselamatan bagi bulan Oktober 2017 di sekolah-sekolah dalam daerah Port Dickson.

Kesalahan itu dilakukan di sebuah bank di Lukut, Port Dickson pada 16 November 2017.

Oleh itu, tertuduh didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24(1) Akta yang sama.

Jika sabit kesalahan, tertuduh boleh dipenjara selama tempoh tidak melebihi 20 tahun dan dikenakan denda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai suapan.

Pihak pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Mohamad Azriff Firdaus Mohamad Ali menawarkan jaminan sebanyak RM5,000.

Tertuduh yang diwakili peguam Datuk Hanif Hassan bersetuju dengan jumlah jaminan berkenaan.

Mahkamah kemudiannya menetapkan jaminan sebanyak RM5,000 dengan seorang penjamin dan syarat tambahan perlu melaporkan diri di Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Daerah Port Dickson pada atau sebelum 7 haribulan setiap bulan.

*Sebutan semula kes pada 30 Ogos.*

**BERITA HARIAN**
**30/07/2022**
**(SABTU)**

Kes seleweng dana MITRA

# Bekas pengarah didenda RM85,000

## Didakwa guna dokumen sokongan palsu dalam laporan akhir perbelanjaan

Oleh Muhammad Hafis Nawawi
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Bekas Pengarah Malaysian Intellect Development Foundation (MIDF) didenda RM85,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini, semalam, berhubung penyelewengan dana Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA).

Tertuduh, S Vijaya Kumar S Sunnakannu, 47, dikenakan denda itu selepas mengaku bersalah sebaik tuduhan pilihan dikemukakan terhadapnya di hadapan Hakim Suzana Hussin.

Suzana turut mengarahkan tertuduh menjalani hukuman penjara enam bulan sekiranya gagal membayar denda terbabit.

Berdasarkan pertuduhan, tertuduh didakwa dengan curangnya menggunakan sebagai tulen suatu dokumen iaitu baucar bayaran bernilai RM75,000 yang masa beliau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa dokumen itu adalah palsu.

**Sedia dokumen palsu**

Tertuduh menyediakan dokumen sokongan palsu iaitu baucar bayaran MIDF dalam laporan akhir kepada MITRA bagi perbelanjaan program Tamil Schools Post COVID-19 Assistance (TAS-COVID) dan siasatan mendapati syarikat dinamakan dalam baucar bayaran itu tidak membuat pembekalan pensanitasi tangan bagi program itu.

Dia didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 471 Kanun Keseksaan dan Seksyen 465 kanun sama itu di Unit MITRA Kementerian Perpaduan Negara, Aras 6, Blok F6, Kompleks F, Lebuh Perdana Timur A, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya pada 2 Julai lalu.

Jika sabit kesalahan boleh dipenjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau denda, atau dengan kedua-duanya sekali.

Prosiding kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Kalaivani Annadorai.

Sementara itu, tertuduh yang tidak diwakili peguam merayu dikenakan denda minimum dan tidak dipenjarakan atas alasan dia kesal perbuatannya dan memberikan kerjasama baik kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sepanjang tempoh reman selama enam hari.

Katanya, tiada transaksi kewangan daripada program MITRA masuk ke akaunnya, malah beliau meletakkan semua jawatan di MIDF dan kini bekerja sebagai jurunding bebas dengan pendapatan tidak menentu.

**SINAR HARIAN**

**30/07/2022**

**(SABTU)**

# Bekas Pengarah MIDF didenda RM85,000

## Tertuduh didakwa guna dokumen pembayaran baucar palsu

Oleh NOOR AZIDA ALIMIN
KUALA LUMPUR



Vijaya Kumar (kanan) tiba di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur untuk mengjadapi pertuduhan kes menggunakan dokumen pembayaran baucar RM75,000 palsu pada Jumaat.

Seorang bekas Pengarah Yayasan Pembangunan Intelek Malaysia (MIDF) didenda RM85,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini pada Jumaat kerana menggunakan dokumen pembayaran baucar RM75,000 palsu bagi program Tamil Schools Post Covid-19 Assistance (Tas-Covid).

S S Vijaya Kumar, 47, dikenakan hukuman itu selepas mengaku bersalah atas pertuduhan pilihan yang dibaca di hadapan Hakim Suzana Hussin.

Mahkamah memerintahkan tertuduh dipenjara enam bulan jika gagal membayar denda tersebut.

Mengikut pertuduhan, dia didakwa menggunakan suatu dokumen iaitu Baucar Pembayaran MIDF berjumlah RM75,000 bertarikh 24 November 2020 kepada sebuah syarikat bagi pembayaran pensanitasi tangan, di mana tertuduh mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa dokumen itu adalah palsu.

Kesalahan dilakukan di Unit Transformasi Masyarakat India (Mitra), Kementerian Perpaduan Negara, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Putrajaya pada 2 Julai 2021.

Kesalahan itu boleh dihukum di bawah Seksyen 471 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara tidak lebih dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Mengikut fakta kes, tertuduh menyediakan dokumen sokongan palsu iaitu baucar bayaran MIDF dalam laporan akhir kepada Mitra bagi perbelanjaan program Tas-Covid.

Hasil siasatan mendapati, syarikat yang dinamakan dalam baucar bayaran tersebut tidak membuat pembekalan pensanitasi tangan bagi program itu.

Semasa prosiding, tertuduh yang tidak diwakili peguam, merayu agar tidak dipenjarakan dan diberikan denda dalam kadar minimum kerana telah menyesali perbuatan dilakukannya itu.

"Walaupun saya melakukan perkara ini atas arahan seseorang, tapi saya malu dengan keluarga, rakan-rakan dan masyarakat secara umumnya.

"Saya telah beri semua butiran penginan mengenai program Tas-Covid kepada pihak berkuasa dan tiada transaksi kewangan masuk ke akaun bank saya," katanya.

Vijaya Kumar juga berkata, dia telah meletak jawatan daripada organisasi tersebut dan kini bekerja sebagai perunding bebas.

Bagaimanapun, Timbalan Pendakwa Raya, A Kalaivani memohon kepada mahkamah supaya menjatuhi hukuman setimpal kerana kesalahan yang dilakukan adalah serius selain mengambil kira kepentingan awam.

# OGOS 2022

UNIT INTEGRITI & PEMODENAN PENTADBIRAN MBJB

# SINAR HARIAN
## 18/08/2022
## (KHAMIS)

# Isytihar harta dulu sebelum pegang jawatan

Elak berlaku rasuah, salah guna kuasa di kalangan ahli politik



## Rasuah: Pembantu penguat kuasa JPJ mengaku tidak bersalah

## Suami isteri didakwa subahat, salah guna kedudukan



**BERITA HARIAN**
**18/08/2022**
**(KHAMIS)**



## Anggota JPJ didakwa terima rasuah

# Suami isteri dituduh salah guna kedudukan, subahat

### Pegawai MPK didakwa guna jawatan lantik syarikat ada kaitan keluarga



**SINAR HARIAN**
**18/08/2022**
**(KHAMIS)**

# Penjawat awam diberkas miliki, positif dadah

**AMPANG** - Padah memiliki dadah jenis syabu dan ganja, seorang penjawat awam diberkas di tepi jalan berhampiran Pandan Indah di sini pada Rabu.

Ketua Polis Daerah Ampang Jaya, Asisten Komisioner Mohamad Farouk Eshak berkata, suspek ditahan kira-kira jam 3.50 pagi.

"Suspek berumur 37 tahun itu ditahan sepasukan anggota polis yang sedang melakukan rondaan cegah jenayah di lokasi berkenaan.

"Pemeriksaan terhadap suspek menemui lima peket dipercayai dadah jenis syabu seberat 6.95 gram dan satu peket dadah dipercayai ganja seberat 3.46 gram," katanya dalam kenyataan pada Rabu.

Ujarnya, semakan mendapati suspek didapati mempunyai dua rekod jenayah lampau berkaitan kes dadah namun tiada dalam senarai individu dikehendaki polis.

"Suspek didapati positif dadah menerusi ujian saringan air kencing yang dijalankan," jelasnya.

Kes disiasat di bawah Seksyen 39A(1) Akta Dadah Berbahaya 1952, serta Seksyen 6 dan Seksyen 15(1)(a) akta yang sama.

**BERITA HARIAN**
**20/08/2022**
**(SABTU)**

# Guru besar didakwa kemuka dokumen palsu

Kuantan: Seorang guru besar sebuah sekolah di Raub dihadapkan ke Mahkamah Sesyen, di sini semalam atas dakwaan mengemukakan dokumen palsu bagi tuntutan bayaran pembekalan makanan untuk program sukan sekolah, lima tahun lalu.

Lee Wai Teng, 58, mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Datuk Ahmad Zamzani Mohd Zain.

Tertuduh didakwa memberikan dokumen kepada pembantu tadbir sekolah terbabit, iaitu set tuntutan bayaran pembekalan makanan untuk Program Klinik Sukan Prasekolah pada 6 Disember 2017.

Bagi pertuduhan utama, pada 6 Disember 2017, Wai Teng di Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) Cina Sungai Luit Raub didakwa memberikan dokumen kepada pembantu tadbir iaitu set tuntutan bayaran pembekalan makanan untuk Program Klinik Sukan Prasekolah bertarikh pada 21 November 2017.

Bagaimanapun, secara prinsipal tertuduh mempunyai kepentingan mengenainya dan mengandungi butir maklumat palsu tetapi sebenarnya pembekalan makanan itu tidak dilakukan.

Bagi pertuduhan itu, Wai Teng didakwa mengikut Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 24 akta sama.

Jika disabitkan kesalahan, dia boleh dipenjara tidak melebihi 20 tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai butir matan palsu atau RM10,000 mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

Bagi pertuduhan pilihan, tertuduh pada 6 Disember 2017 di sekolah itu dengan curangnya menggunakan suatu dokumen sebagai tulen iaitu set bayaran pembekalan makanan untuk Program Sukan Prasekolah bertarikh 21 November 2017 ia itu tertuduh mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa dokumen itu adalah palsu.

Oleh itu, tertuduh didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 471 Kanun Keseksaan yang boleh dihukum mengikut Seksyen 465 kanun yang sama.

**SINAR HARIAN**
**20/08/2022**
**(SABTU)**

# Tender secara terus buka ruang rasuah

## Projek bernilai tinggi sepatutnya dibuat melalui tender terhad

Oleh NURFARDLINA IZZATI MOKTAR
SHAH ALAM

Tender projek yang bernilai tinggi tidak boleh dilakukan secara terus kerana dikhuatiri membuka ruang kewujudan unsur salah laku penyelewengan rasuah.

Presiden Pertubuhan Ikram Malaysia (Ikram), Badlishah Sham Baharin berkata, sepatutnya projek bernilai tinggi dibuat melalui tender terhad terutama melibatkan aset sensitif seperti ketenteraan.

"Aset ketenteraan tidak sesuai dibuat melalui tender terbuka kerana ia melibatkan rahsia kekuatan dan strategi ketenteraan, justeru tidak wajar ia didedahkan kepada umum.

"Rundingan terus boleh terdedah kepada rasuah jika terma rundingan tidak telus dan mempunyai unsur berat sebelah," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* pada Rabu.


BADLISHAH SHAM

Pada Selasa, Ahli Parlimen Muar, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman mendedahkan selepas skandal kapal tempur pesisir (LCS) Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) menjadi bualan ramai, kini timbul pula dakwaan melibatkan Meriam Self Propelled Howitzer (SPH) yang dikaitkan dengan Kementerian Pertahanan dan Kementerian Kewangan (MOF).

Syed Saddiq berkata, MOF telah meluluskan perolehan SPH dan infrastruktur dilakukan secara rundingan terus dengan syarikat MA Analytics Sdn Bhd yang sepatutnya dilaksanakan secara tender terhad.

Dalam pada itu, Badlishah turut mencadangkan sistem perolehan kerajaan perlu ditambah baik dengan sistem semak dan imbang.

"Perlu ada jawatankuasa bebas yang memantau perbelanjaan projek bernilai tinggi dan bertanggungjawab melaporkan ke Parlimen," jelasnya.

**BERITA HARIAN**
**20/08/2022**
**(SABTU)**

# Dua direman kemuka tuntutan palsu RM41,442

**Georgetown:** Seorang pemilik syarikat yang menyediakan perkhidmatan latihan dan seorang wanita ditahan reman selama empat hari bermula semalam bagi membantu siasatan berhubung kes tuntutan palsu bernilai RM41,442.

Majistret, Nur Melati Diana Abdul Wahab mengeluarkan perintah tahanan reman ke atas suspek lelaki berusia [illegible] tahun dan suspek wanita yang juga eksekutif kanan berusia [illegible] tahun itu di Mahkamah Majistret Jenayah, di sini, semalam.

**Ditahan SPRM**

Kelmarin, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dilaporkan menahan dua individu terbabit bagi membantu siasatan berhubung kes mengemukakan tuntutan palsu di pejabat SPRM Pulau Pinang kira-kira jam 4.30 petang selepas kedua-duanya hadir memberi keterangan.

Difahamkan kedua-duanya dipercayai terbabit dalam kes mengemukakan dokumen yang mengandungi butiran palsu berkaitan lima penganjuran latihan perisian komputer bernilai lebih RM40,000 pada 2021, namun latihan berkenaan tidak dilaksanakan.

Terdahulu, kedua-dua individu terbabit hadir ke mahkamah dengan pakaian lokap SPRM berwarna oren dalam keadaan tangan bergari diiringi pegawai SPRM.




*Dua individu dibawa ke Mahkamah Majistret Jenayah di Georgetown, semalam.*

**SINAR HARIAN**
**21/08/2022**
**(AHAD)**

# Rasuah Busters Johor ditubuh

Dianggotai beberapa NGO pelbagai kaum, golongan muda






## SPRM dekati penduduk sebar mesej perangi rasuah



**BERITA HARIAN**
**21/08/2022**
**(AHAD)**

# Arkitek ditahan kes tuntutan palsu RM3j

## Lelaki ditangkap selepas hadir memberi keterangan di SPRM




*Suspek disyaki buat tuntutan palsu RM3 juta ditahan di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya selepas hadir memberi keterangan.* (Foto ihsan SPRM)

**Kuala Lumpur:** Seorang arkitek ditahan kerana disyaki membuat tuntutan palsu dianggarkan bernilai RM3 juta berkaitan sebuah projek pembangunan di Pantai Timur.

Lelaki berusia 40-an itu ditahan susulan penahanan empat individu termasuk seorang pengurus syarikat hartanah berhubung kes sama pada 16 Jun lalu.

Sumber berkata, lelaki berkenaan ditahan kira-kira jam 6 petang kelmarin di Ibu Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Putrajaya selepas hadir memberi keterangan.

**Direman empat hari**

"Suspek disyaki terbabit dalam tindakan mengemukakan tuntutan palsu bagi projek yang keseluruhannya bernilai lebih RM300 juta sedangkan kerja tidak dilaksanakan.

"Lelaki itu direman empat hari bermula hari ini (semalam) selepas Mahkamah Majistret Putrajaya membenarkan permohonan reman oleh SPRM pagi ini (semalam)," kata sumber itu.

Sementara itu, Pengarah Kanan Bahagian Siasatan SPRM, Datuk Seri Hishamuddin Hashim mengesahkan penahanan arkitek terbabit dan kes disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009.

BERNAMA

**HARIAN METRO**
**21/08/2022**
**(AHAD)**

BUAT TUNTUTAN PALSU KURSUS 'HANTU'

# SPRM tahan dua individu

**Shah Alam:** Dua individu ditahan sepasukan pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi membantu siasatan berhubung kes mengemukakan tuntutan palsu bagi penganjuran latihan kemahiran yang tidak wujud.

Difahamkan suspek membuat tuntutan bagi latihan diadakan itu membabitkan nilai lebih RM40,000.

Sumber berkata, kedua-dua suspek berusia 29 dan 56 tahun itu ditahan di pejabat SPRM Pulau Pinang kira-kira jam 4.30 petang kelmarin.

**RM40k**
Nilai lima penganjuran latihan perisian komputer

Katanya, suspek wanita berusia 29 tahun adalah eksekutif kanan sebuah syarikat dan suspek lelaki berusia 56 tahun pula adalah pemilik syarikat penyediaan latihan.

"Mereka dipercayai mengemukakan dokumen yang mengandungi butiran palsu berkaitan lima penganjuran latihan perisian komputer bernilai lebih RM40,000 pada 2021 sedangkan penganjuran latihan itu tidak dilaksanakan," katanya.

Sementara itu, Pengarah SPRM Selangor Datuk Alias Salim mengesahkan tangkapan itu dan memaklumkan kedua-dua suspek akan dibawa ke Mahkamah Butterworth, Pulau Pinang untuk tujuan permohonan reman pagi semalam.

Beliau berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009.

HARIAN METRO
21/08/2022
(AHAD)

# Arkitek ditahan buat tuntutan palsu RM3j

**Kuala Lumpur:** Seorang arkitek ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) selepas disyaki mengemuka tuntutan palsu dianggarkan berjumlah RM3 juta.

Sumber berkata, tuntutan itu membabitkan sebuah projek pembangunan di pantai timur.

Menurutnya suspek lelaki berusia lingkungan 40-an itu ditahan susulan penahanan empat individu termasuk seorang pengurus syarikat hartanah berhubung kes sama pada 16 Jun lalu.

"Lelaki itu ditahan kira-kira jam 6 petang kelmarin di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya ketika hadir memberi keterangan. Jelasnya, arkitek itu disyaki terbabit dalam tindakan mengemukakan tuntutan palsu bagi projek yang keseluruhannya bernilai lebih RM300 juta.

"Lebih malang tuntutan palsu dibuat sedangkan kerja-kerja sewajarnya tidak dilaksanakan," katanya.

Menurutnya, suspek kini ditahan reman selama empat hari bermula semalam sehingga 23 Ogos 2022 selepas Majistret Irza Zulaikha Rohanuddin membenarkan permohonan reman oleh pihak SPRM di Mahkamah Majistret Putrajaya.

Sementara itu, Pengarah Kanan Bahagian Siasatan SPRM, Datuk Seri Hishamuddin Hashim mengesahkan penahanan terbabit dan kes disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009.

**SINAR HARIAN**
**21/08/2022**
**(AHAD)**

# Dua individu kemuka tuntutan palsu RM41,442 direman

GEORGETOWN - Seorang pemilik syarikat penyediaan latihan dan eksekutif kanan sebuah syarikat direman empat hari bermula Sabtu bagi membantu siasatan berhubung kes tuntutan palsu berjumlah RM41,442.

Suspek yang berpakaian lokap Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) tiba di Kompleks Mahkamah Georgetown kira-kira jam 10.30 pagi untuk mendapatkan perintah tersebut.

Perintah tahanan reman terhadap kedua-duanya dikeluarkan oleh Majistret Nur Melati Diana Abdul Wahab selepas Pegawai Penyiasat SPRM, Rashid Ambi membuat permohonan di Mahkamah Majistret di sini.

Suspek lelaki berusia 56 tahun dan suspek wanita berusia 29 tahun itu ditahan bagi membantu siasatan berhubung kes mengemukakan tuntutan palsu bernilai lebih RM40,000.



Dua suspek direman empat hari bagi membantu siasatan berhubung kes tuntutan palsu berjumlah RM41,442.

Menurut sumber, kedua-dua suspek terbabit ditahan di Ibu Pejabat SPRM Pulau Pinang kira-kira jam 4.30 petang pada Jumaat ketika hadir memberi keterangan.

Katanya, suspek wanita yang merupakan eksekutif kanan sebuah syarikat dan suspek lelaki iaitu pemilik syarikat penyediaan latihan dipercayai terlibat dalam kesalahan mengemukakan dokumen yang mengandungi butiran palsu berkaitan lima penganjuran latihan perisian komputer bernilai lebih RM40,000 pada 2021 sedangkan penganjuran latihan terbabit tidak dilaksanakan.

Kedua-dua suspek disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009 manakala hanya suspek wanita diwakili peguam, K Mahendran.

SINAR HARIAN
21/08/2022
(AHAD)

# SPRM tahan arkitek buat tuntutan palsu RM3 juta

PUTRAJAYA - Seorang arkitek ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana disyaki membuat tuntutan palsu berjumlah kira-kira RM3 juta berkaitan sebuah projek pembangunan di Pantai Timur.

Menurut sumber, lelaki berusia lingkungan 40-an itu ditahan susulan penahanan empat individu termasuk seorang pengurus syarikat hartanah berhubung kes sama pada 16 Jun lalu.

Sumber berkata, lelaki tersebut ditahan ketika hadir memberi keterangan di Ibu Pejabat SPRM di sini pada jam 6 petang Jumaat.

"Dia disyaki terlibat mengemukakan tuntutan palsu bagi projek yang keseluruhannya bernilai lebih RM300 juta berkenaan sedangkan kerja-kerja tidak dilaksanakan.

"Suspek ditahan reman selama empat hari bermula hari ini (Sabtu) setelah Majistret Irza Zulaikha Rohanuddin membenarkan permohonan reman oleh SPRM di Mahkamah Majistret Putrajaya pada Sabtu," ujarnya.

Pengarah Kanan Bahagian Siasatan SPRM, Datuk Seri Hishamuddin Hashim ketika dihubungi mengesahkan penahanan arkitek berkenaan.



Suspek dibawa ke Mahkamah Majistret Putrajaya pada Sabtu untuk permohonan reman.

HARIAN METRO
21/08/2022
(AHAD)

# Guru besar nafi kemuka tuntutan palsu pembekalan makanan

**Kuantan:** Seorang guru besar wanita dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan mengemukakan tuntutan palsu berkaitan pembekalan makanan, lima tahun lalu.

Tertuduh Lee Wai Teng, 58, mengaku tidak bersalah atas pertuduhan itu yang dibacakan di hadapan Hakim Datuk Ahmad Zamzani Mohd Zain.

Dia didakwa mengemukakan dokumen Set Tuntutan Bayaran Pembekalan Makanan untuk Program Klinik Sukan Prasekolah bertarikh 21 November 2017 namun pembekalan makanan itu tidak dilakukan.

Lee dituduh melakukan perbuatan itu di sebuah sekolah di Raub, pada 6 Disember 2017 mengikut Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009, yang boleh dihukum di bawah Seksyen 24 akta sama.

Sabit kesalahan boleh dijatuhi hukuman penjara sehingga 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali nilai suapan atau RM10,000 yang mana lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Pegawai Pendakwa SPRM Kamariah Seman mencadangkan jaminan RM10,000, bagaimanapun peguam Chuah Shyue Chien yang mewakili tertuduh memohon jumlah jaminan itu dikurangkan atas alasan tertuduh tidak berisiko untuk melarikan diri.

"Tertuduh masih bergelar penjawat awam dan memberikan kerjasama sejak siasatan bermula pada tahun lalu. Tertuduh mempunyai dua anak dan menjaga ibunya yang uzur," kata peguam.

Mahkamah membenarkan jaminan RM8,000 dengan seorang penjamin serta syarat tambahan tertuduh melaporkan diri ke pejabat SPRM setiap bulan dan menyerahkan pasport kepada mahkamah sehingga kes selesai dan sebutan semula kes ditetapkan 15 September depan.

**HARIAN METRO**
**23/08/2022**
**(SELASA)**

# Tolak disogok sindiket judi online

## Polis perlu tingkatkan pemantauan bagi banteras perjudian

Oleh AHMAD ISMADI ISMAIL
SHAH ALAM

Anggota polis di semua peringkat diingatkan supaya menjaga integriti dan imej pasukan dengan tidak mengambil sebarang bentuk rasuah sekiranya disogok oleh sindiket perjudian dalam talian.

**EKSKLUSIF**

Bekas Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan berkata, anggota polis perlu sentiasa istiqamah memantau dan mengambil tindakan terhadap semua kegiatan haram oleh sindiket yang terlibat.

"Pegawai dan anggota polis perlu jaga integriti, jangan terbabit rasuah, jangan cemari pasukan dan uniform yang dipakai," katanya kepada *Sinar Harian* pada Ahad.

Menurut Musa, Polis Diraja Malaysia (PDRM) perlu mempertingkatkan pemantauan dan sentiasa mengambil tindakan tegas bagi membanteras kegiatan sindiket perjudian dalam talian.

"Anggota polis di setiap daerah perlu mengetahui kegiatan haram yang berlaku di kawasan masing-masing," tegasnya.



MUSA HASSAN

Beliau memberitahu, sindiket perjudian dalam talian berkemungkinan akan menghentikan operasi buat sementara waktu setelah media mendedahkan kegiatan haram mereka.

"Selain itu, sindiket berkenaan akan menutup premis sementara waktu setelah menyedari polis melakukan operasi serta serbuan," katanya.

*Sinar Harian* pada Sabtu melaporkan aktiviti kedai masin judi dalam talian dikesan kembali aktif selepas digempur PDRM secara besar-besaran pada hujung Januari lalu.

Sindiket perjudian dalam talian masih menggunakan taktik sama seperti awal tahun ini iaitu menggunakan komputer riba dan tablet yang mempunyai aplikasi perjudian dalam talian seperti 'jackpot'.

Tinjauan *Sinar Harian* mendapati premis perjudian dalam talian itu masih beroperasi di tingkat atas lot kedai serta dalam pusat sukan snuker.




**Keratan akhbar muka depan *Sinar Harian* pada 20 Ogos 2022.**

**BERITA HARIAN**
**24/08/2022**
**(RABU)**

# Suami isteri disyaki buat tuntutan palsu ditahan

**Johor Bahru:** Suami isteri ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Johor bagi membantu siasatan selepas disyaki mengemukakan tuntutan palsu berjumlah RM90,000 kepada sebuah jabatan kerajaan empat tahun lalu.

Jurucakap SPRM berkata, kedua-dua suspek berusia 38 dan 39 tahun ditahan di Pejabat SPRM Johor jam 11.30 pagi semalam, selepas masing-masing hadir untuk memberikan keterangan.

## Disyaki bersubahat

Difahamkan suspek wanita adalah pegawai daripada jabatan sama dan disyaki bersubahat dengan suaminya untuk membuat tuntutan pada 2019 dan 2020.

'Tuntutan dibuat berkaitan perkhidmatan mengambil dan menghantar pelajar sekolah menggunakan invois daripada sebuah syarikat pengusaha van, walaupun perkhidmatan berkenaan tidak dilaksanakan.

Kes disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009

**HARIAN METRO**
**25/08/2022**
**(KHAMIS)**

# Sarjan tak mengaku tiga tuduhan rasuah



**BERITA HARIAN**
**25/08/2022**
**(KHAMIS)**

# Kes Najib dapat liputan luas media antarabangsa

## Laporan sifatkan nasib bekas PM sebagai jatuh dari puncak kuasa terus ke penjara



**BERITA HARIAN**
**25/08/2022**
**(KHAMIS)**

# Sarjan kena dakwa kes rasuah

**Butterworth:** Seorang anggota polis berpangkat Sarjan dihadapkan ke Mahkamah Sesyen, di sini, atas tiga pertuduhan meminta dan menerima rasuah daripada dua individu yang terbabit kes curi, tahun lalu.

Mohd Azlan Mohd Nor, 36, yang bertugas di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Seberang Perai Tengah, bagaimanapun mengaku tidak bersalah dan minta dibicarakan ketika pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Zulhazmi Abdullah.

Mengikut pertuduhan pertama dan kedua, bapa kepada seorang anak itu didakwa secara rasuah meminta suapan masing-masing RM1,500 daripada dua lelaki berusia 36 tahun dan 45 tahun.

Bagi pertuduhan ketiga, tertuduh didakwa menerima rasuah RM1,300 daripada salah seorang individu terbabit di lokasi sama kira-kira jam 6.25 petang, pada 8 Ogos tahun lalu.

Mahkamah menetapkan jaminan RM12,000 dengan seorang penjamin, selain tertuduh diminta menyerahkan dokumen perjalanan, melapor diri di pejabat SPRM setiap bulan dan dilarang mengganggu saksi.

Kes akan disebut semula 28 September ini bagi serahan dokumen.

# HARIAN METRO
# 26/08/2022
# (JUMAAT)



lokal

Jumaat 26/08/2022 Harian Metro

PERMOHONAN PENGAMPUNAN DIRAJA

## Perlu jalani hukuman dahulu

KES 1MDB

## Shafee 'panas' dengan saksi

## Peguam diraja UK failkan rayuan

**SINAR HARIAN**
**26/08/2022**
**(JUMAAT)**

# Keputusan rayuan Abdul Azeez hari ini

## Untuk ketepikan 13 pertuduhan rasuah, pengubahan wang haram

Oleh IZWAN ROZLIN
SHAH ALAM

Istana Kehakiman, Putrajaya menjadi penentu hari ini sama ada berjaya atau tidak bekas Pengerusi Tabung Haji, Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim mengenepikan 13 pertuduhan rasuah dan pengubahan wang haram membabitkan dirinya.

Mengikut pertuduhan, Ahli Parlimen Baling itu didakwa atas 13 pertuduhan berkaitan projek pembinaan lebuh raya, naik taraf jalan raya di Kedah dan Perak iaitu melibatkan tiga pertuduhan menerima rasuah berjumlah RM5.2 juta serta 10 pertuduhan pengubahan wang haram.



ABDUL AZEEZ

Projek tersebut melibatkan Lebuh Raya Persisiran Pantai Baru, kerja-kerja menaik taraf Jalan Persekutuan FT005 (Teluk Intan ke Kampung Lekir, Perak).

Pertuduhan rasuah itu didakwa dilakukan di Bank CIMB cawangan Menara UAB di sini pada 8 Disember 2010 dan di Affin Bank Berhad, Setiawalk, Pusat Bandar Puchong, Selangor pada 13 Jun 2017 dan 10 April 2018.

Bagi pertuduhan pengubahan wang haram, Abdul Azeez didakwa melakukan kesalahan itu di Lembah Klang antara 8 Mac 2010 dan 30 Ogos 2018.

Hakim Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, Datuk Muhammad Jamil Hussin pada 12 Mac 2021, menolak permohonan Abdul Azeez untuk membatalkan kesemua pertuduhan itu atas alasan permohonan tersebut tidak mempunyai sebarang merit yang membolehkan mahkamah menggunakan budi bicaranya untuk berbuat demikian.

Pada 12 April 2021, Mahkamah Tinggi membenarkan permohonan Ahli Parlimen Baling itu untuk menangguhkan perbicaraan kes itu di Mahkamah Sesyen sehingga tamat rayuan bagi keputusan mahkamah terdahulu. Seramai tujuh saksi pendakwaan telah dipanggil memberi keterangan dalam perbicaraan yang bermula 19 Ogos 2020.

> “Mengikut pertuduhan, Ahli Parlimen Baling itu didakwa atas 13 pertuduhan berkaitan projek pembinaan lebuh raya, naik taraf jalan raya di Kedah dan Perak iaitu melibatkan tiga pertuduhan menerima rasuah berjumlah RM5.2 juta serta 10 pertuduhan pengubahan wang haram.”

Pada 1 Julai lalu, panel tiga hakim diketuai Hakim Datuk Seri Kamaludin Md Said yang bersidang bersama Hakim Datuk Abu Bakar Jais dan Hakim Datuk Che Mohd Ruzima Ghazali memutuskan membenarkan permohonan pihak perayu dan responden agar keputusan kes itu ditangguhkan.

Hakim Kamaludin berkata, mahkamah menangguhkan keputusan rayuan itu buat kali terakhir.

SINAR HARIAN
26/08/2022
(JUMAAT)

# CPI negara mungkin tidak berubah walaupun Najib ke penjara

SHAH ALAM - Transparency International Malaysia (TI-M) mengandaikan Indeks Persepsi Rasuah (CPI) negara tidak akan jauh berubah biarpun sistem kehakiman negara telus dan tegas dalam membuat keputusan.

Presidennya, Dr Muhammad Mohan berkata, ia susulan keputusan mahkamah terhadap kes penyelewengan dana SRC International Sdn Bhd berjumlah RM42 juta melibatkan Datuk Seri Najib Tun Razak.



MUHAMMAD

Ujarnya, keputusan Mahkamah Persekutuan mensabitkan Najib dalam kes penyelewengan tersebut jelas menunjukkan badan kehakiman negara bebas membuat keputusan tanpa dipengaruhi pihak luar.

Malah, kebebasan hakim membuat keputusan mengikut bukti yang ada dan berlunaskan undang-undang adalah bukti ketelusan dalam institusi perundangan negara.

Menurutnya, ia satu kemenangan kepada sistem demokrasi di Malaysia dan membuktikan doktrin tiga cabang iaitu perundangan, eksekutif dan kehakiman adalah bebas.

"Namun, adakah keputusan oleh Mahkamah Persekutuan itu memberi impak kepada CPI negara untuk tahun ini?

"Kami di TI-M merasakan ia mungkin tidak memberi kesan besar atau langsung tidak berubah kerana kita sudah hampir di hujung tahun.

"Meskipun begitu, sekiranya keputusan adil seperti ini terus berulang untuk kes lain dan komitmen pelbagai pihak membanteras rasuah dilaksanakan, CPI negara mungkin berubah," katanya kepada kru *Rasuah Busters*.

Selasa lalu, Mahkamah Persekutuan mengekalkan sabitan dan hukuman 12 tahun penjara serta denda RM210 juta ke atas Najib atas kesalahan menyeleweng dana RM42 juta milik SRC International Sdn Bhd.

Kata Muhammad, kerajaan dan agensi di bawahnya perlu menunjukkan komitmen untuk membanteras rasuah terutama melibatkan penjawat awam.

Selain itu katanya, pelaksanaan Pelan Anti Rasuah Nasional perlu digerakkan secara bersepadu dan holistik.

Jelasnya, isu penyelewengan seperti kes kapal tempur pesisir (LCS) juga perlu diambil tindakan segera dan siasatan telus dilakukan tanpa mengira kedudukan serta jawatan.

"Siasatan penuh dan telus perlu dilakukan termasuk menyoal pegawai tertinggi dan pemimpin politik yang terlibat dalam kes itu. Jangan biar seorang pun terlepas," katanya.

Tambah beliau, masalah rasuah dan salah guna kuasa di negara ini seakan sukar diubah kerana budaya akauntabiliti kurang dalam kalangan masyarakat.

SINAR HARIAN
26/08/2022
(JUMAAT)

# Najib makan apa di penjara?

## Timbul persoalan mengenai hidangan menu kepada banduan berstatus VIP



ANALISIS

LIZA MOKHTAR



HARI PENGADILAN... Najib keluar dari Kompleks Mahkamah Putrajaya untuk bertemu para penyokongnya yang setia menunggu di luar selepas mahkamah berehat seketika bagi prosiding pendengaran rayuan terakhir mengetepikan sabitan dan hukuman penjara ke atasnya.

Keputusan Mahkamah Persekutuan menolak rayuan akhir Datuk Seri Najib Tun Razak mengetepikan sabitan bersalah dan hukuman 12 tahun penjara serta denda RM210 juta berhubung kes seleweng dana SRC International Sdn Bhd bernilai RM42 juta disambut pelbagai reaksi orang ramai.

Ada yang bertepuk-sorak, tidak kurang juga yang menitiskan air mata hiba mengenangkan nasib menimpa Najib daripada seorang Perdana Menteri kini bergelar banduan di Penjara Kajang.

Timbul juga persoalan bagaimana seorang VIP seperti Najib bakal menjalani rutin hariannya di penjara, bagaimana makan minum beliau nanti?

Dan hari ini, merupakan malam keempat beliau tidur dalam penjara.

Menurut seorang bekas banduan yang berkongsi pengalaman menerusi *Sin Chew Daily*, kebiasaannya mereka makan lima kali sehari termasuk sarapan, makan tengah hari, minum petang, makan malam dan makan lewat malam.

Menu tipikal penjara terdiri daripada nasi dan sup, selain protein dan sayur yang disediakan dalam pelbagai cara berbeza.

Menerusi laporan dipetik *Sin Chew Daily* juga menyatakan kerajaan akan memberi bajet berbeza untuk setiap penjara.

Sebagai contoh, Penjara Marang menerima purata RM41 untuk setiap banduan pada tahun 2019.

Untuk 38 penjara di Malaysia, setiap banduan mempunyai purata bajet bulanan sebanyak RM10.

Ini membayangkan kerajaan akan membelanjakan sehingga RM6 juta setiap tahun untuk banduan, jumlah tersebut cukup untuk membina 12 sekolah awam.

HARIAN METRO
27/08/2022
(SABTU)

# SPRM akan panggil beberapa individu kes melibatkan KLFA

**SHAH ALAM** - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) akan panggil beberapa individu untuk membantu siasatan dakwaan berlaku pecah amanah dan salah guna kuasa membabitkan Persatuan Bolasepak Kuala Lumpur (KLFA).

Sumber berkata, serbuan yang dijalankan ke atas pejabat KLFA dan KL City dilakukan susulan daripada laporan diterima mengenai berlakunya pecah amanah membabitkan wang tajaan Kuala Lumpur City FC (KL City) dan tanah Akademi KLFA di Desa Melawati.

"Dokumen yang diperoleh dari pejabat KLFA minggu lalu sudah dihantar ke bahagian forensik untuk dianalisa dan SPRM akan meneliti proses penggunaan dana tajaan ini sama ada mengikut peraturan yang ditetapkan.

"Tajaan paling besar oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan diikuti oleh beberapa syarikat di Kuala Lumpur.

"Bagaimanapun, siasatan masih di peringkat awal dan SPRM dipercayai akan memanggil beberapa saksi bagi membantu siasatan kes ini," katanya.

Sementara itu, Pengarah Kanan Siasatan, SPRM, Datuk Seri Hishamuddin Hashim ketika dihubungi mengesahkan siasatan sedang dijalankan ke atas persatuan bola sepak berkenaan.

Menurut beliau, kes tersebut disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009.

SINAR HARIAN
30/08/2022
(SELASA)

# Didakwa buat tuntutan palsu

JOHOR BAHRU - Seorang kakitangan Jabatan Laut Malaysia didakwa di Mahkamah Sesyen di sini pada Isnin atas dua pertuduhan membuat tuntutan palsu berjumlah RM670.51 pada Mei 2020.

Tertuduh, Hazreen Mohd, 40, mengaku tidak bersalah dan mohon dibicarakan selepas mengaku tidak bersalah sejurus pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim, Datuk Ahmad Kamal Arifin Ismail.

Menurut pertuduhan pertama, Hazreen yang bertugas sebagai Pembantu Laut Gred 22 didakwa telah membuat tuntutan bayaran lebih masa sebanyak RM359.41 bagi tugasan penjagaan Rumah Api Bukit Segenting, Batu Pahat pada April 2020 sedangkan tertuduh tidak melakukan perkara tersebut.

Bagi pertuduhan kedua, dia turut didakwa membuat tuntutan elaun perjalanan palsu berjumlah RM311.10 bagi April 2020 bagi tugasan sama sedangkan tertuduh tidak melakukan perkara itu.

Dalam rayuannya, tertuduh yang telah berkhidmat selama sembilan tahun dengan agensi berkenaan memberitahu, dia menanggung seorang isteri, tiga anak dan ibu yang sudah uzur.

"Selain menanggung hutang arwah ayah yang sudah meninggal dunia pada Mei lalu, saya kini digantung tugas dan hanya menerima separuh bulan gaji," katanya.

**BERITA HARIAN**

**31/08/2022**

**(RABU)**



# Mahkamah Tinggi tentu nasib Rosmah esok

Isteri bekas PM hadapi tiga tuduhan rasuah projek tenaga solar RM1.25b di Sarawak



SINAR HARIAN
31/08/2022
(RABU)



# Tiada pihak boleh arah mahkamah - Hakim

Pendakwaan tarik balik surat beri keutamaan kes Ahmad Zahid

## 'Tengku' didakwa 10 tuduhan tipu RM201,000

## Pegawai kanan SSDU dituduh lantik terus syarikat milik ahli keluarga

HARIAN METRO
31/08/2022
(RABU)



32
lokal
Harian Metro

KES DEBA BELLA

# Rakaman video untuk bahan bukti

## Didakwa lantik syarikat anak buah dapat tender kantin

**HARIAN METRO**
**31/08/2022**
**(RABU)**

# 'Tengku' perdaya lelaki serah RM201k


MAZLAN dibawa ke Mahkamah Majistret, Pasir Mas, semalam.

**Pasir Mas:** Seorang peniaga mengaku tidak bersalah di Mahkamah Majistret, di sini, semalam terhadap 10 pertuduhan memperdaya seorang lelaki membabitkan nilai kerugian RM201,000, tahun lalu.

Tertuduh, Mazlan Ahmad, 29, membuat pengakuan berkenaan selepas kesemua pertuduhan dibacakan di hadapan Majistret Rais Imran Hamid.

Mengikut kertas pertuduhan, lelaki terbabit didakwa memperdaya Syed Syarif Syed Abdullah, 25, dengan menyamar sebagai Tengku Dani Shah dengan mendorongnya menyerahkan wang tunai berjumlah RM201,000 menerusi transaksi kepada akaun milik Mohd Suzalan Ishak, 36, untuk diserahkan kepada tertuduh.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di Kampung Gual Tinggi, Rantau Panjang antara 31 Mei hingga 2 September 2021.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 419 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga tujuh tahun atau denda atau kedua-duanya.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Nor Akmal Mohd Bakri, manakala tertuduh diwakili peguam, Wan Mohd Ikram Wan Ibrahim.

Terdahulu, Nor Akmal memohon jaminan setimpal iaitu RM5,000 bagi setiap pertuduhan kerana dibimbangi tertuduh akan melarikan diri sekiranya jaminan rendah dikenakan.

Bagaimanapun, Wan Mohd Ikram memohon ikat jamin paling minimum kerana anak guamnya hanya bekerja sebagai peniaga dalam talian dengan pendapatan RM1,500 sebulan.

"Anak guam saya juga perlu menyara kedua-dua ibu bapa dan sekiranya ikat jamin RM5,000 dikenakan bagi setiap pertuduhan, angka itu adalah sangat tinggi," katanya.

Mahkamah mengarahkan tertuduh diikat jamin RM2,500 bagi setiap pertuduhan dengan seorang penjamin dan menetapkan 28 September depan untuk sebutan semula kes.

Media sebelum ini melaporkan, seorang lelaki melesapkan sejumlah barang kemas milik ibunya yang bernilai RM170,000 selain mengalami kerugian wang sebanyak RM201,000.

Lebih mendukacitakan keadaan, mangsa juga diugut akan disebarkan video bogel oleh 'teman lelakinya' yang kononnya seorang kerabat istana.

# HARIAN METRO
# 31/08/2022
# (RABU)



# Mahu projek perisian RM1.7j

*Pegawai kanan anak syarikat kerajaan dituduh cadang lantikan terus syarikat milik saudara*

# SEPTEMBER 2022

UNIT INTEGRITI & PEMODENAN PENTADBIRAN MBJB

**HARIAN METRO**
**01/09/2022**
**(KHAMIS)**

KES RASUAH PROJEK SOLAR HIBRID

# Nasib Rosmah ditentukan hari ini




## Rosmah mohon hakim tarik diri

**SINAR HARIAN**
**01/09/2022**
**(KHAMIS)**

# Keputusan kes Rosmah hari ini

## Fail permohonan saat akhir singkir Hakim Mohamed Zaini

Oleh NOOR AZUDA ALIMIN
KUALA LUMPUR

Kurang 24 jam keputusan kes rasuah berhubung projek pembekalan dan pemasangan tenaga solar di 369 buah sekolah luar bandar di Sarawak diketahui, Datin Seri Rosmah Mansor sekali lagi memfailkan permohonan untuk menyingkirkan Hakim Mahkamah Tinggi di sini, Mohamed Zaini Mazlan pada Selasa.

Menerusi dokumen notis usul yang diperoleh, isteri bekas Perdana Menteri itu memohon suatu perintah agar Mohamed Zaini menarik diri berikutan tular laporan yang disiarkan sebuah portal berbahasa Inggeris bertajuk "Rosmah Mansor Akan Diputuskan Bersalah Pada 1 September 2022".

Peguam Datuk Akberdin Abdul Kadar yang mewakili Rosmah mengesahkan perkara itu selepas dihubungi media pada Rabu.

Susulan permohonan yang dibuat secara dalam talian, Rosmah, 71, memohon agar keputusan kes yang ditetapkan pada Khamis ditangguhkan sementara menunggu keputusan permohonan berkenaan.

Menurut notis itu, Rosmah memohon agar kes solar yang didengar dan dibicarakan oleh Mohamed Zaini, diputuskan oleh hakim mahkamah tinggi jenayah yang lain.

"Pada atau sekitar 26 Ogos lalu, berlakunya kebocoran keputusan penghakiman hakim tersebut bagi kes itu.

"Pada hari sama, pemohon telah terbaca suatu artikel oleh Raja Petra Kamarudin bertajuk 'Rosmah Mansor Akan Diputuskan Bersalah Pada 1 September 2022' di laman sebuah portal," kata notis tersebut.



Rosmah dan Mohamed Zaini.

Bukan itu sahaja, pemohon turut terbaca artikel kedua pada hari sama di portal sama, bertajuk 'Muat Turun atau Lihat Keputusan Bersalah ke Atas Rosmah dan Penghakiman 71 Muka Surat Di Sini".

Laporan itu juga telah meletakkan pautan keputusan penghakiman, mempunyai 71 muka surat serta boleh dimuat turun dengan mudah.

Setelah meneliti dua artikel itu, pemohon meragui sejauh mana integriti hakim berkenaan apabila dokumen yang tidak disediakan oleh Mohamed Zaini tetapi oleh pihak ketiga sedangkan ia bertentangan dengan Kod Etika Hakim 2009.

Rosmah mendakwa, pendedahan yang dibuat oleh penulis melalui dua artikel tersebut ada asasnya dan sahih, memandangkan Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan tidak menafikan kewujudan keputusan penghakiman setebal 71 muka surat tersebut.

Pemohon menyatakan bahawa perbuatan menyediakan penghakiman oleh orang lain selain hakim tersebut telah melanggar kod etika.

"Ini menyebabkan saya hilang kepercayaan kepada hakim itu sama ada beliau dapat menjalankan tugas mengadili kes dengan adil dan saksama, tanpa pengaruh pihak ketiga.

"Penghakiman tular itu mengundang tohmahan terhadap kecekapan keadilan dan integriti mahkamah dalam mengendalikan kes solar dengan adil.

"Sekiranya isu ini tidak diputuskan lebih awal, ia akan memprejudiskan hak saya di bawah undang-undang yang adil disebabkan wujudnya pelanggaran Kod Etika Hakim dan Kod Etika Pegawai Kehakiman oleh hakim tersebut," kata Rosmah.

**BERITA HARIAN**
**01/09/2022**
**(KHAMIS)**

# Jho Low didakwa dilihat di Disneyland Shanghai

## Ahli perniagaan dalam buruan disyaki masih bersembunyi di China

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
mohd_iskandar@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Ahli perniagaan dalam buruan, Low Taek Jho atau Jho Low yang terbabit dalam skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB) didakwa dilihat berada di sebuah restoran di Disneyland Shanghai, pada 2019.

Perkara itu yang didedahkan penulis bersama buku *Billion Dollar Whale: The Man Who Fooled Wall Street, Hollywood, and the World*, Bradley Hope, menguatkan andaian yang Jho Low masih bersembunyi di China.

Menerusi episod pertama program *Di Mana Jho Low* yang disiarkan di platform aplikasi video YouTube, semalam, Hope bersama seorang penulis, Tom Wright, berkongsi sekeping gambar memaparkan Jho Low bersama dua individu tidak dikenali di sebuah restoran di Disneyland Shanghai.



*Gambar lelaki dipercayai Jho Low dalam platform aplikasi video YouTube.*

### Kempen jejak Jho Low

Hope berkata, gambar didakwa bertarikh 24 Disember 2019 itu diterimanya daripada sumber boleh dipercayai.

"Berdasarkan maklumat yang kita peroleh, Jho Low berada di China. Malah kita menerima gambar beliau sedang bercuti di Disneyland Shanghai.

"Apa yang kita tahu bahawa Jho Low sudah berkahwin dan mempunyai dua anak," katanya.

Hope sebelum ini melancarkan kempen menjejak Jho Low dengan meminta orang ramai membantu mengesan ahli perniagaan dalam buruan itu.

Beliau berkata, Jho Low adalah kepingan terakhir 'teka-teki' selepas bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dihantar ke penjara dan menggesa orang ramai berkongsi maklumat keberadaan Jho Low menerusi e-mel projectbraesn@protonmail.com.

Mengulas lanjut, Hope berkata, kali terakhir Jho Low dilihat adalah pada tahun 2019 namun keberadaan lelaki itu tidak diketahui apabila pandemik COVID-19 melanda dunia.

"Ada antaranya mendakwa nampak Jho Low berparti di China, saya ingat ada satu parti 'Victoria Secret' di China. Semua orang terkejut apabila Jho Low muncul di parti berkenaan.

"Bagaimanapun, dunianya semakin mengecil. Jho Low sebelum ini berlegar di China, Taiwan dan Thailand tetapi selepas Najib ditahan, Jho Low berada di sekitar China," katanya.

Difahamkan, sekurang-kurangnya AS$4.5 bilion dipercayai diselewengkan daripada dana 1MDB oleh Jho Low dan beberapa pegawai peringkat tinggi yang menguruskan dana itu serta sekutu mereka.

Polis Diraja Malaysia (PDRM) cuba mengesan dan membawanya pulang ke negara ini, namun usaha pihak berkuasa itu setakat ini belum berhasil.

Jho Low berdepan saman AS$3.78 bilion atau RM16.82 bilion yang difailkan oleh 1MDB dan empat anak syarikatnya.

Dengan pihak berkuasa Malaysia terus mencarinya, dia dilaporkan menawarkan penyelesaian tetapi Jabatan Peguam Negara (AGC) memaklumkan perkara itu ditolak.

# SINAR HARIAN

02/09/2022

(JUMAAT)

Hakim benar hukuman ditangguhkan

KUALA LUMPUR

# Rosmah dihukum penjara 10 tahun, denda RM970 juta




## Rosmah menangis rayu diringankan hukuman

KUALA LUMPUR

**SINAR HARIAN**

**02/09/2022**

**(JUMAAT)**

## Pembelaan dakwa kes Ahmad Zahid pendakwaan terpilih



# Keputusan kes rasuah Bung Moktar hari ini

Mahkamah Sesyen dijangka turut membuat keputusan terhadap Zizie Izette



## Lokman dituduh buat komunikasi jelik terhadap PM



# SINAR HARIAN
## 02/09/2022
## (JUMAAT)

# Hak milik pemilik tanah 'hilang'

Bagaimanapun agak sukar heret pelaku rasuah ke muka pengadilan





# HARIAN METRO
# 02/09/2022
# (JUMAAT)


BERSALAH KES RASUAH

ROSMAH DIDENDA PALING TINGGI

**SINAR HARIAN**

**03/09/2022**

**(SABTU)**

# Bung Moktar, Zizie Izette diperintah bela diri

Hakim Rozina Ayob mendapati pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes prima facie



LAPORAN MUKA DEPAN

[illegible]

## Kes diberi keutamaan, bicara 14 hari mulai 23 September ini

[illegible]

**SINAR HARIAN**
**03/09/2022**
**(SABTU)**

# Jadikan kes rasuah Najib dan Rosmah sebagai iktibar



Kes Najib dan Rosmah membuktikan undang-undang negara dilaksanakan dengan sama rata dan kebebasan kehakiman telah dibuktikan wujud di Malaysia.

SHAH ALAM - Semua pihak perlu 'buka mata' terhadap jenayah rasuah yang boleh memakan diri sama seperti dihadapi Datuk Seri Najib Tun Razak dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor.

Bekas Hakim Mahkamah Tinggi, Tan Sri Mohamed Ariff Md Yusof berkata, individu yang mahu 'menghalalkan' rasuah dengan alasan tidak akan diketahui oleh sesiapa perlu berfikir semasak-masaknya sebelum kemudaratan menimpa diri.

"Jangan ambil ringan tentang perkara yang melibatkan rasuah seperti disebut hakim dalam penghakiman. Rasuah kalau tidak dibendung akan jadi pandemik.

"Kedua, kes itu boleh dijadikan pengajaran dan iktibar. Kepada sesiapa yang bercita-cita ingin melakukan jenayah tersebut, fikir lah seberapa banyak kali yang boleh," katanya.

Pada 23 Ogos lalu, Najib yang juga bekas Perdana Menteri dijatuhi hukuman penjara selama 12 tahun dan denda RM210 juta selepas didapati bersalah menyeleweng dana SRC International Sdn Bhd berjumlah RM42 juta.

Pada Khamis pula, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur memerintahkan Rosmah dipenjara 10 tahun dan didenda RM970 juta, kerana telah meminta rasuah RM187.5 juta dan menerima suapan RM6.5 juta membabitkan projek solar hibrid bernilai RM1.25 bilion untuk 369 sekolah luar bandar di Sarawak.

Mengulas lanjut, Mohamed Ariff berkata, hukuman terhadap Najib dan Rosmah menunjukkan sistem undang-undang negara dilaksanakan dengan adil.

Bahkan katanya, kes itu membuktikan kebebasan sistem kehakiman masih wujud di Malaysia.

**SINAR HARIAN**

**03/09/2022**

**(SABTU)**

# 2 bekas pegawai kanan hospital didakwa rasuah

**SHAH ALAM** - Dua bekas pegawai kanan sebuah hospital swasta didakwa di Mahkamah Sesyen di sini pada Jumaat, atas pertuduhan meminta dan menerima suapan berhubung pemberian kontrak pembekalan peralatan perubatan serta pengurusan pembelian tanah bagi hospital berkenaan.

Bekas ketua pegawai operasi, R Mahendran, 52, dan bekas pengurus projek, Wong Soon Kim, 65, masing-masing mengaku tidak bersalah selepas kesemua pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Rozilah Salleh.

Mahendran menghadapi masing-masing satu pertuduhan meminta suapan RM250,000 dan menerima suapan RM200,000 daripada Foo Chee Kim sebagai upah melantik sebuah syarikat hartanah menjadi broker kepada hospital itu untuk menguruskan pembelian sebidang tanah di Cheras.

Dia didakwa melakukan perbuatan itu di sebuah restoran di Subang Jaya antara 1 Januari 2018 dan 23 Oktober 2018.

Chee Kim juga dituduh atas satu pertuduhan meminta suapan sebanyak lima peratus bagi setiap nilai kontrak yang bakal diperoleh sebuah syarikat daripada hospital tersebut.

Ia sebagai dorongan untuk dirinya membantu syarikat itu memperoleh kerja pembekalan barangan perubatan di hospital berkenaan.

Dia didakwa melakukan perbuatan itu di sebuah restoran di Subang antara Januari dan Jun 2016.

Warga emas itu juga didakwa atas tiga pertuduhan menerima suapan berjumlah RM90,000 bagi dirinya melalui pindahan wang daripada akaun syarikat sama ke dalam akaun miliknya sebagai upah membantu syarikat itu memperoleh kerja pembekal di dua cawangan hospital itu.

Perbuatan tersebut didakwa dilakukan di Maybank cawangan USJ, Subang antara 30 September 2016 dan 19 Mac 2018.

Semua pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24(1) akta sama yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana-mana lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Rozilah membenarkan Mahendran diikat jamin RM70,000 dan Chee Kim RM40,000 serta pasport diserah kepada mahkamah.

Mahendran diarahkan melaporkan diri di pejabat SPRM Putrajaya sebulan sekali dan mahkamah menetapkan 4 Oktober ini untuk sebutan semula kes itu bagi serahan dokumen.

Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya Amilia Mohd Anas, manakala peguam Ungku Ibrani Abdul Aziz mewakili Mahendran dan Wong diwakili peguam Joachim Maria. - *Bernama*

HARIAN METRO
03/09/2022
(SABTU)

TUDUHAN RASUAH RM2.8 JUTA

# BUNG, ZIZIE KENA BELA DIRI



BUNG Moktar dan Zizie Izette tiba di kompleks Mahkamah Kuala Lumpur.

Oleh Raja Noraina Raja Rahim
rnoraina@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Ahli Parlimen Kinabatangan, Datuk Seri Bung Moktar Radin dan isteri, Datin Seri Zizie Izette Abdul Samad diperintah membela diri oleh Mahkamah Sesyen di sini, semalam terhadap tuduhan rasuah RM2.8 juta.

Hakim Rozina Ayob membuat keputusan itu selepas mendapati pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes prima facie bagi semua tuduhan terhadap pasangan terbabit.

Pada 3 Mei 2019, Bung Moktar didakwa atas tiga pertuduhan memperoleh suapan berjumlah RM2.8 juta bagi mendapatkan kelulusan untuk Felcra Berhad melabur RM150 juta bagi menyertai produk unit amanah Public Mutual Berhad manakala Zizie Izette pula dituduh bersubahat dengan suaminya berhubung perkara sama.

Rozina dalam penghakimannya berkata, mahkamah berpuas hati dengan keterangan saksi dan penilaian bukti yang dikemukakan pendakwaan serta hujahan pihak pembelaan.

"Selepas mendengar keterangan saksi pendakwaan ke-22 (Madhi Abdul Hamid) dan saksi pendakwaan ke-25 (Norhaili Ahmad Mokhtar) serta hujahan semua pihak, walaupun ada percanggahan rakaman percakapan dengan keterangan lisan mereka di mahkamah terbuka, mahkamah mendapati ia tidak memberi kesan kepada pertuduhan terhadap kedua-dua tertuduh.

"Namun mahkamah mengambil maklum percanggahan itu dan meneliti keterangan kedua-dua tertuduh dengan berhati-hati, mahkamah menerima keterangan lain SP24 dan SP25 yang dikemukakan di mahkamah ini," kata Rozina.

Dalam kes itu juga, Rozina berkata, terdapat bukti tertuduh pertama (Bung Moktar) menerima wang RM2.8 juta melalui tertuduh kedua (Zizie Izette) sebagai dorongan mendapatkan kelulusan daripada Menteri Kewangan II untuk Felcra Bhd bagi membuat pelaburan sebanyak RM150 juta bagi menyertai produk unit amanah Public Mutual Berhad.

Mahkamah kemudian memberi tiga pilihan membela diri kepada Bung Moktar yang juga bekas Pengerusi Bukan Eksekutif Felcra dan Zizie sama ada berdiam diri, memberi keterangan dalam kandang tertuduh atau memberi keterangan bersumpah di kandang saksi.

Pasangan suami isteri itu memilih memberi keterangan secara bersumpah di kandang saksi yang mana pihak pendakwaan diberikan peluang untuk menyoalnya semasa pemeriksaan.

Sepanjang perbicaraan berlangsung, seramai 36 saksi pendakwaan dipanggil memberi keterangan dalam perbicaraan kes yang bermula 2 Januari 2020.

Saksi itu termasuk bekas Menteri Kewangan II, Datuk Seri Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah, bekas Pengurus Besar Pelaburan Felcra, Adzan Yusof; Ahli Lembaga Pengarah (ALP) Felcra, Dr Halimah Sulaiman dan dua perunding unit amanah Public Mutual Berhad iaitu Norhaili serta Madhi.

Bung Moktar didakwa menerima rasuah daripada Madhi melalui Zizie Izette di Public Bank cawangan Taman Melawati antara jam 12.30 tengah hari hingga 5 petang, 19 Jun 2015.

Beliau juga mengaku tidak bersalah menerima suapan wang tunai RM335,500 daripada Norhaili di bawah nama Zizie Izette atas sebab sama dan di tempat sama pada 19 Jun 2015.

Zizie Izette, 44, pula mengaku tidak bersalah atas tiga tuduhan bersubahat dengan suaminya berhubung perkara itu di tempat, tarikh dan masa sama.

Pendakwaan kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Law Chin How manakala peguam M Athimulan mewakili kedua-dua tertuduh.

**Mahkamah menetapkan perbicaraan bela diri selama 13 hari bermula 23 September ini sehingga 13 Januari 2023.**

**BERITA HARIAN**
**03/09/2022**
**(SABTU)**

# Rosmah fail rayuan sabitan, hukuman

## Notis menerusi e-mel nyatakan tidak berpuas hati keputusan Mahkamah Tinggi

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali
ajohari@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Isteri bekas perdana menteri, Datin Seri Rosmah Mansor, semalam memfailkan rayuan terhadap sabitan dan hukuman yang dijatuhkan Mahkamah Tinggi ke atas beliau selepas didapati bersalah terhadap tiga tuduhan rasuah membabitkan projek solar hibrid bagi sekolah luar bandar di Sarawak bernilai RM1.25 bilion.

Mahkamah Tinggi kelmarin, memerintahkan Rosmah dipenjara selama 10 tahun bagi setiap pertuduhan itu dan didenda RM970 juta atau tambahan penjara 30 tahun lagi jika gagal membayarnya.

Peguam bela Rosmah, Datuk Akberdin Abdul Kader, memfailkan notis rayuan itu di Pejabat Pendaftar Mahkamah Rayuan menerusi e-mel petang semalam.

Dalam notis itu, Rosmah menyatakan tidak berpuas hati terhadap keputusan Hakim, Mohamed Zaini Mazlan dan ingin merayu keputusan itu di Mahkamah Rayuan.

Rosmah turut memfailkan notis rayuan terhadap keputusan Mohamed Zaini yang menolak permohonannya supaya hakim itu menarik diri daripada mendengar dan membuat keputusan dalam kes terbabit.



Rosmah tiba di Kompleks Mahkamah Jalan Duta, Kuala Lumpur untuk mengikuti perbicaraan Datuk Seri Najib Razak, semalam. (Foto Aswadi Alias/BH)

### Penilaian maksimum

Kelmarin, Mohamed Zaini yang melakukan penilaian maksimum terhadap kes itu, mendapati Rosmah gagal untuk menyangkal dakwaan rasuah mengikut Seksyen 16(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009.

Dalam penghakimannya, hakim itu menegaskan, pembelaan Rosmah adalah penafian kosong semata-mata yang dibuat tanpa bukti yang boleh dipercayai dan tidak berasas bagi menimbulkan keraguan yang munasabah.

Rosmah didakwa meminta rasuah wang tunai RM187.5 juta dan menerima suapan RM6.5 juta berhubung projek pembekalan dan pemasangan tenaga solar di sekolah luar bandar di Sarawak daripada bekas Pengarah Urusan Jepak Holdings Sdn Bhd, iaitu Saidi Abang Samsudin.

Rasuah itu diterima melalui bekas pegawai khas suaminya, Datuk Rizal Mansor sebagai ganjaran membantu Jepak mendapatkan Projek Bersepadu Sistem Solar Photovoltaic Hibrid serta Penyelenggaraan dan Operasi Genset/Diesel bagi 369 sekolah luar bandar di Sarawak secara rundingan terus daripada Kementerian Pendidikan.

**SINAR HARIAN**

**04/09/2022**

**(AHAD)**



Rafizi jawab sebab tidak bongkar isu terowong Pulau Pinang minggu depan

# Tiga pilihan buat Bung Moktar, isteri

Boleh dikemukakan untuk perbicaraan kes bela diri bermula 23 September ini

# Parti boleh laksana larangan

**HARIAN METRO**
**04/09/2022**
**(AHAD)**

# Tiga anggota polis disyaki minta rasuah RM180,000

**Johor Bahru:** Dua pegawai polis dan seorang anggota ditahan reman tiga hari mulai semalam bagi membantu siasatan satu kes meminta rasuah berjumlah RM180,000, bulan lalu.

Perintah tahanan reman itu dikeluarkan Majistret R Salini selepas membenarkan permohonan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Johor.

Perintah itu diberikan bagi membolehkan siasatan lanjut dibuat ke atas ketiga-tiga suspek mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.

Suspek terdiri daripada seorang ketua bahagian sebuah Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) di negeri ini dan seorang inspektor masing-masing berusia 36 tahun serta seorang sarjan 33 tahun.

Ketiga-tiga mereka ditahan antara 4.25 petang hingga 5 petang kelmarin di IPD terbabit.

Terdahulu, mereka tiba di mahkamah jam 8.15 pagi dengan berpakaian lokap dan tangan bergari diiringi pegawai SPRM.

Difahamkan, seorang pemilik sebuah kilang kayu berusia 50-an membuat laporan sebaik seorang pegawai polis meminta wang rasuah berjumlah RM160,000 pada 29 Ogos lalu.

Wang itu dipercayai bagi menyelesaikan kes pengadu dan isterinya yang terbabit dalam satu kes penipuan.

Sehari sebelum itu, pengadu mendakwa dia ada menyerahkan RM20,000 kepada seorang anggota polis wanita untuk tujuan yang sama.

**RM20K**
Jumlah wang yang didakwa sudah diserahkan pengadu




DUA pegawai polis dan seorang anggota ditahan reman tiga hari bagi membantu siasatan satu kes meminta rasuah berjumlah RM180,000, bulan lalu. - Gambar NSTP/IZZ LAILY HUSSEIN

**BERITA HARIAN**
**04/09/2022**
**(AHAD)**

Kes rasuah, pengubahan wang haram

# Keputusan rayuan Azeez batalkan 13 tuduhan esok

## Perbicaraan akan bersambung jika tidak memihak kepada bekas Pengerusi TH

Oleh Faris Fuad
faris.fuad@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Keputusan rayuan bekas Pengerusi Tabung Haji, Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim, bagi membatalkan 13 tuduhan menerima rasuah dan pengubahan wang haram dihadapinya akan diketahui esok.

Panel tiga hakim diketuai Datuk Seri Kamaludin Md Said bersama Datuk Abu Bakar Jais dan Datuk Che Mohd Ruzima Ghazali dijadual mengumumkan keputusan itu di Mahkamah Rayuan di Istana Kehakiman, Putrajaya, pada jam 9 pagi.

Abdul Azeez diwakili peguam, Amer Hamzah Arshad, manakala pendakwaan dikendalikan Aslinda Ahmad, Nik Haslinie Hashim dan Ku Hayati Ku Haron.

Perbicaraan kes rasuah itu yang kali terakhir diadakan pada 18 Disember 2020, akan kembali bersambung jika keputusan berkenaan tidak memihak kepada bekas Pengerusi Tabung Haji berkenaan.

[illegible]

Saksi pendakwaan kelima yang juga pegawai penguat kuasa Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Putrajaya, Azrin Abdul Razak, membaca pernyataan saksinya ketika hari terakhir perbicaraan kes terbabit.

Azrin, 48, memberitahu mahkamah beliau menerima permohonan daripada Pengarah Bahagian Siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Muhammad Afhan Abdullah untuk mendapatkan maklumat kenderaan jenis Toyota Vellfire putih milik Abdul Azeez, bagi membantu siasatan.


Abdul Azeez

Selepas pihaknya menerima surat, Azrin membuat semakan dan carian berkaitan nombor pendaftaran milik Abdul Azeez, sebelum maklumat diberikan kepada Muhammad Afhan.

Saksi itu juga mengesahkan cetakan maklumat JPJ bertajuk 'Maklumat Terperinci Kenderaan dan Insurans' atas penama Abdul Azeez bertarikh 24 April 2018, ketika dirujuk Timbalan Pendakwa Raya, Adam Mohamed.

Pada 30 Ogos lalu, Mahkamah Rayuan menangguhkan kali ketiga keputusan rayuan itu, selepas pembelaan memaklumkan Abdul Azeez tidak dapat hadir ke mahkamah kerana sedang menerima rawatan di Pusat Perubatan Universiti Malaya.

Amer Hamzah dilaporkan berkata, anak guamnya mengalami gastrik dan pihaknya akan mengemuka cuti sakit kepada mahkamah, bagi mengesahkan perkara itu.

Susulan itu, Kamaludin tidak mempertikai tahap kesihatan bekas Pengerusi Tabung Haji itu, namun berharap proses mahkamah tidak disalah guna.

Sebelum ini, sudah dua kali keputusan rayuan di Mahkamah Rayuan, ditangguhkan kerana pembelaan memohon ruang dan masa bagi menghantar representasi kepada Jabatan Peguam Negara (AGC), susulan penemuan bukti baharu kes itu.

Pada 12 Mac tahun lalu, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur menolak permohonan Abdul Azeez bagi membatalkan kes sama.

Hakim Datuk Muhammad Jamil Hussin membuat keputusan itu selepas mendapati, pertuduhan yang dikemukakan terhadap Abdul Azeez tidak cacat.

[illegible]

Muhammad Jamil dalam penghakimannya, berkata mahkamah juga mendapati alasan permohonan Abdul Azeez tidak bermerit, manakala tertuduh gagal menunjukkan pendakwaan terhadapnya bersifat mala fide (berniat jahat).

Abdul Azeez, 54, yang juga Ahli Parlimen Baling menghadapi tiga tuduhan menerima rasuah berjumlah RM5.2 juta berkaitan projek jalan raya di Perak dan Kedah serta 10 pertuduhan pengubahan wang haram mencecah jutaan ringgit.

Pendakwaan terhadapnya dibuat mengikut Seksyen 23(1) Akta SPRM 2009 serta dibaca bersama seksyen 16(a)(A) dan seksyen 28(1) akta sama yang memperuntuk hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda.

SINAR HARIAN
06/09/2022
(SELASA)



KES RASUAH AZEEZ ABDUL RAHIM

# 9 tuduhan dikekalkan, empat dilepas

## Nafi 114 dakwaan pecah amanah RM2.5 juta

RM114k

**SINAR HARIAN**
**06/09/2022**
**(SELASA)**

# 'Shahrir tidak tahu sumber wang RM1 juta diterima daripada Najib'



Shahrir ketika hadir bagi sambung bicara di Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur pada Isnin.

KUALA LUMPUR - Seorang pengurus bank memberitahu Mahkamah Tinggi di sini bahawa Tan Sri Shahrir Ab Samad tidak mengetahui daripada mana bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak memperoleh wang RM1 juta yang diberikan kepada bekas Pengerusi Felda itu.

Pengurus Cawangan AmBank (M) Berhad Jalan Raja Chulan, R Uma Devi, 43, yang mengesahkan perkara itu berkata, beliau yang berpengalaman dalam bidang perbankan selama 12 tahun juga tidak mengetahui sumber wang tersebut.

Beliau berkata demikian ketika disoal balas peguam yang mewakili Shahrir, Tan Sri Dzulkefli Ahmad pada perbicaraan Shahrir yang berhadapan pertuduhan gagal mengisytiharkan RM1 juta yang diterima daripada Najib kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

Selain itu, Uma Devi bersetuju dengan Dzulkefli bahawa pihak LHDN tidak merakam percakapannya, memandangkan kes itu berkaitan dengan pengubahan wang haram yang mana Shahrir didakwa tidak melaporkan pendapatan sebenar kepada LHDN, bukan melibatkan rasuah.

Kata saksi itu, hanya pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia yang merakam percakapannya.

Shahrir, 72, didakwa melibatkan diri dalam pengubahan wang haram dengan tidak melaporkan pendapatan sebenar dalam borang cukai pendapatan yang bertentangan dengan Seksyen 113(1)(a) Akta Cukai Pendapatan 1967 iaitu tidak mengisytiharkan pendapatan diterima daripada Najib berjumlah RM1 juta melalui sekeping cek yang kemudian dimasukkan ke dalam akaun bank miliknya.

Beliau didakwa melakukan perbuatan itu di LHDN Cawangan Duta, Kompleks Pejabat Kerajaan, Jalan Tuanku Abdul Halim di sini pada 25 April 2014 mengikut Seksyen 4(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 yang membawa hukuman maksimum penjara lima tahun atau denda RM5 juta atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan. - Bernama

**SINAR HARIAN**
**06/09/2022**
**(SELASA)**

# Bekas pengurus akaun didakwa pecah amanah RM2.5j

MUAR - Seorang bekas pengurus akaun mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini pada Isnin atas 114 pertuduhan pecah amanah melibatkan wang tunai dan cek bernilai lebih RM2.5 juta antara Jun 2017 hingga November 2019.

Mohd Rezzal Mohd Yassin, 48, didakwa melakukan perbuatan itu ketika bekerja di syarikat pembuatan perabot di Kundang Ulu, Grisek, Tangkak.

Dia dituduh mengikut Seksyen 408 Kanun Keseksaan yang jika sabit kesalahan boleh dipenjara tidak lebih 14 tahun, sebat dan denda.

Timbalan Pendakwa Raya, Ummi Amyra Natasha Azhar menawarkan jaminan RM5,000 bagi setiap pertuduhan bagaimanapun Mohd Rezzal yang tidak diwakili peguam merayu agar jaminan dikurangkan memandang dia yang kini tidak bekerja, tidak sihat dan menanggung isteri serta ibu mentua yang sakit.

Hakim Irwan Suainbon membenarkan tertuduh diikat jaminan sebanyak RM1,000 setiap pertuduhan dan menetapkan 5 Oktober untuk sebutan semula kes. - *Bernama*

FOTO: BERNAMA



Mohd Rezzal (tengah) didakwa di Mahkamah Sesyen Muar pada Isnin atas 114 pertuduhan pecah amanah melibatkan lebih RM2.5 juta.

**BERITA HARIAN**
**06/09/2022**
**(SELASA)**

# Bekas pengurus dituduh 114 kes pecah amanah babit RM2.5j

## Tertuduh tidak mengaku salah, dibenar ikat jamin RM114,000 bagi semua pertuduhan


Oleh Essa Abu Yamin
bhnews@bh.com.my


**Muar:** Seorang bekas pengurus akaun syarikat perabot mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen, di sini semalam atas 114 pertuduhan pecah amanah bernilai lebih RM2.5 juta antara 2017 hingga 2019.

Mohd Rezal Mohd Yasin, 48, membuat pengakuan berkenaan di hadapan Hakim Irwan Suainbon, bagi 114 pertuduhan yang dibacakan terhadapnya.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didapati melakukan pecah amanah membabitkan wang tunai dan cek berjumlah lebih RM2.5 juta bermula 20 Julai 2017 hingga 5 November 2019.

Tertuduh didakwa melakukan semua kesalahan itu di sebuah syarikat perabot di Kundang Ulu, Gerisik, dekat Tangkak.

Dia didakwa mengikut Seksyen 408 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara tidak kurang setahun dan tidak lebih 14 tahun serta sebatan atau denda bagi setiap kesalahan, jika sabit kesalahan.

### Rayu kurangkan jamin

Dalam rayuannya, tertuduh memohon mahkamah mengurangkan jaminan kerana tidak bekerja dan menghidap kencing manis serta darah tinggi, manakala isterinya juga tidak sihat.

Bagaimanapun, Timbalan Pendakwa Raya Ummi Amyra Natasha Azhar, mencadangkan ikat jamin RM5,000 bagi setiap pertuduhan.

Hakim kemudiannya menetapkan ikat jamin berjumlah RM114,000 bagi semua pertuduhan dan menetapkan 5 Oktober depan bagi sebutan semula kes, serahan dokumen serta lantikan peguam.



Mohd Rezal keluar dari Mahkamah Sesyen Muar, semalam.
(Foto BERNAMA)

# SINAR HARIAN
## 08/09/2022
## (KHAMIS)

# Nasib Zahid diketahui 23 September

Sama ada dibebaskan atau diperintah bela diri kes rasuah VLN



# Dua individu direman bantu siasatan kes rasuah lebih RM10 juta



**HARIAN METRO**
**08/09/2022**
**(KHAMIS)**

PERBICARAAN KES 1MDB

# Ada 38 transaksi cek RM8.4j



KES RASUAH AHMAD ZAHID

## Keputusan pada 23 September ini

## Jabatan Penjara nafi Najib tidak ditempatkan dalam sel

# HARIAN METRO
# 08/09/2022
# (KHAMIS)

## Dua ditahan babit kes rasuah RM10j

**Kuala Lumpur:** Dua individu ditahan bagi membantu siasatan kes rasuah membabitkan urusan pengambilalihan kerja membabitkan projek pembinaan sistem pengangkutan awam berjumlah lebih RM20 juta, kelmarin.

Suspek wanita dan lelaki masing-masing berusia 40-an ditahan ketika memberi keterangan di Ibu Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Putrajaya jam 9.30 malam.

Sumber berkata, suspek wanita yang juga pengurus kewangan sebuah syarikat dipercayai melakukan pembayaran rasuah lebih RM10 juta bagi memudahkan urusan dan kelulusan pengambilalihan kerja membabitkan projek itu daripada sebuah syarikat lain kepada syarikat suspek bekerja.

> Suspek lelaki dan wanita direman selama tiga hari bantu siasatan SPRM

"Wanita terbabit yang bertanggungjawab melakukan pembayaran wang itu dipercayai melakukannya tanpa mematuhi prosedur kewangan dan perolehan syarikat.

"Manakala suspek lelaki yang bertugas sebagai ketua bahagian pemasaran syarikat sama pula disyaki membuat pembayaran kepada enam individu dan entiti bersama dipercayai palsu," katanya.

Sementara itu, Pengarah Kanan Bahagian Siasatan SPRM, Datuk Seri Hishamuddin Hashim berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 16 Akta SPRM 2009.

Menurutnya, kedua-dua suspek direman selama tiga hari bermula semalam sehingga esok.

**HARIAN METRO**

**09/09/2022**

**(JUMAAT)**

# 'Najib terima RM60.6 juta pada 2011'

Turut arahkan bank pindahkan RM60 juta ke akaun lain



NAJIB

## Nik Faisal pemegang mandat lima akaun bank Najib

## Najib masih kekal sebagai Ahli Parlimen Pekan - Azhar

## Hakim tarik diri kes Abdul Azeez saman Guan Eng

# HARIAN METRO
# 09/09/2022
# (JUMAAT)

Putrajaya

KES SAMAN ABDUL AZEEZ, LIM GUAN ENG

# Hakim Vazeer ambil keputusan tarik diri

Hakim Mahkamah Rayuan Datuk Vazeer Alam Mydin Meera menarik diri daripada mendengar rayuan Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Pulau Pinang yang menolak samannya terhadap Lim Guan Eng.

Saman itu berkaitan pembinaan projek terowong dasar laut di Pulau Pinang.

Hakim Vazeer Alam, yang mengetuai panel tiga hakim berkata, beliau memutuskan menarik diri daripada mendengar rayuan itu kerana beliau ada kaitan dengan pihak-pihak terbabit semasa beliau dalam Sidang guaman.

"Oleh itu, kami tangguhkan perbicaraan hari ini (semalam) ke tarikh lain yang akan ditetapkan kemudian oleh pendaftar," kata hakim itu pada persidangan prosiding yang dijalankan secara maya.

Dua lagi hakim yang bersidang ialah Datuk Hadhariah Syed Ismail dan Datuk Seri Mariana Yahya.

Semalam, mahkamah mendengar rayuan Ahli Parlimen Baling itu terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Pulau Pinang pada 11 Disember 2020, yang menolak samannya terhadap bekas Ketua Menteri Pulau Pinang itu berhubung pembinaan projek terowong dasar laut Pulau Pinang.

Peguam Datuk Ferose Beyan mewakili Abdul Azeez manakala Lim diwakili N Murali pada prosiding semalam.

Abdul Azeez sudah memfailkan saman itu pada Mac 2018 yang mendakwa Lim, bekas Menteri Kewangan mengeluarkan kenyataan fitnah semasa sidang akhbar di pejabat Ketua Menteri pada 28 Februari 2018 dan dalam satu majlis rumah terbuka Tahun Baharu Cina pada hari sama yang mengaitkan beliau dengan pembayaran RM3 juta sebagai yuran perundingan oleh pemaju projek terowong bawah laut itu.

Abdul Azeez mendakwa kenyataan itu sudah mendapat liputan yang meluas dan diterbitkan dalam beberapa laman sesawang, laman berita elektronik serta akhbar-akhbar tempatan.

Beliau memohon ganti rugi am termasuk ganti rugi pampasan, teladan, ganti rugi tambahan, kos tindakan dan relif lain yang difikirkan sesuai oleh mahkamah selain injunksi bagi menghalang defendan daripada terus menerbitkan, membolehkan atau menyebabkan kenyataan-kenyataan menyinggung berkenaan diterbitkan.

**INFO**

- Hakim Vazeer Alam memutuskan untuk menarik diri daripada mendengar rayuan itu kerana beliau mempunyai kaitan dengan pihak-pihak terbabit semasa beliau dalam Sidang guaman
- Perbicaraan semalam ditangguhkan ke tarikh lain yang akan ditetapkan kemudian oleh pendaftar





**BERITA HARIAN**
**09/09/2022**
**(JUMAAT)**

# Kertas siasatan kes Mohd Nazlan kini di SPRM

## AGC arah siasatan lanjut kes tuduhan Raja Petra isu wang dalam akaun hakim

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahruzki@bh.com.my



*Pro Naib Canselor (Antarabangsa) Nottingham Trent University United Kingdom (NTU UK), Profesor Gillian Ryan (kanan) menyampaikan sijil kepada graduan pegawai SPRM sambil diperhati Azam pada majlis Konvokesyen Program Pentauliahan Penguatkuasaan Undang-Undang SPRM pertama bagi 2022 di Putrajaya, semalam.*
(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

**Putrajaya:** Kertas siasatan kes membabitkan Hakim Mahkamah Rayuan Datuk Mohd Nazlan Mohd Ghazali, kini berada pada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) selepas dikembalikan oleh Jabatan Peguam Negara (AGC) mengarahkan siasatan lanjut dilakukan.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, berkata kertas siasatan itu sudah dihantar kepada AGC sebelum ini tetapi dipulangkan untuk siasatan lanjut.

"Mungkin jawapan diberikan oleh Tan Sri Peguam Negara (Tan Sri Idrus Harun) adalah ringkas. Mungkin bermaksud tidak ada lagi dalam tangan beliau.

"Namun, sebenarnya kertas siasatan sudah dikemukakan kepada beliau dan diberi kepada kita balik, serta (dihantar) kepada beliau semula dan kembali kepada kita (semula) untuk tindakan lanjut," katanya pada sidang media selepas Konvokesyen Program Pentauliahan Penguatkuasaan Undang-Undang SPRM pertama bagi 2022, di sini semalam.

Mengakui kertas siasatan itu sudah beberapa kali dihantar dan dikembalikan semula, Azam bagaimanapun menjelaskan bahawa ia adalah proses normal membabitkan kertas siasatan.

Beliau memaklumkan apabila pihaknya mendapati siasatan sudah lengkap, kertas siasatan diserahkan kepada AGC untuk tindakan lanjut.

"Ketika ini, kertas siasatan berada dengan pegawai saya dan (tindakan lanjut) akan ditentukan pada satu masa kelak atas arahan Peguam Negara," katanya.

Pada 21 Ogos lalu, Idrus dilaporkan berkata, kertas siasatan kes membabitkan Mohd Nazlan tidak berada dengan AGC.

Media sebelum ini melaporkan SPRM membuka kertas siasatan susulan Mohd Nazlan membuat laporan polis menafikan tuduhan dibuat penulis blog, Raja Petra Kamarudin, mengenai dakwaan ada sejumlah wang yang tidak dapat ditentukan punca dalam akaunnya.

### Belum buat keputusan

Sementara itu dalam perkembangan lain, Azam berkata, pihaknya belum membuat keputusan sama ada akan memanggil Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-Tugas Khas), Datuk Dr Abdul Latiff Ahmad yang dikaitkan dengan kes projek kapal tempur pesisir (LCS).

Beliau berkata, ada banyak perkara yang masih perlu disiasat membabitkan kes berkenaan.

"Saya ingin semua memahami bahawa perkara berkaitan tadbir urus dan jenayah adalah dua perkara berbeza.

"Atas sebab itu, apabila ada pihak mengemukakan isu kepada media berkaitan tadbir urus, mungkin diambil daripada laporan audit.

"Namun, pihak kami bukan menyiasat perkara itu saja, sebaliknya membuat siasatan lanjut untuk melihat unsur jenayah yang dilakukan oleh mana-mana pihak," katanya.

Justeru, Azam berkata, pegawai penyiasatnya memerlukan masa untuk melengkapkan siasatan berkenaan seperti memanggil saksi, termasuk dari luar negara.

Baru-baru ini, Dr Abdul Latiff membuat laporan polis terhadap Timbalan Presiden PKR, Rafizi Ramli yang mengaitkannya dengan skandal LCS.

Ahli Parlimen Mersing itu menyifatkan dakwaan itu sebagai fitnah dan tohmahan dicipta untuk merosakkan nama baiknya bagi tujuan politik.

**HARIAN METRO**
**10/09/2022**
**(SABTU)**

# Tidak ada penjara VIP untuk pesalah rasuah

Semua banduan dilayan seperti biasa dari segi penjagaan, pemakanan



## Timbalan Pendakwa Raya cuba dirasuah

## Pemimpin elakkan diri terjebak rasuah

## Pengurusan perolehan berisiko ambil rasuah



# HARIAN METRO
# 10/09/2022
# (SABTU)



# PALSU DOKUMEN UNTUK TENDER

*Enam kontraktor mengaku tidak bersalah mohon dibicarakan*

**RM10k**

**RM5k**

# BERITA HARIAN
10/09/2022
(SABTU)



Kes saman Tommy Thomas

# 'Najib salah guna proses mahkamah'

Peguam bela tegaskan 4 kes bekas PM masih dibicarakan

Kes projek solar hibrid

# Rayuan Rosmah ditetapkan 5 Oktober ini

**BERITA HARIAN**
**10/09/2022**
**(SABTU)**

# DAP mahu SPRM siasat dakwaan terhadap Abdul Hadi

**Georgetown:** DAP Pulau Pinang memohon Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menjalankan siasatan berhubung dakwaan bayaran RM1.4 juta dibuat Presiden PAS, Tan Sri Abdul Hadi Awang kepada pengarang *Sarawak Report*, Clare Rewcastle Brown pada 2018.

Ahli Parlimen Jelutong, RSN Rayer, berkata beliau selaku peguam mengiringi Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, Syerleena Abdul Rashid membuat laporan di pejabat SPRM negeri berhubung isu itu, kelmarin.

"Aduan itu dibuat Syerleena bagi menuntut siasatan dilakukan mengikut Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001.

"Kes itu boleh juga disiasat mengikut Akta Cukai Pendapatan 1967 kerana wang berkenaan tidak diisytiharkan mengikut Akta Cukai Pendapatan," katanya pada sidang media di Wisma DAP di sini, semalam.

Turut hadir, Pengerusi Biro Undang-Undang DAP Kebangsaan yang juga Ahli Parlimen Bukit Gelugor, Ramkarpal Singh.

**[illegible]**

Rayer berkata, pihaknya diberi notis SPRM untuk tidak mendedahkan butiran lanjut laporan yang dibuat kelmarin sehingga siasatan kes berkenaan disempurnakan.

"Kita tidak membuat sebarang tohmahan atau tuduhan tetapi menuntut perkara ini disiasat SPRM.

"Selain itu, kerana kes masih dalam siasatan tidak banyak yang boleh didedahkan, tetapi tujuan kami adalah untuk memberitahu orang ramai bahawa laporan dibuat berkenaan perkara itu," katanya.



**BERITA HARIAN**
**11/09/2022**
**(AHAD)**

# AS tawar RM179,920 beri maklumat Francis

## Kontraktor babit kes rasuah larikan diri awal bulan ini diburu 10 agensi Amerika Syarikat

**Washington:** Agensi penguat kuasa Amerika Syarikat (AS) menawarkan ganjaran AS$40,000 (RM179,920) untuk maklumat yang membawa kepada penangkapan kontraktor Malaysia yang melarikan diri, sebelum dijatuhkan hukuman berkait kes antara skandal rasuah terbesar dalam sejarah tentera AS.

Leonard Glenn Francis atau lebih dikenali sebagai 'Leonard Gemuk', melarikan diri pada awal bulan ini, selepas memotong alat pengawasan GPS yang dipasang pada bahagian buku lalinya.

Dia dijadual untuk dijatuhkan hukuman pada akhir bulan ini, selepas mengaku bersalah pada 2015 atas peranannya dalam kes rasuah bernilai AS$35 juta (RM157.43 juta) membabitkan pegawai kanan Tentera Laut AS.

"Ganjaran hingga AS$40,000 (masing-masing AS$20,000) ditawarkan Perkhidmatan Marshals AS dan NCIS (Perkhidmatan Penyiasatan Jenayah Tentera Laut) untuk maklumat yang membantu secara langsung dalam penangkapan Francis.

### Jalani tahanan di rumah

"Francis berdepan hukuman penjara hingga 25 tahun apabila dia memotong alat pengawasan GPS pada bahagian buku lalinya, 4 September lalu dan melarikan diri," menurut Perkhidmatan Marshals AS dalam notis melalui Twitter, semalam.

Sebelum ini, Francis dibenarkan menjalani tahanan di rumah untuk menerima rawatan perubatan, sementara dia bekerjasama dengan pendakwa raya yang, dengan bantuannya, berjaya membawa kepada sabitan 33 daripada 34 defendan, termasuk 24 pegawai Tentera Laut AS.




*Keratan akhbar BH, Rabu lalu.*

Jiran memberitahu polis, mereka melihat trak datang dan pergi dari rumah Francis di San Diego, beberapa hari sebelum dia hilang.

Pada 2015, Francis mengaku bersalah menawarkan perkhidmatan pelacuran, hotel dan perjalanan mewah, hidangan mewah dan rasuah bernilai lebih AS$500,000 (RM2.25 juta) kepada pegawai Tentera Laut AS serta pihak lain, bagi membantu syarikat servis kapal miliknya yang berpangkalan di Singapura, Glenn Defense Marine Asia Ltd (GDMA), mendapatkan kontrak Tentera Laut AS yang lumayan.

Menurut pihak pendakwaan, syarikat itu kemudian mengenakan caj berlebihan terhadap Tentera Laut AS sekurang-kurang AS$35 juta (RM157.43 juta) untuk penyelenggaraan kapal AS, dengan kebanyakannya dihantar ke pelabuhan di bawah kawalan Francis di Pasifik membabitkan bantuan pegawai yang menerima rasuah daripadanya.

Dilaporkan, sebanyak 10 agensi AS sedang memburu Francis.

Pihak berkuasa berkata, Francis mungkin berada di Mexico, atau dalam perjalanan ke Asia.

Pihak berkuasa AS mengeluarkan notis merah untuk Francis, yang meminta pengguat kuasa undang-undang di seluruh dunia untuk menangkap seseorang dengan kemungkinan diekstradisi.

Malaysia dan Singapura mempunyai perjanjian ekstradisi dengan AS.

AGENSI

**SINAR HARIAN**
**12/09/2022**
**(ISNIN)**

# Padah cuba peras ugut pegawai polis

## Tiga individu termasuk sarjan dan inspektor polis ditahan SPRM

Oleh MOHD HARIS FADLI MOHD FADZIL
SHAH ALAM




Dua anggota polis dan seorang pengurus syarikat ditahan kerana disyaki cuba memeras ugut seorang pegawai polis sebanyak RM100,000 kononnya untuk menutup kes membabitkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Menurut sumber, SPRM menahan dua anggota polis berusia lingkungan 30-an berpangkat inspektor dan sarjan itu, antara jam 7 malam dan 12 tengah malam Jumaat di sekitar ibu negara.

"Pengurus syarikat berkenaan ditahan pagi Jumaat di sekitar Kuala Lumpur ketika menerima wang rasuah sebanyak RM50,000 iaitu sebahagian daripada jumlah yang diminta daripada mangsa.

"Pengurus pentadbiran syarikat berkenaan berperanan sebagai orang tengah bagi meminta dan menerima wang rasuah itu," kata satu sumber kepada *Sinar Harian* pada Sabtu.

Sumber berkenaan memaklumkan, kedua-dua anggota polis berkenaan telah dibebaskan selepas selesai dirakam keterangan.

Menurutnya, pengurus syarikat itu bagaimanapun direman empat hari sehingga Isnin ini bagi membantu siasatan.

Sementara itu, Pengarah Kanan Bahagian Siasatan SPRM, Datuk Seri Hishamuddin Hashim ketika dihubungi mengesahkan penahanan tiga individu terbabit dan memaklumkan kes disiasat mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta SPRM 2009.

SINAR HARIAN
13/09/2022
(SELASA)

## Mahkamah Rayuan kekal hukuman penjara bekas broker tanah

# Pensyarah didakwa buat tuntutan palsu

Babitkan bayaran sewa kenderaan dan pembelian peralatan geologi berjumlah RM12,485 empat tahun lapas



**SINAR HARIAN**
**13/09/2022**
**(SELASA)**

# Peniaga dituduh terima wang deposit RM876,375

## Perbuatan tersebut dilakukan tanpa lesen sah sejak April lalu

Oleh SITI ZUBAIDAH ZAKARIYA
SIK



Tertuduh (tengah) didakwa di Mahkamah Sesyen Sik atas 22 pertuduhan menerima wang deposit berjumlah RM876,375 tanpa lesen sah.

Seorang peniaga mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Sik atas 22 pertuduhan menerima wang deposit berjumlah keseluruhan RM876,375 tanpa lesen sah sejak April lalu.

Tertuduh, Noorsyazwany A.Rahim, 33, dari Kampung Landak Hilir, Kupang membuat pengakuan itu di hadapan Hakim Rajwe Che Mat sebaik sahaja pertuduhan dibacakan terhadapnya pada ini.

Mengikut pertuduhan, ibu kepada dua anak itu didakwa menerima wang deposit daripada 22 individu secara berasingan berjumlah antara RM2,500 hingga RM488,000 di sebuah kediaman sekitar Baling bermula 10 April hingga 2 Ogos 2022.

Perbuatan itu dilakukan tanpa satu lesen yang sah yang diberikan bawah Seksyen 10 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (Akta 758).

Berikutan itu, tertuduh telah melakukan kesalahan bawah Seksyen 137(1) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan boleh dihukum bawah Seksyen 137(2) akta yang sama.

Jika sabit kesalahan boleh didenda tidak lebih RM50 juta atau penjara tidak lebih 10 tahun atau kedua-duanya sekali.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Muhamad Ismail Afiano Zulkifli, manakala tertuduh diwakili peguam Mohamad Salihen Mastor.

Pihak pendakwaan menawarkan jaminan sebanyak RM214,000 bagi kesemua pertuduhan.

Bagaimanapun, Mohamad Salihen memohon agar jaminan dikurangkan memandangkan anak guamnya itu hanya berniaga sambilan dengan pendapatan tidak menentu.

Beliau juga memohon dibenarkan jaminan dengan jumlah paling rendah iaitu sebanyak RM30,000 untuk kesemua pertuduhan bagi membolehkan wanita itu menguruskan dua anak dengan yang bongsu berusia lapan bulan masih menyusu dan anak sulung berusia dua tahun.

Hakim menetapkan jaminan sebanyak RM5,000 setiap satu pertuduhan bagi 21 pertuduhan manakala satu pertuduhan ditawarkan jaminan sebanyak RM10,000 dan jumlah keseluruhan wang jaminan yang dibenarkan ialah RM115,000 dengan dua orang penjamin.

Mahkamah turut memerintahkan agar tertuduh melapor diri di balai polis berdekatan dan pasport antarabangsa diserah sepanjang perbicaraan.

Sebutan semula kes ditetapkan pada 25 November 2022.

# Pemandu e-hailing didakwa jadi dalang kegiatan pelacuran

GEORGETOWN - Seorang pemandu e-hailing mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini terhadap empat pertuduhan menjadi dalang dalam kegiatan pelacuran pada Ogos lalu.

Tertuduh, Lee Eng Seng, 49, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Mahkamah Sesyen, Muhammad Khalid Ab Karim pada ini.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didapati hidup sepenuhnya atau sebahagiannya daripada hasil pelacuran di sebuah hotel di Jalan CY Choy pada 30 Ogos lalu.

Kesemua empat pertuduhan dilakukan di tempat dan tarikh yang sama pada jam antara 5.55 petang dan 8 malam.

Pertuduhan dibacakan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Muhammad Shahreez Mohd Shukri, manakala tertuduh diwakili peguam Tey Yi Kai.

Kesemua pertuduhan itu dikemukakan mengikut Seksyen 372A(1) Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 15 tahun dan sebat serta boleh dikenakan denda, jika sabit kesalahan.

Muhammad Khalid membenarkan tertuduh diikat jamin RM20,000 untuk kesemua pertuduhan dengan seorang penjamin.

Tertuduh juga dikenakan syarat tambahan iaitu perlu melapor diri di balai polis berdekatan setiap bulan sehingga kes selesai.



Tertuduh (kiri) mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Georgetown terhadap empat pertuduhan menjadi dalang dalam kegiatan pelacuran pada Ogos lalu.

**HARIAN METRO**

**13/09/2022**

**(SELASA)**

# Dihantar ke penjara gagal bayar RM115k

*Peniaga didakwa 22 pertuduhan terima deposit tanpa lesen sah*

**RM115k**



# HARIAN METRO
## 13/09/2022
## (SELASA)



PENSYARAH DITUDUH BUAT 9 TUNTUTAN PALSU

# Nafi tuntut RM12,488

Kuala Lumpur

Seorang pensyarah sebuah universiti awam dibicara di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas sembilan pertuduhan membuat tuntutan palsu membabitkan bayaran sewa kenderaan dan pembelian peralatan geologi berjumlah RM12,488, empat tahun lalu.

Jasmi Hafiz Abdul Aziz, 45, mengaku tidak bersalah, selepas kesemua pertuduhan terhadapnya dibacakan di hadapan Hakim Rozina Ayob.

Mengikut tujuh pertuduhan, lelaki itu sebagai pensyarah kanan dituduh memperdayakan Jabatan Bendahari, Universiti Malaya (UM) dengan menggunakan tujuh tuntutan perjalanan palsu berkenaan bayaran sewa tiga jenis kenderaan antara 24 April 2018 hingga 29 Julai 2019, sedangkan sewaan itu tidak dibuat.

Bapa kepada seorang anak itu juga dituduh atas dua pertuduhan memperdayakan Jabatan Bendahari, UM dengan membuat dua resit palsu berkaitan pembelian peralatan geologi bertarikh 19 Jan 2019 dan 23 Mac 2019, sedangkan pembelian tidak dibuat.

Kesemua perbuatan itu didakwa dilakukan di Jabatan Geologi, Fakulti Sains, UM, antara 29 Mei 2018 hingga 23 Ogos 2019, mengikut Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum bawah Seksyen 24 (1) akta sama.

Seksyen itu memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Sementara itu, Jasmi Hafiz mengaku tidak bersalah atas sembilan pertuduhan pilihan iaitu menggunakan tujuh resit bayaran sewa tiga kenderaan yang sama dan dua resit membeli peralatan serupa sebagai tulen, sedangkan dia mengetahui resit itu palsu.

Beliau didakwa melakukan kesemua kesalahan itu di lokasi dan tarikh sama, mengikut Seksyen 471 Kanun Keseksaan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 465 kanun sama, yang membawa hukuman penjara maksimum dua tahun atau denda atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya Ahd Muntaqim Abdul Aziz mencadangkan jaminan RM100,000 dengan seorang penjamin, beserta syarat tambahan tertuduh perlu melapor diri di pejabat SPRM setiap bulan selain menyerahkan pasport kepada mahkamah dan dilarang mengganggu saksi.

Peguam Wan Shahrizal Wan Ladin yang mewakili tertuduh memohon jaminan rendah atas alasan anak guamnya yang masih berkhidmat sebagai pensyarah, menanggung isteri serta seorang anak dan memberikan kerjasama penuh sepanjang siasatan dijalankan.

Rozina membenarkan tertuduh diikat jamin RM20,000 bagi kesemua pertuduhan beserta syarat tambahan tertuduh perlu melapor diri di pejabat SPRM setiap bulan, selain menyerahkan pasport kepada mahkamah dan dilarang mengganggu saksi dalam kes berkenaan.

*Mahkamah menetapkan 18 Oktober untuk sebutan semula kes.*

Tertuduh diikat jamin RM20,000 bagi kesemua pertuduhan

**BERITA HARIAN**
**13/09/2022**
**(SELASA)**

# Gesa tubuh RCI siasat dakwaan skandal GLC

## TI-Malaysia mahu SPRM dedah hasil siasatan kaitkan penggunaan dana awam lebih RM29b

Oleh Safeek Affendy Razali
safeek@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Transparency International Malaysia (TI-Malaysia) menggesa kerajaan menubuhkan suruhanjaya siasatan diraja (RCI) bagi menyiasat isu dakwaan skandal berbilion ringgit membabitkan syarikat berkaitan kerajaan (GLC), Pembinaan PFI Sdn Bhd.

Presiden TI-Malaysia, Muhammad Mohan, berkata Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) juga perlu membersihkan nama GLC itu sekiranya siasatan mendapati tiada kesalahan dilakukan bagi menangkis dakwaan Pusat Memerangi Rasuah dan Kronisme (C4), yang mengaitkannya dengan penggunaan sumber awam sebanyak lebih RM29 bilion.

"Apabila inisiatif 'pembiayaan swasta' ini dijamin dan dibiayai agensi kerajaan dan pembiayaan disediakan oleh bank yang kebanyakannya dimiliki oleh Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC), kita mesti akan tertanya, adakah projek berkenaan dipanggil sebagai projek 'swasta', hanya untuk mengelakkan akauntabiliti.

"Jika SPRM sudah menjalankan siasatan menyeluruh ke atas kes itu dan mendapati tiada kesalahan yang dilakukan, malah bercanggah dengan semua penemuan C4 (menggunakan sumber awam), maka SPRM harus membersihkan nama GLC berkenaan dengan penemuan mereka," katanya dalam kenyataan semalam.

Pembinaan PFI Sdn Bhd adalah GLC yang dilapor ditubuhkan bagi pelaksanaan inisiatif pembiayaan swasta (PFI).

> SPRM juga perlu membersihkan nama GLC itu sekiranya siasatan mendapati tiada kesalahan dilakukan bagi menangkis dakwaan C4

*Muhammad Mohan,*
*Presiden TI-Malaysia*



C4 baru-baru ini mendakwa Pembinaan PFI, syarikat yang tidak mempunyai kakitangan pengurusan dan hanya dikendalikan pengarahnya mendapat pinjaman berjumlah RM30 bilion daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Kumpulan Wang Persaraan Diperbadankan (KWAP).

**Dana diperoleh dua peringkat**

Dalam laporannya, C4 menyatakan, dana diraih Pembinaan PFI diperoleh dalam dua peringkat. Peringkat pertama, perjanjian pertama (PFI 1), pada 2007, bernilai RM20 bilion daripada KWSP, manakala peringkat kedua (PFI 2) pada 2012, berjumlah RM6.037 bilion daripada KWSP dan RM3.960 bilion daripada KWAP.

Cagaran bagi pinjaman itu adalah blok tanah kerajaan yang disewakan kepada Pembinaan PFI oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan.

Tanpa pendapatan, Pembinaan PFI kemudian menyewakan semula bidang tanah sama kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan dengan jumlah RM29 bilion untuk membayar balik pinjaman daripada KWSP.

SPRM mula menyiasat syarikat itu pada 2018, namun tiada perkembangan berhubung siasatan sejak itu.

SINAR HARIAN
14/09/2022
(RABU)

# Jati diri kukuh tolak rasuah

Kuasa pemutus rantaian paling besar untuk menamatkan gejala rasuah bermula daripada diri sendiri






## Rasuah tiada kaitan kaum atau keturunan



# HARIAN METRO
14/09/2022
(RABU)

KES LHDN SAMAN MUHAMMAD SHAFEE

## Keputusan 28 September



## *Tipu jual barang elektrik RM5,235*

## Dituduh keluar wang parti RM600,364.87

## *Dibenar pinda tarikh pelepasan pasport*

# HARIAN METRO
## 14/09/2022
## (RABU)



## Najib kekal dirawat di HKL bukan IJN

NAJIB MASUK WAD

## Bicara kes 1MDB dilapangkan

## *Enam direman buat tuntutan palsu hampir RM900,000*

HARIAN METRO
14/09/2022
(RABU)

RINGKAS

## Datuk direman buat tuntutan palsu

**Kuala Lumpur:** Seorang pengarah urusan syarikat bergelar Datuk ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) selepas disyaki terbabit dalam mengemukakan tuntutan palsu.

Ia membabitkan tuntutan bernilai kira-kira RM7 juta bagi projek pembinaan sebuah bangunan di Terengganu dengan nilai keseluruhan berjumlah lebih RM100 juta.

Permohonan reman terhadap suspek lelaki berusia 54 tahun itu dibuat di Mahkamah Majistret Putrajaya, semalam.

Majistret Irza Zulaikha Rohanuddin membenarkan suspek direman selama tiga hari bermula hari ini sehingga 15 September nanti.

## SINAR HARIAN
## 15/09/2022
## (KHAMIS)



RASUAH BUSTERS

NASIONAL 19

# Sayang diri, usah terlibat rasuah - Lan Pet Pet

Perbuatan rasuah bakal "menjahanamkan" kerjaya dan reputasi dibina dengan sekelip mata



## Rakan kongsi Grant Thornton didakwa pecah amanah RM2.38 juta

10

**SINAR HARIAN**
**15/09/2022**
**(KHAMIS)**

# 'Najib tidak ceria seperti sebelum ini'

Prosiding kes 1MDB ditangguh, bekas PM masih di HKL



NAJIB

## Pembantu tadbir pejabat tanah direman kes rasuah RM400,000

## Bekas Ketua Penolong Pegawai Daerah didakwa terima suapan



**BERITA HARIAN**
**16/09/2022**
**(JUMAAT)**



# Keputusan kes Muhammad Shafee 28 Oktober depan

## Tuduhan terima RM9.5 juta hasil aktiviti haram, kemuka penyata tidak betul





## Bekas Timbalan Pengarah DBKL bebas dua tuduhan

**UTUSAN MALAYSIA**
**16/09/2022**
**(JUMAAT)**

# Sabudin menangis selepas bebas tuduhan rasuah



# Keputusan Shafee bebas, bela diri 28 Okt.



**SINAR HARIAN**
**18/09/2022**
**(AHAD)**

# Gemakan gelombang lawan rasuah

LAPORAN MUKA DEPAN

## Kempen sudah ada namun bersifat berkelompok

Oleh MUHAMMAD SHAMSUL ABD GHANI
SHAH ALAM




Gelombang penolakan rasuah perlu dipertingkatkan lagi dalam usaha menjadikan Malaysia bebas daripada amalan tersebut sekali gus mengelakkan terjerumus sebagai sebuah negara yang gagal.


MOHD NIZAM

Presiden Yayasan Anti Rasuah Malaysia (YARM), Mohd Nizam Mohd Isa berkata, masih banyak usaha perlu dilakukan dalam menjayakan agenda berkenaan kerana gelombang yang ada kini masih belum cukup meluas.

Beliau berkata, meskipun gelombang penolakan rasuah itu sudah ada termasuk kempen #MalaysiaTanpaRasuah tetapi ia tidak menyeluruh kerana ia bersifat 'berkelompok'.

"Apa yang saya bimbangkan ada peringkat jabatan dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) yang mungkin tidak dapat merasa kesan apa yang berlaku sekarang.

"Banyak lagi permasalahan ini di jabatan kerajaan, peringkat GLC dan lain-lain, terlepasnya pemantauan terhadap kakitangan awam dan GLC dari gelombang ini menyebabkan masih ada yang 'tonggar' dan perlu diperbetulkan," katanya pada Sabtu.

Sementara itu, Mohd Nizam berkata, besar harapan YARM agar gelombang ini dapat digemakan lagi bagi mencapai matlamat Malaysia bebas rasuah.

"Saya amat berharap agar dapat melihat gelombang tolak rasuah ini diteruskan momentumnya. Tidak hanya tertumpu kepada kumpulan politik tetapi juga semua peringkat GLC, jabatan kerajaan dan di semua organisasi yang melibatkan kerajaan juga perlu.

"Harapan saya juga agar kepercayaan rakyat selama ini dapat dikembalikan setelah melihat pelbagai isu dan penyalahgunaan wang rakyat bukan berjuta tetapi telah sampai berbilion ringgit," tegasnya.

Tambah beliau, dalam menjayakan agenda berkenaan, YARM akan terus memainkan peranannya bagi menzahirkan kesatuan menolak penularan virus rasuah dalam masa yang sama bertindak sebagai pihak yang tidak berkepentingan.

"Gelombang ini perlu diteruskan bagi rakyat memilih pemimpin yang baik dan berintegriti, tidak sekadar melihat keturunan atau pemimpin itu lama di dalam negara ini.

"Semoga Malaysia berjaya mencapai suatu budaya yang menolak rasuah yang telah sekian menjadi pandemik. Dan vaksin yang berkesan untuk memastikan ia kembali stabil adalah rakyat sendiri," tambah beliau.

## Kes rasuah libat ahli politik bakal ubah persepsi rakyat


MUJIBU

SHAH ALAM - Pendakwaan atau pembongkaran kes rasuah membabitkan ahli politik baru-baru ini dijangka mempengaruhi persepsi dan sokongan pengundi dalam Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15) nanti.

Pensyarah Kanan Sains Politik Universiti Teknologi Mara (UiTM), Mujibu Abd Muis berkata, isu rasuah memberi impak terhadap kebolehpercayaan rakyat kepada ahli politik dalam pemuliharaan dana negara.

Menurut beliau, meskipun isu tersebut kurang diberi perhatian ketika pandemik Covid-19 lalu disebabkan kritikan terhadap perkara lain seperti kelemahan pentadbiran yang lebih tertumpu kepada kebajikan rakyat, namun ia tidak bermaksud rakyat terus menutup mata mengenai salah laku tersebut.

"Sejak Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14), rakyat semakin celik dan mengetahui segala isu yang melibatkan ketelusan dalam pengurusan negara.

"Ia juga merupakan reformasi baharu masyarakat yang mana mereka tidak lagi sewenang-wenangnya memilih seseorang individu secara sembarangan ke dalam pimpinan negara terutama yang mempunyai kesalahan seperti penyelewengan dana atau rasuah," katanya pada Sabtu.

Mujibu berkata, masyarakat hari ini melihat nilai integriti dalam kalangan pemimpin sebagai perkara penting.

Bagaimanapun, beliau tidak menafikan sentimen agama dan perkauman yang kadang kala cuba diaplikasikan sesetengah pihak dapat mengalihkan perhatian rakyat terhadap hal berkenaan.

"Namun harus diingat bahawa perkara ini jika dimainkan, maka lama kelamaan rakyat juga akan menyedari kelompongannya.

"Seperti yang kita lihat, isu-isu seperti ratifikasi Konvensyen Antarabangsa Mengenai Pembasmian Diskriminasi Kaum (ICERD), yang pernah diketengahkan oleh sesetengah pihak dalam membakar sentimen perkauman masyarakat suatu ketika kini telah jarang diperkatakan," ujarnya.

**SINAR HARIAN**
**19/09/2022**
**(ISNIN)**

# Dedah maklumat rasuah ikut saluran betul

*Apa jua melibatkan kedaulatan undang-undang tidak boleh diputuskan menerusi media sosial*

Oleh HISYAMUDDIN AYUB
SHAH ALAM

Sebarang maklumat berhubung rasuah dan salah guna kuasa perlu dilaporkan kepada pihak berkuasa dan bukannya didedahkan secara terbuka di media sosial kerana tindakan seumpama itu menyalahi undang-undang.

Peguam Mohamed Haniff Khatri Abdulla berkata, sebaiknya segala maklumat yang diperoleh melibatkan dua isu berkepentingan tersebut perlu dibuat laporan kepada pihak berkuasa terutama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Menurut beliau, biarpun ada pihak yang tidak mempercayai kredibiliti atau ketelusan SPRM melaksanakan tugasnya, namun sebagai rakyat berpegang kepada undang-undang adalah menjadi tanggungjawab untuk mematuhi ketetapan yang telah digariskan oleh perlembagaan.

"Prosesnya kita kena ikut. Tidak boleh pula hendak kata sebab kita tidak percaya dengan SPRM, maka kita dedahkan perkara itu kepada semua iaitu pihak akhbar atau didedahkan dalam media sosial, seterusnya membiarkan rakyat membuat 'keputusan'.

"Perkara melibatkan kedaulatan undang-undang walau jelas mana sekali pun pada pandangan kasar ada pihak yang bersalah, namun ia tidak boleh diputuskan menerusi komen daripada pihak netizen di media sosial. Kita kena juga patuh dengan konsep kedaulatan undang-undang," katanya kepada Isu Rasuah Bualara.



MOHAMED HANIFF KHATRI

Mengulas lanjut, Mohamed Haniff berkata, setelah membuat pengaduan kepada pihak berkuasa sama ada SPRM atau Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan menerima salinan laporan, maka sekiranya itu baru sesuai untuk dimaklumkan serba sedikit kepada umum tentang apa yang telah dilaporkan.

Malah, katanya, setelah tempoh masa tertentu atau sewajarnya telah diberikan kepada pihak berkuasa untuk melakukan siasatan, pihak yang membuat laporan atau menyeluruh umum boleh bertanyakan sejauh mana siasatan dan apakah tindakan lanjut telah dilakukan ke atas kes dilaporkan.

Jelas beliau, sekiranya pihak berkuasa masih tidak membuat siasatan dalam tempoh yang diberikan daripada segi undang-undang, tindakan lanjut boleh dilakukan dengan menulis laporan kepada Ketua Polis Negara (KPN) dan diberikan juga kepada Peguam Negara (AG).

Beliau menambah, laporan kepada KPN dan AG itu juga harus meminta kedua-duanya menyelesaikan kepincangan pihak berkuasa yang terlibat dalam mengendalikan siasatan, selain kedua-dua pemimpin tertinggi itu membentangkan kepada umum tentang laporan siasatan secara berkala.

"Tetapi sekiranya kita tidak melakukan prosedur-prosedur seumpama itu atau memilih untuk mendedahkannya di dalam media sosial, kita sebenarnya telah menimbulkan satu situasi yang lebih kucar kacir kepada rakyat.

"Sebab semua tindakan kita menyebarkan di media sosial, rakyat akan tertanya-tanya dengan persoalan yang berbangkit kerana mereka mahukan keyakinan fakta disebarkan sama ada sahih atau sebaliknya.

"Maka siapa yang telah menyumbang kepada kecelaruan ini? Tidak lain tidak bukan adalah mereka yang mendedahkan isu itu semata-mata demi retorik orang politik," katanya.

SINAR HARIAN
19/09/2022
(ISNIN)

# Rasuah: Inspektor polis ditahan reman

ALOR SETAR - Seorang inspektor polis di negeri ini ditahan reman enam hari bermula Ahad bagi membantu siasatan kes rasuah.

Perintah reman dikeluarkan sehingga 23 September ini oleh Majistret Mahkamah Alor Setar, Siti Norhidayah Mohd Noor.

Menurut sumber Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Kedah, suspek yang berusia 37 tahun itu ditahan pada Sabtu kira-kira jam 8.40 malam di sebuah restoran di bandar raya ini dalam operasi perangkap kerana didakwa menerima wang sebanyak RM3,000.

"Wang terbabit adalah sebagai balasan untuk suspek menyelesaikan kes pengadu yang disyaki melakukan kesalahan memiliki dadah di bawah seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952," katanya dalam satu kenyataan di sini pada Ahad.

Menurutnya, siasatan dibuat di bawah Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.



Suspek (kiri) diiringi anggota SPRM bagi mendapatkan perintah reman di Mahkamah Alor Setar pada Ahad.

SINAR HARIAN
22/09/2022
(KHAMIS)

## Pembayaran palsu lebih RM23 juta, dua beradik direman tiga hari



# 5 individu direman kes tuntutan lebih RM27j



### Tuntutan palsu melibatkan program latihan teknologi digital

## 59 staf IPTA, IPTS ditahan terlibat rasuah dari 2017 hingga Ogos lalu



# SINAR HARIAN
## 21/09/2022
## (RABU)

# Pegawai kanan universiti direman bantu siasatan terima suapan Honda Accord




Suspek dibawa ke Kompleks Mahkamah Melaka pada Selasa.

**MELAKA** - Seorang pegawai kanan sebuah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) di sini direman bermula Selasa bagi membantu siasatan kes menerima suapan bernilai RM174,500.

Perintah reman selama tujuh hari sehingga 26 September ini dikeluarkan oleh Majistret Mazana Sinin terhadap suspek yang berusia 50-an bagi membolehkan siasatan dilakukan mengikut Seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009.

Suspek yang memakai baju lokap SPRM bewarna jingga tiba di pekarangan Kompleks Mahkamah Melaka dengan menaiki sebuah kenderaan pada jam 9.04 pagi.

*Sinar Harian* pada Selasa melaporkan SPRM Melaka menahan seorang pengarah bahagian pengurusan fasiliti sebuah universiti awam di sini selepas disyaki menerima suapan harta sebuah kereta Honda Accord 2.4 i-vtec.

Pengarah SPRM Melaka, Mohd Shahril Che Saad berkata, lelaki berusia 50-an dan berjawatan Gred J52 itu ditahan kira-kira jam 3 petang di Pejabat SPRM Melaka pada lanin ketika hadir memberi keterangan.

Menurutnya, suspek disyaki menerima suapan sebuah kereta sebagai balasan daripada seorang pemilik syarikat kontraktor di Klang, Selangor.

**HARIAN METRO**
**21/09/2022**
**(RABU)**

DIDAKWA RASUAH TERIMA KERETA

# Pengarah jabatan direman 7 hari

Melaka: Pengarah jabatan sebuah universiti awam direman tujuh hari bagi membantu siasatan membabitkan suapan menerima sebuah kereta Honda Accord bernilai lebih RM174,000.

Perintah tahanan reman itu dikeluarkan Majistret Mazana Sinin, selepas membenarkan permohonan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Lelaki berusia 50-an bertugas sebagai Pengarah Bahagian Pengurusan Fasiliti itu direman bermula semalam hingga 26 September depan.

Perintah itu diberikan bagi membolehkan siasatan lanjut dibuat terhadap suspek mengikut Seksyen 17(a), Akta SPRM 2009.




SUSPEK tiba di Kompleks Mahkamah Melaka dengan diiringi pegawai SPRM. - Gambar NSTP/NURALIAWATI SABRI

Jika sabit kesalahan boleh didenda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, mana-mana lebih tinggi atau penjara sehingga 20 tahun atau kedua-duanya.

Terdahulu, tertuduh tiba di Kompleks Mahkamah Melaka, jam 9 pagi dengan berpakaian lokap dan diiringi pegawai SPRM.

Lelaki itu ditahan jam 3 petang kelmarin, ketika hadir memberi keterangan di pejabat SPRM Melaka di Alai, selepas disyaki menerima satu suapan harta alih iaitu Honda Accord 2.4 yang dianggarkan bernilai RM174, 500.

Ia diperoleh daripada seorang pemilik syarikat kontraktor di Klang, Selangor sebagai dorongan memperoleh tender terbuka , yang bernilai RM1,654,350.

# HARIAN METRO
## 22/09/2022
## (KHAMIS)

# 59 kakitangan universiti ditahan SPRM hingga Ogos lalu

Gombak: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan seramai 59 kakitangan universiti awam dan swasta atas pelbagai kesalahan termasuk rasuah, salah guna kuasa dan tuntutan palsu sepanjang 2017 sehingga Ogos lalu.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM Datuk Seri Norazlan Mohd Razali berkata, ia membabitkan 55 kakitangan universiti awam dan empat kakitangan universiti swasta dengan 48 daripadanya sudah didakwa di mahkamah.

Menurutnya, jumlah wang yang terlibat dalam jenayah ini ialah RM1.32 juta di mana RM1.311 juta membabitkan kakitangan universiti awam manakala selebihnya pula adalah universiti swasta.

"Baru-baru ini, ada satu kes seorang pengarah sebuah universiti awam ditangkap oleh SPRM kerana didakwa menerima [illegible] sebagai dorongan untuk membantu syarikat mendapatkan tender bernilai kira-kira RM1.8 juta.

"Pada Julai tahun ini, seorang profesor universiti turut ditahan oleh SPRM atas dakwaan tuntutan palsu membabitkan dana penyelidikan berjumlah RM66,000," katanya menceritakan senario berhubung gejala rasuah membabitkan institusi pengajian tinggi (IPT).

Beliau berkata demikian ketika menjadi tetamu kehormat pada majlis pelancaran Pelan Rangka Kerja Anti Rasuah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) di sini, semalam.

Majlis pelancaran itu disempurnakan Rektor UIAM, Prof Emeritus Tan Sri Dzulkifli Abdul Razak.

Norazlan berkata, kegiatan penyelewengan termasuk antaranya rasuah, salah guna kuasa, konflik kepentingan, salah urus kewangan dan penipuan akreditasi memberi implikasi yang serius kepada reputasi institusi intelek itu.

"Ia memusnahkan nilai teras kejujuran yang cuba diterapkan dalam kalangan penuntut pengajian tinggi. Natijahnya akan wujud masyarakat intelek baru yang tidak lagi berpegang kepada nilai kejujuran. Ia boleh membawa kepada bencana sosio-ekonomi sesebuah negara," katanya.

Sementara itu, Dzulkifli dalam ucapannya berkata, Pelan Rangka Kerja Anti Rasuah UIAM terdiri daripada dasar dan tatacara kerja kawalan dalaman dalam berdepan risiko rasuah bagi tujuan meminimumkan risiko jenayah terbabit di kalangan warga universiti berkenaan.

Katanya, ia mempunyai objektif menangani semua kemungkinan rasuah dalam sistem melalui mekanisma kawalan dalaman yang mencukupi, selain pelaksanaannya juga membantu pihak berkuasa dan kakitangan UIAM membuat pertimbangan baik.

**HARIAN METRO**
**22/09/2022**
**(KHAMIS)**



DUA beradik direman tiga hari bantu siasatan kes buat bayaran palsu. - Gambar NSTP/MOHD FADLI HAMZAH

# Direman 3 hari buat bayaran palsu RM23j

**Kuala Lumpur:** Dua beradik direman tiga hari oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana disyaki terbabit dalam kes membuat pembayaran palsu bernilai lebih RM23 juta bagi projek pembinaan pangsapuri.

Majistret Mahkamah Putrajaya, Irza Zulaikha Rohanuddin membenarkan permohonan reman bermula semalam hingga esok, selepus kedua-dua lelaki berusia 60-an itu ditahan jam 7 malam kelmarin ketika hadir memberi keterangan di ibu pejabat SPRM.

Menurut sumber SPRM, kedua-dua suspek adalah bekas pengarah urusan di sebuah syarikat pembangunan, kejuruteraan dan pembinaan.

"Suspek disyaki membuat pembayaran palsu kepada perunding, subkontraktor dan pihak-pihak ketiga menggunakan kemudahan perbankan *overdraf* sebuah bank tempatan bernilai lebih RM23 juta.

"Mereka melakukan kegiatan berkenaan antara 2017 hingga 2019 bagi projek pembinaan pangsapuri di Kuala Lumpur bernilai lebih RM350 juta sedangkan projek terbabit tidak dijalankan," kata sumber itu. - Bernama

**SINAR HARIAN**
**23/09/2022**
**(JUMAAT)**

# Rasuah berada di skala bahaya

Negara boleh musnah jika tiada usaha membanteras perbuatan tersebut

SHAH ALAM



## Sultan Nazrin minta lebih ramai murabbi tampil gemakan mesej perangi rasuah

SHAH ALAM -

**HARIAN METRO**

**23/09/2022**

**(JUMAAT)**



# Sogok RM100 elak kena saman

SINAR HARIAN

24/09/2022

(SABTU)

# Azeez Rahim lepas tanpa bebas

Melibatkan 9 pertuduhan rasuah dan pengubahan wang haram projek jalan raya



## Perbicaraan kes Bung Moktar dan isteri tangguh



**SINAR HARIAN**
**24/09/2022**
**(SABTU)**

# Tamak punca integriti merudum



PERSPEKTIF

## 'Tolak pemimpin tidak bersih pada PRU15'





## Wadah berjuang gerakkan kesedaran benci rasuah

# HARIAN METRO

24/09/2022

(SABTU)



## Pemandu lori mengaku beri sogokan RM3k

# SINAR HARIAN
# 24/09/2022
# (SABTU)





KES MAHKAMAH BERPROFIL TINGGI

Oleh NOOR AZLIDA ALIMIN, MUHAMMAD AMINURALIF MOHD ZOKI, MOHD FAIZUL HAIKA MAT KHAZI dan NURFARDUNA IZZATI MOKTAR

# Ahmad Zahid dilepas, dibebaskan

**Pihak pendakwaan gagal membuktikan kes prima facie terhadap 40 pertuduhan rasuah berhubung VLN**

SHAH ALAM

LAPORAN MUKA DEPAN

Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, dilepas dan dibebaskan oleh Mahkamah Tinggi di sini pada Jumaat atas 40 pertuduhan rasuah berhubung Sistem Visa Luar Negara (VLN).

Hakim Datuk Mohd Yazid Mustafa memutuskan demikian selepas mendapati pihak pendakwaan gagal membuktikan kes prima facie terhadap bekas Timbalan Perdana Menteri itu.

Ini bermakna Ahmad Zahid dibebaskan daripada pertuduhan itu dan tidak akan dipanggil untuk membela diri.

Presiden UMNO yang hadir dengan memakai baju Melayu berwarna putih kelihatan ceria selepas mendengar keputusan tersebut.

Hadirin yang berada di galeri awam bangun dan menepuk tangan sebelum ditegur oleh hakim tersebut.

Ketika membaca keputusan penghakimannya setebal 100 muka surat,



MOHD YAZID

Mohd Yazid berkata, Ahmad Zahid dilepas dan bebaskan kerana mahkamah mendapati keterangan tiga saksi utama yang mendakwa telah menawarkan wang rasuah kepadanya, adalah tidak boleh dipercayai.

Menurutnya, saksi pendakwaan ke-17 (SP-17), bekas Pengarah Syarikat Ultra Kirana Sdn Bhd (UKSB), David Tan Siong Sun telah mengakui ada membuat sebuah lejar yang mengandungi butiran pembayaran oleh UKSB kepada beberapa individu termasuk Ahmad Zahid, antara 2014 hingga 2018.

Katanya, Siong Sun menyatakan setiap kali membuat bayaran, dia akan merekodkan pembayaran pada hari sama atau berikutnya.

"Namun, lejar yang ditunjukkan dalam kebanyakan ruangan catatan telah dibiarkan kosong," katanya.

Selain itu, beliau berkata, seorang lagi saksi utama, SP-15, yang juga bekas Pengarah UKSB, Harry Lee Vui Khiun telah bersetuju bahawa ruangan catatan yang kosong itu, tidak menunjukkan bahawa wang telah dibayar kepada tertuduh.

Tanpa bukti yang kukuh, hakim ini berkata, mahkamah tidak boleh membuat penemuan bahawa wang itu telah diterima oleh Ahmad Zahid.

"Dalam pada itu, pendakwaan gagal membuktikan elemen penting dalam pertuduhan rasuah itu.

"Berdasarkan semua bukti yang dikemukakan oleh pendakwaan, tiada rakaman kamera litar tertutup (CCTV) diberikan kepada mahkamah," katanya.

Malah beliau berkata, pendakwaan tidak memanggil pemandu kepada tiga saksi utama itu, pengawal di kediaman Ahmad Zahid di Sri Satria dan Country Heights untuk memberi keterangan.



Ahmad Zahid dilepas dan dibebaskan oleh Mahkamah Tinggi Shah Alam pada Jumaat atas 40 pertuduhan rasuah berhubung Sistem VLN.

Ahmad Zahid menghadapi 33 pertuduhan menerima rasuah berjumlah SG$13.56 juta daripada syarikat UKSB untuk dirinya sebagai Menteri Dalam Negeri bagi menyambung kontrak syarikat itu sebagai pengendali perkhidmatan Pusat Sehenti di China dan VLN serta untuk mengekalkan perjanjian kontrak bagi membekalkan sistem bersepadu VLN.

Bagi tujuh lagi pertuduhan, beliau didakwa memperoleh untuk dirinya SG$1,150,000; RM3.125 juta; 15,000 Swiss Franc dan A$15,000 daripada syarikat sama yang mempunyai kaitan dengan tugas rasminya.

**SINAR HARIAN**
**24/09/2022**
**(SABTU)**

# Bebas 40 tuduhan, 47 masih menanti

## Zahid belum boleh menarik nafas lega, perlu bela diri kes Yayasan Akalbudi

SHAH ALAM

Biarpun dibebaskan daripada 40 tuduhan rasuah di Mahkamah Tinggi Shah Alam di sini pada Jumaat, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi belum boleh menarik nafas lega sepenuhnya.

Ia berikutan Presiden UMNO itu masih perlu berdepan 47 pertuduhan melibatkan kes Yayasan Akalbudi (YAB).

Ahmad Zahid ketika ini sedang membela diri di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur terhadap 47 pertuduhan iaitu 12 kes pecah amanah, lapan pertuduhan rasuah dan 27 pertuduhan pengubahan wang haram membabitkan puluhan juta ringgit dana YAB.

Peguam, Mohamed Haniff Khatri Abdulla berkata, dari sudut perundangan, Ahli Parlimen Bagan Datuk itu belum dapat membersihkan namanya daripada semua pertuduhan selagi prosiding kes YAB tidak selesai.

Bagaimanapun, Mohamed Haniff berkata, Ahmad Zahid kini bebas 100 peratus daripada 40 pertuduhan kes Ultra Kirana Sdn Bhd (UKSB) selepas Mahkamah Tinggi Shah Alam melepaskan dan membebaskannya.



MOHAMED HANIFF KHATRI

"Beliau (Ahmad Zahid) masih perlu menghadapi perbicaraan di peringkat pembelaan membabitkan 47 pertuduhan kes YAB yang dijangka diadakan pada akhir tahun ini," katanya kepada *Sinar Premium*.

Bagi pertuduhan pecah amanah YAB, Ahmad Zahid didakwa menggunakan dana itu untuk membuat enam pembayaran penggunaan kad kredit peribadi dan polisi insurans serta lesen kenderaan peribadi, pemindahan wang kepada firma guaman dan sumbangan kepada Persatuan Bola Sepak Polis Diraja Malaysia.

Berbalik ke Mahkamah Tinggi Shah Alam pada Jumaat, selepas tiga tahun, Ahmad Zahid dibebaskan daripada 40 tuduhan menerima suapan daripada syarikat UKSB berhubung kontrak pengendali Perkhidmatan One Stop Centre (OSC) di China dan sistem Visa Luar Negara (VLN).

Hakim Mahkamah Tinggi Shah Alam, Mohd Yazid Mustafa berkata, pihak pendakwaan gagal mewujudkan prima facie ke atas bekas Timbalan Perdana Menteri itu.

Ahmad Zahid berdepan 33 pertuduhan menerima rasuah berjumlah SG$13.56 juta daripada UKSB, selain tujuh lagi mendapatkan SG$1,150,000; RM3.125 juta; 15,000 Swiss Franc dan A$15,000 daripada syarikat sama yang mempunyai kaitan rasmi dengan tugas rasminya antara Oktober 2014 dan Mac 2018.

Pun begitu kata, Mohamed Haniff, keputusan itu bukan satu keputusan yang mengejutkan.

"Ini adalah *the end of cases* kecuali pendakwa raya mengemukakan rayuan kepada Mahkamah Rayuan jika mereka mahu meneruskan pendakwaan.

"Saya tidak terkejut dengan keputusan kes itu kerana pihak pendakwa raya gagal membuktikan pembayaran kepada pihak lain," katanya.

**HARIAN METRO**

**24/09/2022**

**(SABTU)**

# DUA-DUA KENA

## *Bekas Pengarah Imigresen Perak, bekas Ketua Unit Pendakwaan Imigresen dipenjara, denda*

Oleh Balqis
Jualmah Zuhari
am@hmetro.com.my



BEKAS Pengarah Imigresen Perak dan bekas Ketua Unit Pendakwaan Imigresen negeri dibawa keluar dari Mahkamah Sesyen Ipoh, semalam.

**Ipoh**

Bekas Pengarah Imigresen Perak dan bekas Ketua Unit Pendakwaan Imigresen negeri dijatuhi hukuman penjara tiga tahun dan denda RM85,000 selepas didapati bersalah atas dua pertuduhan meminta dan menerima rasuah, tujuh tahun lalu.

Keputusan akhir kes pembelaan itu dibuat oleh Hakim S Indra Nehru di Mahkamah Sesyen Ipoh, semalam.

Selain itu, tertuduh, Zulhairin Yahya, 50, dan Zaidi Dali, 54, turut berhadapan penjara 18 bulan jika gagal membayar denda berkenaan.

Mahkamah bagaimanapun membenarkan permohonan pihak pembelaan untuk menangguhkan pelaksanaan hukuman penjara sementara menunggu rayuan di Mahkamah Tinggi.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Mazlyah Mansor, manakala Zulhairin diwakili peguam bela Mohd Baharuddin Ahmad Kasim dan Zaidi diwakili Zamri Idrus serta Mohd Fadly Hashim.

Mengikut kertas pertuduhan, Zulhairin dan Zaidi masing-masing didakwa meminta wang RM10,000 setiap bulan daripada Nga Chee Jiek untuk memastikan Jabatan Imigresen tidak melakukan pemeriksaan dan serbuan terhadap pusat hiburan 'The Box KTV' di Pusat Bandar Seri Manjung.

Kesalahan itu dilakukan di Rumah Kelab Meru Valley Golf and Country Club di sini, kira-kira jam 9 malam, 5 November 2015.

Pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 16(b) (A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24 akta yang sama.

Sabit kesalahan boleh dipenjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 atau mana-mana lebih tinggi.

Zulhairin turut didakwa menerima RM7,000 daripada individu sama di Restoran Knock Knock Meru Raya di sini jam 12.05 tengah malam, 11 November tahun sama, manakala Zaidi turut dituduh menerima suapan RM7,000 daripada individu sama di tempat letak kereta Meru Valley Golf and Country Club di sini, jam 9.55 malam, 11 November tahun sama.

Oleh yang demikian, kedua-dua pertuduhan itu dikemukakan mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009 yang membawa hukuman sama.

**BERITA HARIAN**

**24/09/2022**

**(SABTU)**

# Bekas Pengarah Imigresen Perak dipenjara 3 tahun, denda RM85,000

## Zulhairin didapati bersalah bersama bekas Ketua Unit Pendakwaan Imigresen Perak

Oleh Balqis Jazimah Zahari
bhnews@bh.com.my

**Ipoh:** Bekas Pengarah Imigresen Perak dan bekas Ketua Unit Pendakwaan Imigresen Perak, masing-masing dihukum penjara tiga tahun dan denda RM85,000 di Mahkamah Sesyen di sini, semalam selepas didapati bersalah meminta dan menerima rasuah tujuh tahun lalu.

Hakim S Indra Nehru menjatuhkan hukuman penjara tiga tahun dan denda RM50,000 terhadap Zulhairin Yahya, 58, dan Zaidi Dali, 34, bermula semalam dan dipenjara 10 bulan lagi jika gagal menjelaskan denda berkenaan atas kesalahan meminta suapan RM10,000 setiap bulan supaya tiada pemeriksaan dijalankan ke atas sebuah pusat hiburan di Manjung.

Indra Nehru turut menjatuhkan hukuman penjara tiga tahun bermula hari ini dan denda RM35,000 serta lapan bulan penjara, jika gagal membayar denda itu ke atas kedua-dua mereka, masing-masing bagi dua kesalahan memperoleh suapan sebanyak RM7,000.

### Hakim benar tangguh hukuman

Hakim bagaimanapun membenarkan permohonan kedua-dua tertuduh untuk penangguhan pelaksanaan hukuman penjara sementara menunggu proses rayuan di Mahkamah Tinggi.

Zulhairin dan Zaidi didakwa dengan niat bersama meminta suapan RM10,000 setiap bulan daripada Ngo Chee Jiek, sebagai dorongan untuk memastikan tiada pemeriksaan dan serbuan dijalankan ke atas sebuah pusat hiburan di Pusat Bandar Seri Manjung.



*Zulhairin dan Zaidi keluar dari Mahkamah Sesyen Ipoh selepas didapati bersalah tuduhan terima rasuah 7 tahun lalu.* (Foto L Manimaran/BH)

Kesalahan itu dilakukan di Club House Meru Valley Golf & Country Club di sini pada jam 9 malam 5 November 2015.

Pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 16(a)(B) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 yang dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan dan boleh dihukum mengikut Seksyen 24(1) akta sama, yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana-mana yang lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Zulhairin juga didakwa sebagai Pengarah Jabatan Imigresen Negeri Perak memperoleh suapan RM7,000 daripada Chee Jiek menerusi Zaidi sebagai dorongan memastikan tiada pemeriksaan dan serbuan dijalankan ke atas pusat hiburan sama di Restoran Knock Knock Meru Jaya di sini, pada jam 12.05 tengah malam 12 November 2015.

Zaidi turut didakwa sebagai Ketua Unit Pendakwaan Jabatan Imigresen Negeri Perak memperoleh suapan untuk dirinya dan Pengarah Jabatan Imigresen Negeri Perak berjumlah RM7,000 daripada Chee Jiek, sebagai dorongan memastikan tiada pemeriksaan dan serbuan dijalankan ke atas pusat hiburan sama di tempat letak kereta Meru Valley Golf & Country Club di sini, pada jam 9.30 malam 11 November 2015.

**SINAR HARIAN**
**25/09/2022**
**(AHAD)**

# Pegawai jabatan kerajaan ditahan SPRM Sabah

**Kota Kinabalu:** Seorang pegawai jabatan kerajaan di sini ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana dipercayai menyalahgunakan kedudukan dengan melantik syarikat milik saudaranya untuk pembekalan makanan bernilai hampir RM43,000.

Lelaki berusia lingkungan 40-an itu ditahan di Pejabat SPRM Sabah cawangan Kota Kinabalu, kira-kira jam 10 pagi tadi, ketika hadir memberi keterangan.

Sumber memaklumkan, suspek disyaki menyalahgunakan kedudukan dengan melantik syarikat milik saudaranya untuk perkhidmatan pembekalan makanan bagi program di jabatannya, tiga tahun lalu.

"Program berkenaan sekitar Mac hingga October 2019 membabitkan nilai hampir RM43,000," katanya semalam.

Pengarah SPRM Sabah, Datuk S Karunanithy ketika dihubungi, mengesahkan penahanan kakitangan awam berkenaan.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 23(1) Akta SPRM 2009 dan suspek dijangka dituduh di Mahkamah Khas Rasuah Kota Kinabalu dalam tempoh terdekat," katanya.

**SINAR HARIAN**
**25/09/2022**
**(AHAD)**

# SPRM berkas tiga pegawai MBSA

## Seorang kontraktor turut ditahan dipercayai berkaitan siasatan kes projek tebatan banjir

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI
SHAH ALAM

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan empat individu susulan serbuan di Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) pada Isnin lalu, dipercayai berkaitan siasatan kes projek tebatan banjir mega bernilai ratusan juta ringgit.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, empat individu itu terdiri daripada seorang kontraktor dan tiga pegawai pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan.

Menurutnya, kesemua individu berusia lingkungan 36 hingga 56 tahun telah direman tujuh hari untuk siasatan di bawah Seksyen 18 Akta SPRM 2009.

"Tiga individu direman bermula Selasa manakala seorang lagi pada Rabu.

"Siasatan masih dijalankan dan SPRM tidak tolak kemungkinan akan ada penahanan susulan untuk tindakan lanjut.

"SPRM juga akan memanggil beberapa saksi bagi membantu siasatan," katanya ketika dihubungi *Sinar Ahad*.


AZAM

Pada Sabtu, Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Zamani Ahmad Mansor mengesahkan SPRM menyerbu MBSA pada Isnin.

Menurut Zamani, kenyataan daripada pihaknya hanya akan dikeluarkan selepas agensi berkenaan mendapat laporan penuh daripada pihak SPRM.

Media sebelum ini melaporkan salah seorang wakil rakyat Parti Keadilan Rakyat (PKR) yang enggan dikenali mengatakan bahawa serbuan yang dibuat oleh SPRM dipercayai mempunyai kaitan dengan projek tebatan banjir.

RASUAH BUSTERS

**HARIAN METRO**
**25/09/2022**
**(AHAD)**

DUA BEKAS YDP DIDAKWA RASUAH

# ISTERI DAPAT, AWEK PUN DAPAT!

Oleh Mohd Jamilul Anbia Md Denin
anbia@hmetro.com.my

Shah Alam

Dua bekas Yang Dipertua (YDP) Majlis Daerah Hulu Selangor dan Kuala Langat termasuk seorang bekas Timbalan YDP Sepang didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan menerima rasuah wang, tiket kapal terbang, basikal mahal, wang untuk membeli kereta, telefon pintar iPhone untuk isteri dan teman wanita.

Seorang tertuduh, Shukri Mohamad Hamin, 49, berdepan empat pertuduhan menerima suapan antara 28 Februari 2020 hingga 22 Mei 2021 ketika menjadi pegawai daerah Gombak dan YDP Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS).

Tertuduh didakwa di hadapan Hakim Rozilah Salleh menerima tiket kapal terbang bernilai RM13,200 untuk isterinya, wang deposit RM30,000 bagi membeli kereta Honda Civic, kereta Toyota Corolla bernilai RM7,711 dan pembayaran barangan ubah suai rumah bernilai RM11,395.92.

Semua suapan itu didakwa diterima daripada Azizul Ab Majid yang mempunyai hubungan dengan tugas rasmi Shukri sebagai Pengerusi Jawatankuasa Sebutharga MDHS dan Pengerusi Jawatankuasa Sebutharga Pejabat Daerah dan Tanah Gombak.

Tertuduh bagaimanapun mengaku tidak bersalah terhadap keempat-empat pertuduhan dan hakim membenarkan tertuduh diikat jamin sebanyak RM35,000 dengan seorang penjamin.

Di mahkamah sama, seorang lagi bekas YDP Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) Kuala Langat, Mohamad Zain A Hamid, 48, didakwa atas enam pertuduhan rasuah yang didakwa berlaku antara 26 Julai 2019 hingga 15 Januari 2021 ketika tertuduh memegang jawatan berkenaan.

> "Tertuduh didakwa menerima pelbagai jenis barangan juga daripada Azizul. Antara barangan diterimanya adalah penghawa dingin, basikal, iPhone 12 Pro, upah pemasangan sengkuap rumah dan Samsung Smart TV yang keseluruhannya berharga RM15,131"

Tertuduh didakwa menerima suapan dalam bentuk tiket kapal terbang, dua unit iPhone XS masing-masing untuk isteri serta teman wanitanya dan dua basikal keseluruhannya bernilai RM18,090.

Barangan itu juga diterima daripada Azizul sebagai balasan untuk membantu syarikat bawah seliaannya mendapat sebut harga dan inden di MDKL, menurut kertas pertuduhan.

Tertuduh bagaimanapun tidak mengaku bersalah dan hakim membenarkan tertuduh diikat jamin sebanyak RM12,000 dengan seorang penjamin.

Sementara itu, dalam satu lagi kes berasingan bekas Timbalan YDP Majlis Perbandaran Sepang, Muhammad Hafiz Shaari, 43, berdepan enam pertuduhan didakwa dilakukannya antara 12 November 2020 hingga 26 Jun 2021 ketika menyandang jawatan itu.

Tertuduh didakwa menerima pelbagai jenis barangan juga daripada Azizul. Antara barangan diterimanya adalah penghawa dingin, basikal, iPhone 12 Pro, upah pemasangan sengkuap rumah dan Samsung Smart TV yang keseluruhannya berharga RM15,131.

Tertuduh didakwa menerima barangan berharga itu daripada Azizul Ab Majid yang mengetahui tugas rasmi tertuduh sebagai Timbalan YDP Majlis Perbandaran Sepang.

Dia yang berhadapan enam pertuduhan tidak mengaku bersalah dan dibenarkan ikat jamin sebanyak RM15,000.

Dalam pada itu, seorang juruukur bahan MDKL Muhammad Asyraf Mohammad Jasni, 33, pula didakwa atas empat pertuduhan menerima wang berjumlah RM31,000 daripada Azizul antara 24 Disember 2019 hingga 6 November 2020.

Tertuduh turut tidak mengaku salah atas empat pertuduhan dan dibenarkan diikat jamin sebanyak RM15,000 dengan seorang penjamin.

Keempat-empat tertuduh didakwa mengikut Seksyen 16 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara maksimum dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali jika disabitkan kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Rasyidah Murni Azmi, Natrah Fareha Rahmat dan Mohd 'Afif Ali. Tertuduh kecuali Shukri diwakili peguam Amir Aleat.

***Mahkamah menetapkan 26 Oktober hadapan sebagai tarikh sebutan semula kes.***

**HARIAN METRO**
**25/09/2022**
**(AHAD)**




# SPRM 'SERBU' MBSA

*Bantu siasatan kes tuntutan palsu RM900,000 kerja naik taraf saliran, projek tebatan banjir di Selangor*


Oleh [illegible] dan [illegible] Md [illegible]
am@hmetro.com.my


Kuala Lumpur

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyerbu pejabat Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) di Seksyen 14 di sini, Isnin lalu dipercayai untuk membantu siasatan berkaitan kes tuntutan palsu berjumlah hampir RM900,000 dalam kerja menaik taraf saliran dan projek tebatan banjir di Selangor.

Susulan serbuan itu, difahamkan beberapa individu direman untuk membantu siasatan.

Metro Ahad difahamkan, SPRM memperoleh petunjuk baharu dalam kes itu dan serbuan dilakukan susulan penahanan enam individu, 12 September lalu.

Sementara itu, di Shah Alam, Datuk Bandar Shah Alam Datuk Zamani Ahmad Mansor mengesahkan kehadiran SPRM ke pejabat MBSA Isnin lalu namun ia bukan serbuan seperti yang digembar-gemburkan.

"Memang benar (kehadiran SPRM), tetapi bukanlah serbu, saya juga tidak pasti...cuma kita belum dapat maklumat sebenar kes apa yang disiasat.

> "Kita masih belum mendapat penjelasan lanjut daripada SPRM"
> Zamani

"Kita masih belum mendapat penjelasan lanjut daripada SPRM. Pihak SPRM sahaja yang boleh mengesahkan," katanya dihubungi, semalam.

Terdahulu, sebuah portal berita mendakwa SPRM menyerbu ibu pejabat MBSA.

Menurut laporan berita itu, seorang wakil rakyat PKR yang enggan dikenali mendakwa 'serbuan' dijalankan mungkin ada kaitan dengan projek tebatan banjir.

**BERITA HARIAN**
**25/09/2022**
**(AHAD)**

# Kartel disyaki monopoli projek MBSA

## Pengurusan tertinggi dipercayai serah tender secara runding terus kepada kroni

Oleh Ilah Hafiz Aziz
dan Rosnalis Md Zain
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengesan kewujudan kartel dalam Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) yang dipercayai memonopoli tender projek mega di bandar raya berkenaan.

Difahamkan, kartel itu turut membabitkan pengurusan tertinggi pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan yang mempunyai kuasa untuk menyerahkan tender secara runding terus kepada pihak tertentu.

*BH* difahamkan, kehadiran kartel itu menyebabkan hanya pihak tertentu yang dipercayai rapat dengan kartel dilantik menjadi kontraktor projek sekali gus mengakibatkan projek yang diberikan itu tidak dilaksanakan seperti yang dikehendaki.

Sumber berkata, antara projek yang dikesan dimonopoli kartel adalah tebatan banjir *Shah Alam Sustainable Urban Drainage Masterplan* (SASuD) - Pelan Tindakan Banjir Shah Alam) yang bernilai hampir RM400 juta.

"Ia diagihkan kepada syarikat kartel dan kroni membabitkan pihak pengurusan tertinggi dan Ahli Majlis MBSA.

"SPRM juga mengesan terdapat kerja yang dipecahkan kepada projek kecil dan bertindih dengan fungsi projek yang sepatutnya di bawah kendalian Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) turut dimasukkan di bawah projek ini.

"Terdapat juga projek yang langsung tiada kaitan dengan projek SASuD dimasukkan di bawah pelan induk tebatan banjir ini," kata sumber.

**Eksklusif**

Sebelum ini dilapor MBSA peruntukkan kira-kira RM187 juta bagi beberapa perancangan menerusi SASuD yang akan merangkumi tiga fasa iaitu jangka masa pendek, sederhana dan panjang.

Antara hala tuju penyediaan pelan tindakan banjir Shah Alam adalah menaik taraf sistem perparitan utama perbandaran ke arah reka bentuk minimum yang boleh ditampung selama 50 tahun *average recurrence interval* (ARI).

Malah, kata sumber berkenaan, kartel itu dipercayai wujud bagi semua projek bukan saja membabitkan tebatan banjir.

Sementara itu, Pengarah Kanan Bahagian Siasatan SPRM, Datuk Seri Hishamuddin Hashim ketika dihubungi *BH* mengenai perkara itu menjelaskan pihaknya sedang menyiasat mengenai projek tebatan banjir itu termasuk berkaitan kewujudan kartel berkenaan.

Bagaimanapun beliau enggan mengulas lanjut.

Beliau berkata, terbaru tiga individu ditahan reman selepas SPRM menyerbu ibu pejabat MBSA Isnin lalu bagi membantu siasatan mengenai penyelewengan bagi projek SASuD itu.

> "Terbaharu tiga individu ditahan reman selepas SPRM menyerbu ibu pejabat MBSA pada Isnin lalu bagi membantu siasatan mengenai penyelewengan bagi projek SASuD itu"
>
> ***Hishamuddin Hashim,***
> *Pengarah Kanan Bahagian Siasatan SPRM*



### Tunggu penjelasan SPRM

Datuk Bandar Shah Alam, Zamani Ahmad Mansor, ketika dihubungi semalam mengesahkan kehadiran pegawai SPRM di ibu pejabat MBSA di Seksyen 14 pada Isnin lalu, tetapi tidak maklum tujuan mereka.

"Memang benar tetapi bukanlah serbu, saya juga tidak pasti, cuma kita belum dapat maklumat sebenar kes apa yang disiasat.

"Kita masih belum mendapat penjelasan lanjut daripada SPRM. Pihak SPRM sahaja yang boleh mengesahkan," katanya.

**BERITA HARIAN**

**27/09/2022**

**(SELASA)**



# 3 lagi pegawai MBSA ditahan

Bantu siasatan penyelewengan tender projek tebatan banjir

# Tiga helah jadi modus operandi dalang utama seleweng tender

# Kartel miliki hubungan baik dengan 'orang dalam' PBT

Mereka juga kenal dengan orang dalam yang bersama-sama bertindak sebagai kartel sehingga tiada kontraktor lain mampu bersaing

**SINAR HARIAN**
**27/09/2022**
**(SELASA)**

# Pemilik syarikat tidak mengaku palsukan dokumen

KUALA TERENGGANU - Pemilik sebuah syarikat mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen, di sini pada Isnin atas dua pertuduhan memalsukan borang pendaftaran pekerja di bawah Program Insentif Pengambilan Pekerja (PenjanaKerjaya) 1.0, dua tahun lalu.

Tertuduh, Ezza Suria Muda, 37, yang merupakan pemilik Syarikat ESM Suria Enterprise membuat pengakuan itu setelah pertuduhan ke atasnya dibacakan di hadapan Hakim Dazuki Ali.

Ezza Suria didakwa melakukan kesalahan itu pada November 2020 di Akademi Binaan Wilayah Timur, Hulu Terengganu.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa memalsukan satu dokumen iaitu borang pendaftaran pekerja di bawah Peraturan-Peraturan (AM) Keselamatan Sosial Pekerja 1971 (Peraturan 10,12 dan 12 A) pendaftaran bertarikh 3 November dan 23 November 2020.

Tertuduh didakwa di bawah Seksyen 468 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara sehingga tujuh tahun dan denda.

Mahkamah membenarkan tertuduh dijamin sebanyak RM10,000 oleh seorang penjamin selain pasport diserahkan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) serta dikehendaki melaporkan diri ke pejabat SPRM berdekatan setiap bulan.

Tarikh sebutan semula kes ditetapkan pada 18 Oktober ini.



Tertuduh (dua dari kanan) dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu pada Isnin atas dakwaan memalsukan borang pendaftaran pekerja dibawah Program Insentif Pengambilan Pekerja (PenjanaKerjaya) dua tahun lalu.

**HARIANMETRO**
**27/09/2022**
**(SELASA)**

Harian Metro | Selasa 27/09/2022



# Masuk jel 7 tahun kalau bersalah

*Pemilik syarikat mengaku tidak bersalah atas tuduhan kemuka dokumen palsu berkaitan tuntutan Penjana Kerjaya*

SINAR HARIAN
28/09/2022
(RABU)

# SPRM cari kaedah tarik orang ramai ikuti kes rasuah

Untuk kikis persepsi bahawa badan itu hanya menahan golongan bawahan dan orang atasan terlepas daripada tindakan



## Integriti bukan sekadar beri dan terima rasuah



MUHAMMAD IHSAN

## Projek tebatan banjir: Reman pegawai MBSA disambung

**SINAR HARIAN**
**28/09/2022**
**(RABU)**

# Bekas pegawai khas MB didakwa palsukan slip gaji

JOHOR BAHRU - Bekas pegawai khas Menteri Besar Johor dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini pada Selasa atas pertuduhan memalsukan slip gajinya berjumlah lebih RM15,000 empat tahun lalu.

Tertuduh, Khairul Anuar Daud, 50, mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Datuk Ahmad Kamal Arifin Ismail.

Mengikut pertuduhan, dia didakwa memalsukan dokumen slip gaji sebuah syarikat penerbangan tempatan bagi bulan Mei 2018 atas namanya yang berjumlah RM15,820.63 dengan niat hendak menipu.

Perbuatan itu didakwa dilakukan tertuduh di Jabatan Pengurusan Sumber Manusia sebuah syarikat berkaitan kerajaan (GLC) di sini antara 26 Jun dan 10 Julai 2018.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 468 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara maksimum tujuh tahun dan denda.

Kes dikendalikan Pegawai Pendakwa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Dayang Masneh Deh manakala tertuduh diwakili peguam, Hazza Khalid dan Suraya Hani Abdul Halim.

Sebelum itu, Dayang Masneh memohon agar ikat jamin dikenakan sebanyak RM30,000 dengan seorang penjamin.

Namun, peguam tertuduh memohon mahkamah mengurangkan jumlah ikat jamin sebanyak RM8,000 berikutan tiga anak tertuduh masih menuntut di institusi pengajian tinggi (IPT).

Hakim kemudian memerintahkan tertuduh diikat jamin RM10,000 dengan seorang penjamin selain pasport tertuduh diserah kepada mahkamah dan perlu melapor diri di Pejabat SPRM Johor Bahru pada setiap bulan.



Khairul Anuar (tengah) hadir ke Mahkamah Sesyen Johor Bahru pada Selasa atas pertuduhan memalsukan dokumen slip gaji empat tahun lalu.

**HARIAN METRO**
**28/09/2022**
**(RABU)**

# Mahu ubah persepsi 'ikan bilis', 'jerung'

## *SPRM cari kaedah salur perkembangan siasatan pada masyarakat*

Putrajaya



Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) akan mencari kaedah terbaik bagi membolehkan masyarakat tidak terlepas daripada mengikuti perkembangan terkini sesuatu siasatan dan kes dikendalikan SPRM yang dibawa ke mahkamah.

Ketua Pesuruhjaya SPRM Tan Sri Azam Baki berkata, langkah ini bagi mengikis persepsi masyarakat terhadap badan itu yang sering dikatakan menahan individu berstatus 'ikan bilis' atau golongan bawahan, sebaliknya golongan atasan atau disebut 'jerung' terlepas daripada sebarang tindakan.

"Berapa banyak ikan bilis SPRM [kenakan tindakan] sekarang berbanding kes profil tinggi sebab ini persepsi mereka, kadang-kadang mereka tertinggal mengikuti laporan (kes SPRM) yang dilaporkan media.

"Setiap kes berprofil tinggi yang kami siasat saya rasa SPRM melaporkannya termasuklah pertuduhan. Ini tidak, mereka masih katakan (kami hanya siasat) ikan bilis, saya pun tidak tahu adakah tangkapan kes Mitra, 1MDB, SRC International, isu skandal kartel itu dikategori sebagai ikan bilis," katanya semalam.

Azam berkata, SPRM sentiasa melakukan sebaik mungkin untuk mengambil tindakan terhadap kes rasuah tidak kira dalam negara sama ada dilakukan 'ikan bilis' atau 'jerung' yang mendatangkan mudarat kepada rakyat dan negara.

"SPRM menjalankan tugas dengan membuat pertuduhan, ada kes sebelum ini pegawai kanan kerajaan gred JUSA B kami tahan. Individu ini bukan ikan bilis tetapi seorang berprofil tinggi," katanya.

Mengenai ada individu ditahan untuk siasatan namun dibebaskan, Azam berkata, perkara itu berlaku disebabkan ada kes tertentu tidak dipersetujui Jabatan Peguam Negara.

"Tidak semua kes berakhir dengan pertuduhan dikenakan...kita kena terima fakta itu... Kita kena hormati keputusan Peguam Negara," katanya sambil menegaskan Jabatan Peguam Negara tidak pernah menghalang SPRM menjalankan atau meneruskan siasatan sesuatu kes.

Berhubung salah laku dalam kalangan anggota dan pegawai SPRM, Azam berkata, suruhanjaya itu ada jawatankuasa adkam dan tindakan tegas diambil terhadap mereka terlibat dalam rasuah atau salah laku.

**HARIAN METRO**

**28/09/2022**

**(RABU)**

# SPRM juga buru 'jerung'

## Masyarakat diminta kikis persepsi agensi hanya tangkap 'ikan bilis'

**Putrajaya:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bukan hanya menyasarkan penjenayah kecil atau lebih dikenali 'ikan bilis' sebaliknya turut menyasarkan 'jerung' yang merujuk kepada penjenayah dalam kes berprofil tinggi.

Ketua Pesuruhjayanya, Tan Sri Azam Baki, berkata persepsi masyarakat yang sering melabel SPRM hanya menahan atau mendakwa 'ikan bilis' dan melepaskan 'jerung' perlu dikikis.

Justeru, beliau berkata, pihaknya akan mencari kaedah terbaik supaya masyarakat tidak terlepas mengikuti perkembangan terkini sesuatu siasatan dan kes dikendalikan SPRM yang dibawa ke mahkamah.

"Berapa banyak 'ikan bilis' SPRM (tenakan tindakan) sekarang berbanding kes berprofil tinggi, sebab ini adalah persepsi mereka.

"Kadang-kadang mereka tertinggal dalam mengikuti laporan (kes SPRM) yang dilaporkan media.

"Setiap kes berprofil tinggi yang kami siasat, saya rasa SPRM melaporkannya termasuk pertuduhan. Ini tidak, mereka masih mengatakan (kami hanya siasat) 'ikan bilis'.

"Saya pun tidak tahu adakah tangkapan kes berkaitan (penyelewengan dana) MITRA (Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia), 1MDB (1Malaysia Development Berhad), SRC International, isu skandal kartel itu dikategori sebagai 'ikan bilis'?" katanya.

Azam berkata, SPRM sentiasa melakukan sebaik mungkin untuk mengambil tindakan terhadap kes rasuah yang membabitkan ketirisan dalam negara, sama ada dilakukan 'ikan bilis' atau 'jerung' yang mendatangkan mudarat kepada rakyat dan negara.

> **SPRM sentiasa melakukan sebaik mungkin untuk mengambil tindakan terhadap kes rasuah yang membabitkan ketirisan dalam negara, sama ada dilakukan 'ikan bilis' atau 'jerung' yang mendatangkan mudarat kepada rakyat dan negara**

*Azam Baki,*
*Ketua Pesuruhjaya SPRM*



**[illegible]**

Mengenai status individu ditahan untuk siasatan namun dibebaskan, Azam berkata, perkara itu berlaku disebabkan ada kes tertentu yang tidak dipersetujui Jabatan Peguam Negara.

"Tidak semua kes akan berakhir dengan pertuduhan dikenakan, kita kena terima fakta itu dan hormati keputusan Peguam Negara," katanya menegaskan bahawa Jabatan Peguam Negara tidak pernah menghalang SPRM menjalankan atau meneruskan siasatan sesuatu kes.

Berhubung salah laku dalam kalangan anggota dan pegawai SPRM, Azam berkata, suruhanjaya itu mempunyai jawatankuasa aduan dan tindakan tegas akan diambil terhadap mereka yang terbabit rasuah atau salah laku.

"Kami ada jawatankuasa aduan, saya telah buktikan sebelum ini yang kami sendiri mendakwa mereka (anggota dan pegawai SPRM ada masalah tatatertib) di mahkamah jika ada salah laku," katanya.

BERNAMA

**HARIAN METRO**

**28/09/2022**

**(RABU)**

# Tak mengaku palsu slip gaji lebih RM15k

Johor Bahru: Bekas pegawai khas seorang Menteri Besar dibicarakan di Mahkamah Sesyen, di sini, semalam atas pertuduhan memalsukan slip gajinya berjumlah lebih RM15,000, empat tahun lalu.

Bagaimanapun, tertuduh, Khairul Anuar [illegible], [illegible], mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Datuk Ahmad Kamal Ariffin Ismail.

Khairul Anuar yang kini bekerja sebagai ketua pegawai operasi sebuah syarikat pembangunan, didakwa memalsukan dokumen slip gaji sebuah syarikat penerbangan tempatan bagi bulan Mei 2018 atas namanya berjumlah RM[illegible], dengan niat.

Ia adalah supaya dokumen palsu itu digunakan bagi tujuan menipu.

Kesalahan itu didakwa dilakukan tertuduh di Jabatan Pengurusan Sumber Manusia sebuah syarikat berkaitan kerajaan (GLC), di sini, antara [illegible] Jun hingga [illegible] Julai 2018.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 468 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara maksimum tujuh tahun dan denda.

Kes dikendalikan Pegawai Pendakwa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Dayang [illegible] manakala tertuduh diwakili peguam, [illegible] Khalid dan Suraya Hani Abdul Halim.

Terdahulu, Dayang [illegible] memohon mahkamah mengenakan ikat jamin sebanyak RM[illegible] dengan seorang penjamin manakala pasport antarabangsa tertuduh diserah kepada mahkamah selain tertuduh perlu melapor diri di Pejabat SPRM Johor Bahru pada setiap bulan.

Namun, peguam tertuduh memohon mahkamah mengurangkan jumlah ikat jamin berikutan tiga anak tertuduh masih menuntut di institusi pengajian tinggi (IPT).

"Tertuduh memohon supaya jumlah ikat jamin diturunkan kepada RM8,000 berikutan hanya dia yang bekerja menanggung keluarganya," katanya.



KHAIRUL Anuar ketika hadir ke di Mahkamah Sesyen, Johor Bahru.

# OKTOBER 2022

UNIT INTEGRITI & PEMODENAN PENTADBIRAN MBJB

**BERITA HARIAN**
**04/10/2022**
**(SELASA)**



# Kes wanita rasuah kian meningkat

## Kebanyakan suspek miliki kuasa, jawatan dalam organisasi

**Putrajaya:** Bilangan kes rasuah membabitkan pelaku wanita semakin meningkat sejak kebelakangan ini dan keadaan itu amat membimbangkan, kata Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki.

Berdasarkan statistik, beliau berkata, 824 wanita ditahan dan daripada jumlah itu, 156 dituduh di mahkamah sepanjang tempoh 2017 hingga Ogos lalu.

Secara terperinci, 308 wanita ditahan berhubung kes tuntutan palsu, menerima rasuah (249), memberi rasuah (90) dan salah guna kuasa (85), manakala selebihnya membabitkan kesalahan lain berkaitan rasuah.

"Rata-rata mereka yang ditahan itu mempunyai kuasa, peranan dan jawatan dalam sesuatu entiti. Ketika mula-mula zaman saya masuk kerja di BPR (Badan Pencegah Rasuah), dalam masa setahun, susah hendak tangkap walaupun seorang wanita.

"Rasuah adalah mengenai orang yang mempunyai kuasa, orang yang telah diberi kepercayaan untuk melaksanakan amanah. Jadi, mereka ini diberikan tanggungjawab," katanya pada temu bual, di sini.

Agensi itu ditubuhkan pada 1 Oktober 1967 dengan dahulunya dikenali sebagai BPR sebelum menjadi suruhanjaya bebas dikenali sebagai SPRM pada 2009.

Mengenai undang-undang berkaitan pembiayaan dana politik pula, Azam berkata, perkara itu perlu disegerakan bagi memastikan ahli dan parti politik mengisytiharkan dana yang mereka terima sama ada dari dalam atau luar negara serta punca dana berkenaan diperoleh.

### [illegible]

Beliau berkata, takrifan mengenai pembiayaan politik yang sah atau tidak adalah bergantung pada takrifan dipersetujui dalam rang undang-undang dan ia berbeza antara satu negara dengan negara lain.

Bagaimanapun, Malaysia belum mempunyai undang-undang dan peraturan pembiayaan politik, justeru bukan satu jenayah bagi ahli politik serta parti politik untuk menerima pembiayaan politik dan derma persendirian.

Ini bermakna mana-mana ahli politik atau parti boleh menerima sumbangan politik daripada perbadanan atau individu dengan syarat wang itu bukan daripada sumber haram.

Namun, katanya, isu itu menjadi jenayah jika dapat dibuktikan bahawa ahli politik yang menerima dana terbabit berada dalam kedudukan untuk membalas budi kepada pemberi derma berdasarkan jawatan ahli politik berkenaan.

Azam berkata, pihaknya banyak menerima aduan daripada masyarakat yang meminta SPRM menyiasat entiti politik yang dikatakan menerima dana berbentuk rasuah.

"Kami siasat dan bukan kami tidak siasat apabila dilaporkan, namun banyak kes berakhir dengan tiada tindakan pertuduhan.

"Mereka (orang awam) yang melaporkan tidak berpuas hati, apabila tiada akta (khusus) ini, maka kami mengklasifikasikan sebagai tindakan menerima sogokan atau menerima rasuah," katanya.

BERNAMA

> "Ketika mula-mula zaman saya masuk kerja di BPR (Badan Pencegah Rasuah), dalam masa setahun, susah hendak tangkap walaupun seorang wanita"
>
> **Azam Baki,** Ketua Pesuruhjaya SPRM



**SINAR HARIAN**
**04/10/2022**
**(SELASA)**

# Wanita terlibat rasuah membimbangkan

824 pelaku rasuah wanita ditahan dari 2017 hingga Ogos lalu



## Lafaz ikrar lawan rasuah di hadapan Istana Kehakiman



# HARIAN METRO
# 12/10/2022
# (RABU)


10 lokal

Rabu 12/10/2022 Harian Metro

## Didakwa terima RM90k

*Bekas Pengurus Komersial MAHB tak mengaku salah*

## Semakan kes rasuah Bung Moktar, isteri Isnin depan

**SINAR HARIAN**
**13/10/2022**
**(KHAMIS)**

# Bekas pengarah Jakoa didenda RM5,000 buat tuntutan palsu

SEREMBAN - Dua individu termasuk bekas Pengarah Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jakoa) Negeri Sembilan dan Melaka didenda oleh Mahkamah Sesyen di sini pada Rabu atas pertuduhan memalsukan dokumen tuntutan majlis makan berjumlah RM13,200 enam tahun lalu.

Hakim, Rushan Lutfi Mohamed menjatuhkan hukuman itu terhadap tertuduh, Mohd Irwan Redzuan Abdullah, 45, dan Haslin Abdul Razak, 47, selepas masing-masing membuat pengakuan bersalah atas pertuduhan dibacakan jurubahasa.

Mohd Irwan yang merupakan bekas pemilik syarikat Salju Asli Enterprise didenda RM8,000 manakala Haslin yang merupakan bekas Pengarah Jakoa Negeri Sembilan dan Melaka dihukum penjara empat bulan serta denda RM5,000.

Jika gagal menjelaskan denda tersebut masing-masing berdepan hukuman penjara lima bulan dan empat bulan.

Mengikut pertuduhan, mereka dengan niat bersama telah menggunakan suatu dokumen sebagai tulen iaitu invois Salju Asli Enterprise nombor SA2016/10 untuk tuntutan pembekalan makan dan minum sempena Majlis Ramah Mesra Pengarah Jakoa bersama penduduk Kampung Orang Asli Bukit Payung, Alor Gajah, Melaka.

Kesalahan itu dilakukan di Pejabat Jakoa Negeri Sembilan/Melaka pada 6 Disember 2016.

Berikutan itu, mereka didakwa mengikut Seksyen 471 Kanun Keseksaan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 465 Kanun yang sama.

Peguam, Iszam Ismail yang mewakili Mohd Irwan memohon hukuman ringan atas alasan dia kini hanya bekerja sebagai penoreh getah selepas syarikatnya ditutup dan perlu menyara lima anak berusia empat hingga 22 tahun.

Sementara itu, Haslin yang diwakili peguam Abdul Hamid Manan Abdullah juga memohon hukuman yang ringan atas alasan mempunyai empat anak yang masih bersekolah serta menunjukkan prestasi cemerlang sepanjang berkhidmat.

Mahkamah kemudian menetapkan wang RM13,200 milik Kelab Sukan dan Kebajikan Jakoa dilucut hak kepada kerajaan Malaysia melalui Ketua Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).



Mohd Irwan ketika hadir di Mahkamah Sesyen.

**HARIAN METRO**
**13/10/2022**
**(KHAMIS)**

# 2 individu didenda palsu dokumen



MOHD Irwan dibawa ke Mahkamah Sesyen Seremban, atas pertuduhan memalsukan dokumen tuntutan majlis makan berjumlah RM13,200. - Gambar NSTP/AZHRUL IDHAM

**Seremban** Dua individu termasuk bekas Pengarah Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jakoa) Negeri Sembilan dan Melaka didenda di Mahkamah Sesyen Seremban, semalam atas pertuduhan memalsukan dokumen tuntutan majlis makan berjumlah RM13,200, enam tahun lalu.

Kedua-dua tertuduh, Mohd Irwan Redzuan Abdullah, 45, dan Haslin Abdul Razak, 47, membuat pengakuan bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Ihshan Lutfi Mohamed.

Tertuduh pertama, Mohd Irwan iaitu bekas pemilik syarikat Salju Asli Enterprise dijatuhi hukuman denda RM8,000.

Manakala tertuduh kedua, bekas Pengarah Jakoa Negeri Sembilan dan Melaka, Haslin didenda RM5,000.

Sekiranya gagal membayar denda, kedua-dua tertuduh masing-masing boleh dikenakan penjara lima dan empat bulan.

Bagaimanapun, mereka membayar denda terbabit.

Mengikut pertuduhan, mereka dengan niat bersama dengan curangnya menggunakan suatu dokumen sebagai tulen iaitu invois Salju Asli Enterprise nombor SA2016/10 untuk tuntutan perkhidmatan makan dan minum sempena Majlis Ramah Mesra Pengarah Jakoa bersama penduduk Kampung Orang Asli Bukit Payung, Alor Gajah, Melaka yang mana tertuduh mempunyai sebab mempercayai bahawa dokumen itu adalah palsu.

Kesalahan itu dilakukan di Pejabat Jakoa Negeri Sembilan/Melaka pada 6 Disember 2016.

Sehubungan itu, mereka didakwa mengikut Seksyen 471 Kanun Keseksaan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 465 kanun yang sama.

Terdahulu, dalam prosiding kes Mohd Irwan yang diwakili peguam Iszam Ismail memohon hukuman ringan kerana dia kini hanya bekerja sebagai penoreh getah selepas syarikat ditutup selain perlu menyara lima anak berusia empat hingga 22 tahun.

Sementara itu, Haslin yang diwakili peguam Abdul Hamid Manon Abdullah juga memohon hukuman ringan dengan alasan mempunyai empat anak masih kecil serta bersekolah malah sepanjang perkhidmatan menjalankan tugas dengan cemerlang.

Mahkamah juga menetapkan wang RM13,200 milik Kelab Sukan dan Kebajikan Jakoa dilucut hak kepada kerajaan Malaysia melalui Ketua Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

**HARIAN METRO**
**13/10/2022**
**(KHAMIS)**

# SPRM tahan wanita cuba sogok PGA RM800

**Tawau:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan seorang wanita dipercayai cuba menyogok pegawai Pasukan Gerakan Am (PGA) supaya tidak mengambil tindakan terhadapnya yang membawa keluar barangan kawalan ke Filipina.

Suspek berusia 50-an itu ditahan ketika hadir memberi keterangan di Pejabat SPRM Sabah Cawangan Tawau jam 5.40 petang kelmarin.

Sumber berkata, wanita tempatan dipercayai memberi wang berjumlah kira-kira RM800 kepada pegawai PGA yang bertugas di Pulau Mataking sebagai balasan tidak dikenakan tindakan membawa keluar barang kawalan ke negara jiran.

Sementara itu, Pengarah SPRM Sabah, Datuk S Karunanithy ketika dihubungi mengesahkan tangkapan dan kes disiasat mengikut Seksyen 17(b) Akta SPRM 2009.

Menurutnya, suspek dilepaskan dengan jaminan RM2,000 dan seorang penjamin pada hari sama.

Katanya, kejayaan tangkap itu kerjasama antara PGA dan SPRM Sabah Cawangan Tawau dalam usaha membanteras kegiatan rasuah di daerah berkenaan.

> "Wanita tempatan dipercayai beri wang RM800 kepada pegawai PGA
> Sumber

**HARIAN METRO**
**15/10/2022**
**(SABTU)**

# Jurutera JKR didakwa rasuah RM20,000

**Shah Alam:** Seorang jurutera Jabatan Kerja Raya (JKR) dihadapkan ke Mahkamah Sesyen semalam, atas dakwaan menerima suapan berjumlah RM20,000 berhubung Projek Penyelenggaraan Cerun di Jalan Persekutuan dan Jalan Negeri Semenanjung Malaysia pada 2020.

Izwan Mashuri, 39, mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Rozilah Salleh.

Tertuduh sebagai Jurutera Awam Cawangan Kejuruteraan Cerun JKR didakwa menerima wang RM20,000 daripada seorang lelaki berusia 35 tahun menerusi pindahan wang dalam talian.

Ia dikatakan dilakukan daripada akaun milik Uji Teguh Resources ke akaun milik SBR Consultant tanpa balasan yang mana Izwan mengetahui lelaki itu mempunyai hubungan kerja rasminya berhubung Projek Penyelenggaraan Cerun di Jalan Persekutuan dan Jalan Negeri Semenanjung Malaysia.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di sebuah cawangan bank tempatan di Gombak pada 14 Disember 2020.

Tertuduh melakukan kesalahan mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan dan jika sabit kesalahan, boleh dipenjara sehingga dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

Pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Nurul Atiqah Mohamad Alias manakala tertuduh diwakili peguam Hamdan Hamzah.

**SINAR HARIAN**

**19/10/2022**

**(RABU)**

# SPRM tahan ketua jabatan kerajaan bergelar 'Datuk'

**KUALA LUMPUR** - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan ketua jabatan sebuah agensi kerajaan bergelar 'Datuk' kerana disyaki terlibat menerima rasuah dan menyalahgunakan kuasa berhubung pelantikan sebuah syarikat bagi tujuan perolehan empat buah kenderaan pada 2017.



HISHAMUDDIN

Lelaki berumur 40 tahun itu ditahan selepas hadir memberi keterangan di Ibu Pejabat SPRM di Putrajaya pada pukul 8 malam Isnin dan kini direman selama empat hari hingga 21 Oktober ini bagi membantu siasatan kes berkenaan.

Menurut sumber SPRM, perolehan empat kenderaan bernilai lebih RM290,000 itu adalah untuk kegunaan sebuah program yang dilaksanakan oleh agensi berkenaan.

Pengarah Kanan Bahagian Siasatan SPRM, Datuk Seri Hishamuddin Hashim yang mengesahkan penahanan lelaki berkenaan ketika dihubungi *Bernama* pada Selasa berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 17(a) dan Seksyen 23 Akta SPRM 2009.

Sementara itu di Kota Kinabalu, seorang penjawat awam mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen pada Selasa, atas dua pertuduhan meminta dan menerima suapan berjumlah RM15,000, dua tahun lepas.

Ali Hashin Nasip, 54, yang bertugas sebagai pemandu kenderaan di sebuah agensi kerajaan negeri membuat pengakuan berkenaan selepas semua pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Abu Bakar Manat.

Dia didakwa secara rasuah meminta suapan wang tunai RM10,000 daripada seorang individu pada 5 September 2020 di Pejabat Tanah Daerah Kudat sebagai dorongan mempercepat permohonan kelulusan lanjutan tempoh pajakan tanah milik individu tersebut.

Ali Hashin juga secara rasuah menerima suapan wang tunai bernilai RM5,000 bagi tujuan sama di sebuah restoran di sini pada 19 September, tahun yang sama.

Dia didakwa di bawah Seksyen 16(a) (B) Akta SPRM 2009 yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana-mana yang lebih tinggi jika sabit kesalahan.

Hakim Abu Bakar membenarkan tertuduh dijamin RM7,000 dengan seorang penjamin dan menetapkan 28 November ini untuk sebutan semula kes.

Pendakwaan dijalankan Pegawai Pendakwa SPRM, Norsham Saharom dan Joe Randy Juster, manakala Ali Hashin tidak diwakili peguam. - *Bernama*

**BERITA HARIAN**

**19/10/2022**

**(RABU)**

# SPRM tahan ketua jabatan bergelar Datuk

**Kuala Lumpur:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan ketua jabatan sebuah agensi kerajaan bergelar Datuk kerana disyaki terlibat menerima rasuah dan menyalahgunakan kuasa berhubung pelantikan sebuah syarikat bagi tujuan perolehan empat kenderaan pada 2017.

Lelaki berumur 40 tahun itu ditahan selepas hadir memberi keterangan di ibu pejabat SPRM di Putrajaya pada jam 8 malam kelmarin dan kini direman empat hari hingga 21 Oktober ini bagi membantu siasatan kes berkenaan.

Menurut sumber SPRM, perolehan empat kenderaan itu bernilai lebih RM290,000 untuk kegunaan sebuah program yang dilaksanakan oleh agensi berkenaan.

Pengarah Kanan Bahagian Siasatan SPRM, Datuk Seri Hishamuddin Hashim yang mengesahkan penahanan lelaki berkenaan ketika dihubungi, semalam, berkata kes disiasat mengikut Seksyen 17 (a) dan Seksyen 23 Akta SPRM 2009.

BERNAMA

# Penjawat awam didakwa minta rasuah RM15,000

**Kota Kinabalu:** Seorang penjawat awam dihadapkan di Mahkamah Sesyen, di sini semalam, atas dua pertuduhan meminta dan menerima suapan RM15,000, dua tahun lalu.

Ali Hashin Nasip, 54, yang bertugas sebagai pemandu kenderaan di sebuah agensi kerajaan negeri, didakwa di hadapan Hakim Abu Bakar Manat mengikut Seksyen 16(a)(B) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009.

Dia dituduh secara rasuah meminta suapan wang tunai RM10,000 daripada seorang individu pada 5 September 2020 di Pejabat Tanah Daerah Kudat sebagai dorongan mempercepatkan permohonan kelulusan lanjutan tempoh pajakan tanah milik individu terbabit.

Ali Hashin juga didakwa secara rasuah menerima suapan wang tunai bernilai RM5,000 bagi tujuan yang sama di sebuah restoran di sini pada 19 September tahun yang sama.

Dia bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas semua pertuduhan dibacakan.

Abu Bakar membenarkan tertuduh dijamin RM7,000 dengan seorang penjamin dan menetapkan 28 November depan untuk sebutan semula kes. Pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa SPRM, Norsham Saharom dan Joe Randy Juster, manakala Ali Hashin tidak diwakili peguam.

BERNAMA

**HARIAN METRO**
**19/10/2022**
**(RABU)**

DISYAKI TERIMA RASUAH, SALAH GUNA KUASA

# Ketua jabatan ditahan SPRM

**Putrajaya:** Seorang ketua jabatan bergelar Datuk ditahan pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) selepas dipercayai menyalah guna kuasa dan menerima rasuah.

Sumber berkata, suspek bertugas di sebuah agensi kerajaan dipercayai menerima rasuah dan menyalahguna kuasa berhubung pelantikan sebuah syarikat bagi tujuan perolehan empat kenderaan pada 2017.

Tambahnya suspek lelaki berusia 40-an itu ditahan kira-kira jam 8 malam kelmarin, di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya ketika hadir memberi keterangan.

Katanya, perolehan empat kenderaan yang dibuat pada 2017 itu berjumlah lebih RM290,000 bertujuan untuk kegunaan sebuah program dilaksanakan oleh agensi berkenaan.

Susulan itu, suspek kini direman selama empat hari bermula semalam sehingga 21 Oktober 2022 selepas Majistret Irza Zulaikha Rohanuddin membenarkan permohonan reman dikemukakan SPRM di Mahkamah Majistret Putrajaya di sini, pagi semalam.

Sementara itu, Pengarah Kanan Bahagian Siasatan SPRM, Datuk Seri Hishamuddin Hashim yang dihubungi mengesahkan penahanan itu dan memaklumkan kes disiasat mengikut Seksyen 17 (a) dan Seksyen 23 Akta SPRM 2009.




SEORANG ketua jabatan sebuah agensi kerajaan bergelar Datuk direman empat hari berhubung isu terima rasuah dan salah guna kuasa.

**HARIAN METRO**
**20/10/2022**
**(KHAMIS)**


lokal

# Sekat bukti perbicaraan

*Guan Eng fail permohonan hina mahkamah terhadap pendakwa*

## Bekas hakim dijel enam bulan

**HARIAN METRO**
**20/10/2022**
**(KHAMIS)**

# Tawar RM90k minta polis bebas rakan



WANG yang ditawarkan kepada polis sebagai dorongan supaya melepaskan rakan suspek yang disiasat berhubung kes tawaran kerja dalam talian yang tidak wujud.

Johor Bahru: Seorang lelaki ditahan selepas menawarkan RM90,000 kepada polis sebagai dorongan supaya melepaskan rakannya yang disiasat berhubung kes tawaran kerja dalam talian yang tidak wujud.

Ketua Polis Johor, Datuk Kamarul Zaman Mamat berkata, suspek berusia 31 tahun itu ditahan di sebuah restoran dekat Taman Suria, di sini Isnin lalu selepas mengadakan pertemuan dengan anggota polis.

"Dalam perjumpaan itu, suspek menawarkan wang tunai sebanyak RM90,000 sebagai suapan dan dorongan untuk membebaskan rakannya.

"Kita memberikan amaran untuk tidak berbuat demikian, namun suspek terus mendesak supaya menerima wang berkenaan.

"Tangkapan kemudian dibuat ke atas suspek dan kita turut merampas wang tunai yang cuba diserahkan kepada anggota polis," katanya dalam kenyataan media, semalam.

Menurutnya, kes itu dirujuk kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Johor untuk tindakan lanjut.

Terdahulu, Kamarul Zaman berkata, sepasukan polis Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Johor bersama Bahagian Siasatan Jenayah Komersial Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Johor Bahru Selatan (JBS) menyerbu sebuah apartmen di Jalan Tanjung Puteri di sini yang dipercayai digunakan sebagai pusat panggilan bagi tawaran kerja atas talian yang tidak wujud.

Menurutnya, dalam serbuan jam 12 tengah hari, Isnin, seorang lelaki warga asing berusia 26 tahun ditahan dan beberapa peralatan yang digunakan untuk berhubung dan memperdaya mangsa dirampas.

"Ketika proses awal siasatan dijalankan, pasukan serbuan telah menerima panggilan daripada seorang lelaki yang mengaku sebagai rakan kepada tangkapan dalam serbuan itu.

"Lelaki itu mahu berjumpa dengan pihak polis di sebuah restoran di Taman Suria, di sini sebelum menawarkan rasuah terbabit," katanya.

Pada masa sama, Kamarul Zaman mengingatkan orang ramai supaya tidak menawarkan atau memberi rasuah.

"Polis bertegas dan tidak akan teragak-agak untuk menahan mana-mana individu yang cuba memberi rasuah atau suapan kepada polis," tegasnya.

**SINAR HARIAN**
**20/10/2022**
**(KHAMIS)**

# Pegawai khas ketua jabatan kerajaan ditahan

Bantu siasatan kes rasuah perolehan empat buah kenderaan

Oleh AHMAD ISMADI ISMAIL
PUTRAJAYA




Suspek (tengah) dibawa ke Mahkamah Majistret Putrajaya untuk permohonan reman pada Rabu.

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada Selasa menahan seorang pegawai khas kepada seorang ketua jabatan sebuah agensi kerajaan.

Menurut sumber, lelaki berusia 38 tahun itu ditahan di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya ketika hadir memberi keterangan.

Majistret Irza Zulaikha Rohanuddin membenarkan suspek direman selama tujuh hari bermula Rabu selepas SPRM mengemukakan permohonan reman di Mahkamah Majistret Putrajaya.

Pada Selasa, seorang ketua jabatan agensi kerajaan bergelar Datuk ditahan kerana dipercayai menerima rasuah dan menyalahgunakan kuasa berhubung pelantikan sebuah syarikat bagi tujuan perolehan empat buah kenderaan pada tahun 2017.

Menurut sumber, perolehan empat buah kenderaan yang dibuat pada 2017 itu berjumlah lebih RM290,000 bertujuan untuk kegunaan sebuah program yang dilaksanakan oleh agensi tersebut.

Pengarah Kanan Bahagian Siasatan SPRM, Datuk Seri Hishamuddin Hashim mengesahkan penahanan itu dan memaklumkan kes disiasat mengikut Seksyen 17(a) dan Seksyen 23 Akta SPRM 2009.

**RASUAH BUSTERS**

Sementara itu, seorang pengurus kanan syarikat pembinaan dan penyelenggaraan ditahan SPRM di Putrajaya selepas dipercayai menerima rasuah RM72,000 bagi membantu proses pinjaman daripada sebuah agensi kerajaan berjumlah RM3 juta.

Suspek berusia 53 tahun itu menerima rasuah tersebut daripada seorang pengarah urusan sebuah syarikat lain untuk membantu proses kelulusan permohonan tersebut.

Syarikat pembinaan dan penyelenggaraan tempat suspek berkhidmat itu merupakan anak syarikat kepada agensi kerajaan tersebut.

"Beliau ditahan jam 6 petang pada Selasa di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya bagi membantu siasatan kes penahanan," kata sumber itu pada Rabu.

Pengarah SPRM Putrajaya, Mohd Anuar Ismail ketika dihubungi mengesahkan penahanan tersebut dan kes disiasat di bawah Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.

Katanya, suspek dibebaskan dengan jaminan SPRM setelah keterangannya selesai diambil.

## Lelaki dicekup cuba sogok polis RM90,000

JOHOR BAHRU - Cubaan seorang lelaki menyogok polis dengan wang tunai berjumlah RM90,000 supaya melepaskan rakannya daripada tindakan tahanan kerja dalam talian yang tidak wujud menahan diri apabila ditahan pada Selasa.

Ketua Polis Johor, Datuk Kamarul Zaman Mamat berkata, suspek lelaki tempatan yang berusia 31 tahun itu menawarkan wang tersebut sebagai suapan dan dorongan untuk tidak mengambil tindakan terhadap rakannya.

"Pihak polis telah memberi amaran untuk tidak berbuat demikian, namun suspek terus mendesak untuk menerima wang tersebut. Tangkapan dibuat dan wang tunai tersebut yang cuba diserahkan kepada polis turut dirampas.

"Kejadian ini berlaku di Taman Bukit di sini dalam satu pertemuan antara suspek dan anggota polis tersebut. Kes ini dirujuk kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk tindakan lanjut," katanya dalam kenyataan pada Rabu.

Beliau berkata, suspek itu berbuat demikian selepas sepasukan anggota Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Johor membuat serbuan di sebuah apartmen di Jalan Tanjung Puteri di sini pada jam 12 tengah hari, Isnin.

Menurutnya, serbuan tersebut dilakukan kerana apartmen itu dijadikan sebagai pusat panggilan melaksanakan kerja dalam talian yang tidak wujud.

Dalam serbuan yang dijalankan katanya, pihak polis telah berjaya menahan seorang lelaki warga negara asing berusia 27 tahun dan merampas beberapa peralatan yang digunakan untuk berhubung dan memperdayakan mangsa.

"Semasa proses awal siasatan dijalankan, pasukan serbuan telah menerima panggilan daripada suspek warga tempatan itu yang mengaku rakan kepada suspek warga asing berkenaan dan mahu berjumpa pihak polis terbabit di Taman Bukit," katanya.

Suspek warga tempatan itu katanya, kemudian menawarkan wang berkenaan sebelum ditangkap kerana cuba merasuah pihak polis.

"Pihak polis mengingatkan orang ramai agar tidak menawarkan atau memberi rasuah. Pihak polis bertegas dan tidak akan teragak-agak untuk menahan mana-mana individu yang cuba memberi rasuah atau suapan kepada polis," katanya.

Mengenai kegiatan di apartmen tersebut, Kamarul Zaman memberitahu, pihaknya sedang menyiasat sejak bila sindiket tersebut beroperasi.

SINAR HARIAN
20/10/2022
(KHAMIS)

# Bekas Hakim Mahkamah Sesyen dipenjara 6 bulan

## Didapati bersalah terima wang tunai RM5,000 ketika kendalikan kes rumah perjudian

SHAH ALAM

Seorang bekas Hakim Mahkamah Sesyen dihukum penjara enam bulan dan denda RM20,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini pada Rabu, selepas didapati bersalah atas satu pertuduhan rasuah berhubung prosiding mahkamah.

Hakim Rasyihah Ghazali menjatuhkan hukuman itu ke atas Azmil Muntapha Abas, 48, iaitu bekas Hakim Mahkamah Sesyen Kuala Kubu Bharu, selepas mendapati pihak pembelaan gagal menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan.

Mahkamah juga memerintahkan Azmil Muntapha dipenjara enam bulan lagi sekiranya gagal membayar denda itu.

Bagaimanapun, hakim Rasyihah membenarkan penangguhan pelaksanaan hukuman, sementara menunggu rayuan di Mahkamah Tinggi dan menaikkan jumlah jaminan terhadap tertuduh daripada RM5,000 kepada RM12,000 selain memerintahkan notis rayuan difailkan selewat-lewatnya 21 Oktober ini.



Selain hukuman penjara enam bulan, Azmil Muntapha (kiri) turut didenda RM25,000.

Mengikut pertuduhan, Azmil Muntapha sebagai Hakim Mahkamah Sesyen telah memperoleh untuk dirinya suatu barang berharga iaitu wang tunai sebanyak RM5,000, tanpa suatu balasan pada 8.22 malam, yang mana tertuduh mengetahui mempunyai hubungan dalam suatu prosiding berkaitan dengannya iaitu mengendalikan kes-kes jenayah bagi enam Orang Kena Tuduh (OKT).

Enam OKT tersebut adalah Chin Yat Soong, Yap Chiew Tet, Chin See Shak, Pang Kooi Fook, Yap Swee Ming dan Chin Chee Keong yang masing-masing melakukan kesalahan di bawah subseksyen 9 (1) Akta Rumah Judi Terbuka 1953 (Akta 289) dan di mana Azmil Muntapha telah menjatuhkan hukuman denda terhadap kesemua mereka.

Azmil Muntapha didakwa melakukan perbuatan rasuah itu di Maybank Setia Alam 2, dekat sini pada 10 Mei 2018 mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga dua tahun atau denda atau kedua-duanya.

Dalam prosiding itu, pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Allan Suman Pillai, Maziah Mohaide dan Mohd Shahrom Idris, manakala tertuduh diwakili peguam Asmadi Hussin serta Azul Zulkifli Stork.

Seramai 24 saksi pendakwaan dan seorang saksi pembelaan iaitu tertuduh sendiri dipanggil memberi keterangan pada perbicaraan yang bermula pada September 2021 dan berakhir pada Ogos lepas.- *Bernama*

# BERITA HARIAN

**20/10/2022**

**(KHAMIS)**



Nasional

Kes jual bon 1MDB

## 'Jangan terlalu lama tangguh kes'

Mahkamah minta dapatkan arahan sewajarnya daripada AGC, elak kes tergantung

## Guan Eng mohon prosiding hina mahkamah

## Bekas hakim kena denda, penjara

**BERITA HARIAN**
**22/10/2022**
**(SABTU)**

# Pegawai kanan polis didakwa kes ubah wang haram

**Butterworth:** Seorang pegawai kanan polis berpangkat Asisten Superintendan dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, semalam, atas dua pertuduhan terbabit aktiviti pengubahan wang haram berjumlah RM20,000.

Ameyrudin Ahmad Zuki, 41, bagaimanapun mengaku tidak bersalah atas kedua-dua pertuduhan itu di hadapan Hakim Zulhazmi Abdullah.

Bagi pertuduhan pertama, dia dituduh menyembunyikan wang RM10,000 yang didakwa merupakan hasil aktiviti haram ke dalam akaun rakannya, Shahirudin Mohamad melalui tiga transaksi deposit di Bank Islam Malaysia Bhd Kepala Batas.

Bagi pertuduhan kedua, dia dituduh menyembunyikan wang didakwa hasil aktiviti haram dalam jumlah sama juga ke dalam akaun Shahirudin, melalui tiga transaksi deposit di Malayan Banking Bhd Kepala Batas.

Tertuduh didakwa melakukan kedua-dua perbuatan itu pada 4 Ogos 2018, mengikut Seksyen 4 (1) (b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 yang boleh dihukum mengikut Seksyen 4 (1) akta sama.

**Penjara 15 tahun**

Jika sabit kesalahan, boleh dihukum penjara hingga 15 tahun, denda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau nilai hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan itu pada masa kesalahan berkenaan dilakukan atau RM5 juta, yang mana lebih tinggi.

Timbalan Pendakwa Raya, Mohd Shahrom Idris memohon mahkamah mengenakan ikat jamin RM10,000 bagi setiap pertuduhan kerana mengambil kira tahap keseriusan kes membabitkan anggota polis.

Hakim membenarkan tertuduh diikat jamin RM10,000 bagi kedua-dua pertuduhan dan menetapkan 20 Disember depan untuk sebutan semula kes. - BERNAMA

# HARIAN METRO
# 27/10/2022
# (KHAMIS)

## Ketua jabatan nafi 3 tuduhan rasuah RM5k

Johor Bahru: Seorang ketua jabatan di sebuah kolej matrikulasi dekat Tangkak dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas tiga tuduhan menerima rasuah berjumlah RM5,000, lima tahun lalu.

Tertuduh, Azman Abdul Rahman, 51, bagaimanapun mengaku tidak bersalah sebaik semua pertuduhan dibacakan jurubahasa mahkamah di hadapan Hakim Datuk Ahmad Kamal Arifin Ismail.

Bagi pertuduhan pertama dan kedua, tertuduh yang juga Ketua Jabatan Pengurusan Pelajar di Kolej Matrikulasi Johor (KMJ) didakwa menerima suapan keseluruhan secara tunai bernilai RM4,000 daripada pemilik sebuah pusat sukan.

Perbuatan berkenaan sebagai balasan mendapatkan kerja penyelenggaraan atatan sukan bagi persediaan dan kegunaan pelajar serta membekal pakaian Kontinjen KAKOM KMJ 2017 dalam Karnival Kokurikulum Matrikulasi (KAKOM) di pejabatnya pada Julai dan 12 September 2017.

Bagi perbuatan itu, lelaki terbabit didakwa mengikut Seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 24(1) akta yang sama.

Manakala, bagi pertuduhan ketiga, tertuduh didakwa menerima suapan bernilai RM1,000 melalui transaksi ke akaun bank miliknya daripada seorang pengurus besar sebuah syarikat pembersihan yang mana tertuduh tahu ia mempunyai kaitan dengan tugas rasminya di sebuah bank di Pagoh, Muar, pada 22 Ogos 2017.

Dia didakwa mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan (Akta 574) yang membawa hukuman penjara maksimum dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali, jika disabitkan kesalahan.



AZMAN (kiri) dibawa ke Mahkamah Sesyen Johor Bahru atas tiga tuduhan menerima rasuah, lima tahun lalu.

BERITA HARIAN
27/10/2022
(KHAMIS)

# Ketua jabatan dituduh terima rasuah RM5,000

**Johor Bahru:** Seorang ketua jabatan di sebuah kolej matrikulasi dekat Tangkak, dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, semalam, atas tiga tuduhan menerima rasuah RM5,000, lima tahun lalu.

Tertuduh, Azman Abdul Rahman, 54, mengaku tidak bersalah selepas semua pertuduhan dibacakan jurubahasa mahkamah di hadapan Hakim Datuk Ahmad Kamal Arifin Ismail.

Bagi pertuduhan pertama dan kedua, tertuduh yang juga Ketua Jabatan Pengurusan Pelajar di Kolej Matrikulasi Johor (KMJ) didakwa menerima suapan secara tunai bernilai RM4,000 daripada pemilik sebuah pusat sukan sebagai balasan mendapatkan kerja penyelenggaraan alatan sukan bagi persediaan dan kegunaan pelajar serta membekal pakaian Kontinjen KAKOM KMJ 2017 dalam Karnival Kokurikulum Matrikulasi (KAKOM) di pejabatnya pada Julai dan 12 September 2017.

Susulan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 yang sabit kesalahan boleh dipenjara maksimum 20 tahun dan denda sehingga lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 mana yang lebih tinggi.

Bagi pertuduhan ketiga, dia didakwa menerima suapan RM1,000 melalui transaksi ke akaun bank miliknya daripada pengurus besar sebuah syarikat pembersihan yang mana tertuduh tahu ia ada kaitan dengan tugas rasminya di sebuah bank di Pagoh, Muar, pada 22 Ogos 2017.

Dia didakwa mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan (Akta 574) yang membawa hukuman penjara maksimum dua tahun atau denda atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Pegawai Pendakwa SPRM, Nik Lokman Hakim Nik Mohd Nor mencadangkan jaminan RM15,000 bagi semua pertuduhan dengan syarat tambahan pasport diserahkan kepada mahkamah.

Mahkamah kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin RM7,000 dengan seorang penjamin berserta syarat tambahan menyerahkan pasport kepada mahkamah sehingga kes selesai.

Kes ditetapkan untuk sebutan semula bagi lantikan peguam dan serahan dokumen pada 22 November depan

# HARIAN METRO
# 28/10/2022
# (JUMAAT)





UBAH WANG HARAM RM9.5 JUTA

## Keputusan terhadap Shafee hari ini

KES SYED SADDIQ

## Bela diri jika ada bukti prima facie

# HARIAN METRO
# 28/10/2022
# (JUMAAT)



lokal

## Doktor dituduh bersubahat tipu pemasangan peralatan perubatan

## Bomba didakwa makan suap RM3k

## Songlap wang pelanggan RM615k

*Bekas perunding perkhidmatan kewangan mengaku tidak bersalah atas dua pertuduhan*

**HARIAN METRO**
**28/10/2022**
**(JUMAAT)**

# Pengarah nafi palsu dokumen untuk raih untung

**Butterworth:** Seorang pengarah sebuah syarikat mengaku tidak bersalah di Mahkamah Majistret di sini, semalam atas pertuduhan memalsukan dokumen bagi mendapatkan keuntungan berjumlah RM4,950, tahun lalu.

Tertuduh K Surinderan, 38 membuat pengakuan itu ketika pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Zulhazmi Abdullah.

Mengikut pertuduhan, Surinderan didakwa dengan curangnya menggunakan suatu dokumen sebagai talen faltu Delivery Order Syarikat Sol N Sons Sdn Bhd bernilai RM4,950.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu di Lebuh Sungai Pinang, Jelutong pada 10 Mac 2021.

Bagi kesalahan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 471 Kanun Keseksaan boleh dihukum mengikut Seksyen 465 kanun sama.

Jika sabit kesalahan boleh dipenjara sehingga dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

Kes dikendalikan Pegawai Pendakwa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Abd Muntaqim Abdul Aziz manakala tertuduh diwakili peguam E Gunasegaran.

Semasa prosiding, Abd Muntaqim mohon mahkamah menetapkan wang ikat jamin bersesuaian, selain mengenakan syarat tambahan seperti menyerahkan dokumen perjalanan, melapor diri ke pejabat SPRM terdekat dan tidak mengganggu saksi pendakwaan sehingga perbicaraan selesai.

Peguam tertuduh bersetuju semua syarat ditetapkan terhadap anak guamnya.

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin RM10,000 dan mengarahkannya menyerahkan dokumen perjalanan, selain diminta melapor diri di pejabat SPRM sebulan sekali dan tidak dibenarkan mengganggu saksi.

# NOVEMBER 2022

UNIT INTEGRITI & PEMODENAN PENTADBIRAN MBJB

**BERITA HARIAN**
**11/11/2022**
**(JUMAAT)**

# SPRM digesa siasat harta milik Rafizi RM18 juta

Aset RM16j diperoleh melalui INVOKE dipersoal

Oleh Samadi Ahmad
bhnews@bh.com.my




Putrajaya: Pertubuhan Jalinan Perpaduan Negara menggesa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyiasat harta bernilai lebih RM18 juta yang diisytiharkan calon Pakatan Harapan (PH) kerusi Parlimen Pandan, Rafizi Ramli.

Presiden pertubuhan, Syed Mohammad Imran Syed Abdul Aziz, berkata beliau mempersoalkan deklarasi aset Timbalan Presiden PKR itu dengan RM16 juta diperoleh melalui pegangan saham dalam syarikat yang diasaskannya sendiri.

Katanya, beliau 'tabik' kepada Rafizi kerana mengisytiharkan harta, namun SPRM perlu menyiasat dana yang masuk ke dalam Invoke Solutions Sdn Bhd (INVOKE) sedangkan syarikat itu hanya dua kali untung dan berhadapan tiga kali rugi sejak ditubuhkan pada 2016.

Beliau turut menggesa Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) membatalkan penyertaan Rafizi pada Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15) sekiranya didapati beliau terbabit dalam aktiviti pengubahan wang haram INVOKE.

"Sekiranya benar Rafizi terbabit dengan pengubahan wang haram, beliau tidak layak bertanding dan SPR perlu membatalkan penyertaannya dalam PRU15 kerana kerajaan akan berhadapan kerugian untuk mengadakan pilihan raya semula," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika hadir membuat laporan berhubung salah laku Rafizi di pejabat SPRM di sini semalam.

## Rafizi pertama isytihar harta

Pada 2 November lalu media melaporkan Rafizi menjadi individu pertama mengisytiharkan harta dengan nilai aset bersih sebanyak RM18.88 juta.

Pengisytiharan harta dibuat mengikut Akta Akaun Berkanun 1960 susulan syarat PKR supaya calon yang bertanding pada PRU15 berbuat demikian.

Kebanyakan asetnya diperoleh daripada pelaburan saham dalam INVOKE, syarikat tinjauan awam yang diasaskannya termasuk pelaburan dalam Boustead Holdings Berhad milik Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) dan polisi insurans di Prudential.

Sebelum ini Rafizi yang juga calon Parlimen Pandan memuat naik di platform TikTok untuk memperincikan bagaimana syarikat pemula atau startup yang diasaskannya, INVOKE berjaya mencatatkan keuntungan sejak 2020.

Rafizi, dilaporkan berkata keuntungan INVOKE bagi tahun kewangan 2020 ialah RM307,000, manakala tahun kewangan 2021 (RM828,000) dan jangkaan keuntungan tahun kewangan 2022 (RM1.5 juta).

Syed Mohammad Imran berkata, pihaknya membuat laporan kepada SPRM berdasarkan beberapa sumber individu yang dibuat melalui media sosial TikTok dan Twitter.

Katanya, beliau berharap SPR melihat perkara itu daripada sudut undang-undang termasuk menggugurkan Rafizi daripada bertanding sekiranya terbabit dengan aktiviti pengubahan wang haram.



Syed Muhammad Imran menunjukkan laporan terhadap Rafizi di Putrajaya, semalam. (Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

**HARIAN METRO**
**12/11/2022**
**(SABTU)**

WANG HARAM

# Pengurus besar kena tiga pertuduhan

**Shah Alam:** Seorang pengurus besar syarikat import dan eksport didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam, atas tiga pertuduhan memasukkan wang hasil aktiviti haram berjumlah hampir RM700,000 ke dalam akaun bank.

Bagaimanapun, Mohd Fami Sharin, 48, mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan jurubahasa di hadapan Hakim Helina Sulaiman.

Mengikut pertuduhan, Mohd Fami membabitkan diri secara tidak langsung dalam transaksi dengan memindahkan wang RM533,968.50, RM 41,006.72 dan RM95,000 hasil aktiviti haram.

Wang daripada akaun Maybank Islamic Berhad milik Syarikat Tuntas Abadi Sdn Bhd dipindahkan ke akaun Maybank masing-masing milik Syarikat 22 Jelira Resources; rakannya, Wan Ahmad Farhaan Wan Kia Salleh Nor dan Syarikat Astana PLG Sdn Bhd.

Semua kesalahan itu dilakukan di Malayan Banking Berhad cawangan Ampang Point di Taman Datuk Ahmad Razali, Ampang, antara 18 Mac hingga 19 September, 2021.

Oleh demikian, tertuduh sebagai pengurus besar Syarikat Tuntas Abadi Sdn Bhd melakukan kesalahan pengubahan wang haram mengikut perenggan 4(1)(a) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Aktiviti Haram 2001 (Akta 613) dibaca bersama perenggan 87(1)(b) akta sama yang boleh dihukum di bawah subseksyen 4(1).

**Hakim menetapkan sebutan kes seterusnya pada Isnin depan**

Mohd Famy boleh dipenjarakan maksimum 15 tahun dan dikenakan denda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau nilai hasil aktiviti haram atau RM5 juta, yang mana lebih tinggi, jika disabitkan kesalahan.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya, Vivien Yeap Jie Xi, memohon tertuduh diikat jamin RM70,000 selepas mengambil kira tahap keseriusan jenayah dilakukan.

Bagaimanapun, Mohd Famy yang tidak diwakili peguam memohon jaminan dikurangkan atas alasan kini tidak mempunyai pendapatan tetap.

Hakim kemudian menetapkan jaminan RM20,000 bagi setiap pertuduhan dan sebutan kes seterusnya pada Isnin depan.

# HARIAN METRO
## 12/11/2022
## (SABTU)


ABDUL Malek (kanan) mengaku bersalah memalsukan dokumen sebut harga pembekalan pakej pakaian sukan empat tahun lalu.

### GUNA SEBUT HARGA PALSU

# PEGAWAI KENA DENDA RM17K

Oleh Balqis
Jasimah Zahari
am@hmetro.com.my

**Ipoh**

Seorang pegawai Yayasan Perak mengaku bersalah dan didenda RM17,000 atas pertuduhan menggunakan dokumen palsu untuk membekalkan pakej pakaian sukan empat tahun lalu.

Tertuduh, Abdul Malek Mansor, 50, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan jurubahasa di hadapan Hakim Ainul Shahrin Mohamad di Mahkamah Sesyen Ipoh di sini, semalam.

Mahkamah memerintahkan tertuduh dipenjara tiga bulan jika gagal membayar denda berkenaan. Tertuduh membayar denda itu.

Mengikut pertuduhan, Abdul Malek yang menjawat Penolong Pegawai Pentadbiran Yayasan Perak dengan curangnya menggunakan sebagai tulen satu dokumen Sebut Harga Olala Network untuk melaksanakan pembekalan pakej pakaian sukan sempena Pesta Sukan Antara Yayasan Negeri (Pesara) ke-19 pada 2019 berjumlah RM63,630.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu di Pejabat Yayasan Perak pada 2 Ogos 2018.

Atas kesalahan itu, tertuduh melakukan kesalahan mengikut Seksyen 471 Kanun Keseksaan [Akta 574] yang boleh dihukum di bawah Seksyen 465 Kanun sama.

Sabit kesalahan boleh dipenjara sehingga dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

Kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Mariyah Mansor manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

**BERITA HARIAN**
**13/11/2022**
**(AHAD)**

# SPRM terima 11 aduan rasuah, salah guna kuasa

**Kota Bharu:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menerima 11 maklumat dan aduan berkaitan perbuatan rasuah dan salah guna kuasa yang berlaku sepanjang kempen Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15) ini.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, berkata jumlah itu diterima menerusi bilik gerakan di seluruh negara sejak ia dibuka bermula hari penamaan calon pada 5 November lalu.

Beliau berkata, pihaknya akan meneliti dan mengkaji terlebih dahulu sebelum diambil tindakan mengikut bawah Akta SPRM.

"Setakat ini lebih kurang 11 maklumat dan aduan diterima bilik gerakan di seluruh negara sejak penamaan calon.

"Ada laporan dibuat secara bersemuka, *pick up* (diambil) daripada media dan sebagainya...jadi mana-mana maklumat diterima dalam saluran yang betul, kita ambil maklum dulu sebelum kita kaji.

"Mana-mana yang ada asas, kita akan jalankan siasatan mengikut akta kita...bukan semua kerana kadang-kadang maklumat ini cakap-cakap sahaja," katanya kepada media, di sini, semalam.

Terdahulu, beliau hadir di Istana Balai Besar, di sini bagi menerima kurniaan Darjah Kebesaran Setia Mahkota Kelantan Yang Amat Terbilang (SPSK) sempena Ulang Tahun Keputeraan Sultan Muhammad V yang ke-53.

SPRM dalam kenyataan media sebelum ini menyebut, semua bilik gerakan di bawah agensi itu beroperasi 24 jam mulai Sabtu lalu hingga 19 November ini dan boleh dihubungi menerusi talian Ibu Pejabat SPRM di 03-88911037 serta pejabat negeri.

Orang ramai juga boleh menyalurkan sebarang aduan berkaitan rasuah dan salah guna kuasa menerusi e-mel di alamat pru15@sprm.gov.my.

**BERITA HARIAN**
**13/11/2022**
**(AHAD)**

# Tuan Ibrahim sedia kena siasat SPRM




Keratan akhbar BH 8 November lalu

## Menteri Alam Sekitar dan Air dakwa isu projek RM2b fitnah musim pilihan raya

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim, Noor Atiqah Sulaiman dan Siti Rohana Idris
bhnews@nstp.com.my

**Kota Bharu:** Menteri Alam Sekitar dan Air (KASA), Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man sedia memberi kerjasama kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung isu proses pemberian projek tebatan banjir bernilai RM2 bilion.

Beliau berkata, tiada apa yang perlu disembunyikan kerana jelas dakwaan oleh Timbalan Presiden PKR, Rafizi Ramli adalah fitnah pada musim Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15).

"Jika SPRM panggil saya untuk ambil keterangan pada waktu pagi, pagi itu juga saya sampai dan tidak akan tangguh-tangguh.

"Saya tidak ada masalah sebaliknya akan memberi kerjasama sepenuhnya kerana tiada apa yang perlu disorok atau disembunyikan.

"Saya fikir ini tindakan melampau dan yang tidak ada modal selain ini adalah musim fitnah PRU," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas Majlis Penguraniaan Kehormatan Kelantan Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Sultan Kelantan, Sultan Muhammad V ke-53 di Istana Balai Besar, di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Tuan Ibrahim berkata, projek yang didedahkan Rafizi itu adalah perancangan kerajaan yang baru diluluskan oleh Kementerian Kewangan.

"Bagaimanapun, surat setuju terima (SST) belum dikeluarkan dan tiada mana-mana syarikat yang boleh mendakwa projek itu dia punya," katanya.

Media sebelum ini melaporkan, Rafizi mendakwa KASA dalam proses menganugerahkan projek tebatan banjir bernilai RM2 bilion secara rundingan terus kepada syarikat dimiliki individu dikatakan mempunyai kaitan dengan pemimpin UMNO.

### Timbal balas terima dana PRU

Rafizi berkata, beliau dimaklumkan sumber dalam kerajaan yang usaha meluluskan segera projek itu di bawah pentadbiran kerajaan sementara adalah sebagai timbal balas selepas menerima dana untuk digunakan sepanjang Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15).

Sementara itu, dalam hantaran Facebook, Tuan Ibrahim berkata surat bagi Projek Rancangan Tebatan Banjir Sungai Langat 2 bertarikh 7 Oktober yang ditunjukkan oleh Rafizi jelas menunjukkan ia bukan dikeluarkan oleh beliau atau kementeriannya.

Malah katanya tarikh surat berkenaan juga dikeluarkan sebelum Parlimen dibubarkan bukan ketika tempoh kerajaan sementara atau *caretaker*.

"Sidang media yang dibuat oleh Rafizi juga gagal sama sekali mendedahkan bukti keterlibatan saya dalam kelulusan projek termasuk usaha saya atau KASA untuk menganugerahkan projek berkenaan ketika kerajaan sementara (*caretaker*).

"Saya juga sudah menyatakan dengan jelas bahawa saya tidak pernah berjumpa, berunding atau membuat apa-apa tindakan semasa tempoh *caretaker* ke arah menganugerahkan projek berkenaan.

"Oleh yang demikian, terbukti dengan jelas bahawa kenyataan Rafizi termasuk sidang media semalam (kelmarin) adalah satu fitnah jahat bagi menghancurkan reputasi saya khususnya, dan juga parti PAS umumnya," katanya.

Dalam pada itu, Tuan Ibrahim yang juga calon Ahli Parlimen Perikatan Nasional (PN) Kubang Kerian mengarahkan peguamnya, Tetuan Yusfarizal Aziz & Zaid untuk memfailkan saman fitnah terhadap Rafizi sebaik sahaja menerima jawapan bertulis daripada Rafizi selepas tamat tempoh tujuh hari yang diberikan.

**HARIAN METRO**
**17/11/2022**
**(KHAMIS)**

# SPRM serbu pejabat Rafizi

## *Pegawai penyiasat ambil dokumen berkaitan siasatan aset milik Timbalan Presiden PKR*

Oleh Hafidzul Hilmi Mohd Noor
hafidzul@hmetro.com.my

**Petaling Jaya**

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyerbu pejabat Invoke Solutions Sdn Bhd di Sungai Besi, kelmarin bagi mengambil dokumen berkaitan siasatan ke atas syarikat itu.

Pengarah Kanan Bahagian Siasatan SPRM, Datuk Seri Hishamuddin Hashim berkata, kehadiran beberapa pegawai agensi terbabit ke pejabat berkenaan kira-kira jam 11.30 pagi adalah prosedur biasa.

Menurutnya, tiada keterangan mana-mana individu diambil sebaliknya hanya mendapatkan penerangan berkaitan dokumen yang diperoleh.

"Semua dokumen berkenaan diambil untuk dikaji susulan laporan yang dikemukakan oleh sebuah badan bukan kerajaan (NGO) pada minggu lalu mengenai nilai aset bersih RM18.85 juta milik Timbalan Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR), Rafizi Ramli.

"Selepas itu, baru tindakan selanjutnya akan diambil bergantung kepada dokumen yang diteliti," katanya ringkas, di sini, semalam.

Sementara itu, Timbalan Presiden PKR, Rafizi Ramli berkata, dua waran geledah dikeluarkan SPRM terhadap Invoke Solutions disifatkan sebagai intimidasi kerana didakwa boleh menahan sesiapa di syarikat itu.

"Saya boleh tunjuk waran geledah yang dikeluarkan SPRM, ada dua, dalam waran berkenaan sudah ada tulis boleh menahan, merampas dan sebagainya.

"Wang di dalam itu adalah bukan wang rakyat, (skandal) projek-projek rundingan terus ini yang perlu disiasat kerana membabitkan wang rakyat," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat PKR di sini, semalam.

Beliau turut mempersoalkan tindakan itu kerana mendakwa sudah mendedahkan skandal membabitkan projek kapal tempur pesisir (LCS) dan projek tebatan banjir bernilai RM2 bilion berserta bukti sebelum ini, namun perkara itu tidak disiasat oleh pihak berkuasa terbabit.

# HARIAN METRO
# 18/11/2022
# (JUMAAT)



Oleh Norsamira Che Noh
am@hmetro.com.my

Shah Alam

# Pengurus PHB nafi subahat tipu RM1.2j

*Tertuduh mengaku tidak bersalah memperakukan kerja tidak wujud bagi Projek Mayang Mall*

Pengurus besar syarikat Pelaburan Hartanah Berhad (PHB) dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini semalam, atas tiga pertuduhan bersubahat dengan pemilik syarikat pembinaan untuk menipu berhubung bayaran tuntutan lebihan RM1.2 juta pada 2020 dan 2021.

Tertuduh, Khairul Anuar Abd Samad, 48 mengaku tidak bersalah selepas semua pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Rozilah Salleh.

Mengikut pertuduhan, Khairul Anuar didakwa bersubahat dengan seorang individu kerana menipu sebuah syarikat pelaburan dengan memperakukan kerja bagi projek cadangan membina dan menyiapkan pembangunan Projek Mayang Mall, Kuala Terengganu sedangkan kerja itu tidak pernah dijalankan.

Justeru, dia didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 109 Kanun Keseksaan dibaca bersama Seksyen 420 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara antara setahun hingga 10 tahun, sebat dan denda jika sabit kesalahan.

Khairul Anuar didakwa melakukan kesalahan antara Disember 2020 hingga Februari 2021.

Pendakwaan diwakili Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Ahmad Akram Gharib dan tertuduh diwakili Mohd Fikah Samad.

Hakim menetapkan tertuduh dijamin RM60,000 dengan seorang penjamin serta pasport diserah kepada mahkamah sehingga kes selesai.

Sebutan semula kes dijadualkan 25 November ini.

KHAIRUL Anuar mengaku tidak bersalah atas pertuduhan di Mahkamah Sesyen Shah Alam.

**RM60k**

# BERITA HARIAN
## 22/11/2022
## (SELASA)



# 8 kertas siasatan babit kakitangan awam negeri dibuka



Kon Yeow ketika ditemui media selepas Persidangan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang di Georgetown, semalam. (Foto Mikail Ong/BH)

## Pulau Pinang akan ambil tindakan terhadap semua laporan SPRM

Oleh Siti Aminah Mohd Yusof
bhnews@bh.com.my

**Georgetown:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) membuka lapan kertas siasatan terhadap kakitangan kerajaan negeri berkaitan kesalahan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan, sepanjang 2020 hingga 2022.

Ketua Menteri, Chow Kon Yeow, berkata kerajaan negeri terbuka bagi menerima sebarang siasatan berkaitan jenayah rasuah dan salah guna kuasa membabitkan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang (EXCO), Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan kakitangan kerajaan Negeri.

"Sebarang bentuk kesalahan akan disiasat oleh agensi penguatkuasaan dan disabitkan kesalahan oleh pihak pendakwaan," katanya pada Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang di sini, semalam.

Kon Yeow (DAP-Padang Kota) menjawab soalan Mohd Yusni Mat Piah (PAS-Penaga) berkenaan jumlah kes SPRM dan tindakan kerajaan negeri terhadap mereka yang masih dalam siasatan.

"Ia akan disiasat agensi penguatkuasaan dan disabitkan kesalahan oleh pihak pendakwaan manakala bagi kakitangan kerajaan negeri, Pihak Berkuasa Tatatertib boleh mengambil tindakan antaranya Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) (Pulau Pinang) 1997 untuk tujuan penahanan kerja jika melibatkan prosiding jenayah.

"Selain itu kerajaan negeri sudah dan akan mengambil tindakan terhadap semua laporan SPRM selepas laporan lengkap diterima berhubung salah laku membabitkan EXCO, ADUN, kakitangan kerajaan negeri jika kes itu tidak disabitkan kesalahan pada peringkat mahkamah," katanya.

### Isu suapan membimbangkan

Pada 29 September lalu, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki dilaporkan, berkata amalan menerima suapan, salah guna kuasa dan membuat tuntutan palsu dalam kalangan penjawat awam membimbangkan di Pulau Pinang.

Menurut Azam, berdasarkan statistik SPRM sebanyak 919 aduan sudah diterima berhubung kesalahan itu sejak 2019.

Kon Yeow berkata, sehari kemudiannya Pejabat Ketua Menteri mengeluarkan kenyataan meminta SPRM telus dalam mendedahkan jumlah kes rasuah yang dihadapkan ke mahkamah dan penjawat awam yang didapati bersalah di negeri itu.

Beliau berkata, hal ini bagi memastikan imej penjawat awam dan kerajaan negeri tidak tercemar hanya berdasarkan jumlah aduan yang diterima sejak 2019.

**SINAR HARIAN**
**23/11/2022**
**(RABU)**

# Pecah amanah wang khairat kematian

## Pembantu tadbir wanita mengaku tidak bersalah guna duit lebih RM41,000 milik waris peneroka

Oleh NORAWAZNI YUSOF
KUANTAN



Nurul Syafiha (tengah) mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Kuantan pada Selasa atas tuduhan pecah amanah empat tahun lalu.

Seorang pembantu tadbir yang bertugas di sebuah Felda di sini didakwa di Mahkamah Sesyen Kuantan pada Selasa atas satu pertuduhan pecah amanah berjumlah RM41,652.42, empat tahun lalu.

Nurul Syafiha Awang Za, 33, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan itu dibacakan di hadapan hakim, Datuk Ahmad Zamzani Mohd Zain.

Ibu kepada tiga anak itu, didakwa sebagai individu yang diamanahkan dengan harta iaitu wang tunai RM41,652.42 bagi tujuan pembayaran khairat kematian kepada tujuh waris peneroka Felda Sungai Panching Timur yang meninggal dunia.

Namun, Nurul Syafiha didakwa telah melakukan pecah amanah jenayah iaitu secara tidak jujur telah menggunakan wang tersebut bagi kegunaan sendiri.

Perbuatan itu didakwa dilakukan olehnya di Pejabat Felda Panching Timur di sini, antara Februari 2018 hingga Jun 2018.

Nurul Syafiha didakwa mengikut Seksyen 406 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara tidak melebihi 10 tahun dengan sebatan dan boleh dikenakan denda, jika didapati bersalah.

Dalam prosiding itu, Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Rifah Izzati Abdul Mutalib menawarkan jaminan RM10,000 dengan seorang penjamin dan meminta pasport diserahkan kepada mahkamah.

Bagaimanapun, Nurul Syafiha yang tidak diwakili peguam merayu jaminan minimum kerana perlu menanggung keluarga termasuk suami dan anak yang sakit.

"Suami saya tidak bekerja kerana baharu sahaja menjalani pembedahan dan kini saya penanggung tunggal kepada keluarga," rayunya.

Ahmad Zamzani membenarkan Nurul Syafiha dijamin RM5,000 dengan seorang penjamin selain mengarahkan pasportnya diserah kepada mahkamah dan perlu melaporkan diri di Pejabat SPRM Kuantan sebulan sekali.

Mahkamah menetapkan sebutan kes pada 22 Disember depan untuk sebutan semula kes.

**HARIAN METRO**
**23/11/2022**
**(RABU)**

# Mengaku terima wang deposit RM520k tanpa lesen

**Kuala Lumpur:** Seorang pengarah agensi pelancongan mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam, atas tiga pertuduhan menerima wang deposit tanpa lesen yang sah daripada seorang pesara berjumlah RM520,000.

Tertuduh, Abdul Halim Navaghani, 44, menukar pengakuan kepada bersalah ketika prosiding perbicaraan kes itu di hadapan Hakim M. Bakri Abd Majid.

Seramai tiga saksi pendakwaan memberi keterangan pada perbicaraan kes itu yang bermula bulan lalu.

Mahkamah menetapkan 2 Disember ini untuk mendengar fakta kes sebelum menjatuhkan hukuman terhadap tertuduh.

Mengikut kesemua pertuduhan, lelaki itu didakwa menerima wang deposit itu daripada Zainal Abidin Abdul Rasol, 69, melalui tujuh keping cek CIMB di Solaris Mont Kiara di sini, antara 12 Jun 2015 hingga 10 Januari 2017.

Ketiga-tiga pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 137(1) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 137(2) akta sama yang membawa hukuman penjara maksimum 10 tahun atau denda tidak lebih RM50 juta atau kedua-duanya.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Hanis Anisha Jamilludin manakala tertuduh mewakili dirinya sendiri.

**BERITA HARIAN**

**23/11/2022**

**(RABU)**

# Cikgu sekolah memandu dituduh terima rasuah

**Johor Bahru:** Seorang tenaga pengajar sebuah institut memandu dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, semalam, atas pertuduhan menerima rasuah RM400 daripada seorang pelajarnya sebagai dorongan untuk membantu meluluskan ujian memandu yang diambil, tahun lalu.

Abu Zaharin Osman, 52, yang didakwa atas dua pertuduhan, iaitu utama dan pilihan, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas kedua-dua pertuduhan berkenaan dibacakan jurubahasa mahkamah di hadapan Hakim Datuk Ahmad Kamal Arifin Ismail.

Bagi pertuduhan utama, lelaki itu didakwa secara rasuah menerima bagi dirinya wang tunai RM400 daripada seorang pelajar berusia 29 tahun sebagai dorongan untuk membantu meluluskan ujian memandu dijalani wanita itu di Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

Pendakwaan dilakukan mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan jika sabit kesalahan, boleh dihukum mengikut Seksyen 24(1) akta sama yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun serta denda lima kali ganda jumlah suapan atau RM10,000, mengikut mana lebih tinggi.

Bagi pertuduhan pilihan pula, tertuduh didakwa diberikan wang suapan RM400 daripada pelajar terbabit bagi tujuan sama yang mana tertuduh gagal melaporkan kepada SPRM berhubung pemberian sogokan itu.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 25(1) Akta SPRM 2009 dan jika sabit kesalahan, boleh dihukum mengikut Seksyen 25(2) akta sama yang membawa hukuman denda hingga RM100,000 atau penjara maksimum 10 tahun atau kedua-duanya sekali.

Tertuduh didakwa melakukan perbuatan itu di sebuah restoran makanan segera di Jalan Hanis Najibah, Taman Perling, di sini, jam 3 tengah hari 20 Februari 2021.



*Abu Zaharin (kiri) keluar dari Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur, semalam.*

(Foto Ihsan Laily [illegible])

### Dibenarkan ikat jamin

Pegawai Pendakwa SPRM, Ikhwan Ihsan Jalaludin, memberitahu mahkamah bahawa perbuatan dilakukan tertuduh membabitkan kesalahan yang tidak boleh dijamin, namun mencadangkan jumlah RM10,000 jika mahkamah menggunakan budi bicara membenarkan jaminan itu.

Peguam, K Bharathi yang mewakili tertuduh bagaimanapun memohon jumlah itu dikurangkan dengan mengambil kira keadaan anak guamnya sebagai penanggung tunggal keluarga.

"Tertuduh mempunyai seorang isteri serta dua anak masih kecil, dan hanya tertuduh bekerja menanggung keluarga dengan pendapatan RM1,800 sebulan," katanya.

Mahkamah kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin RM5,000 dengan seorang penjamin warga tempatan berserta syarat tambahan tertuduh perlu menyerahkan pasport antarabangsanya kepada mahkamah, jika ada, hingga kes selesai.

Kes ditetapkan untuk sebutan semula pada 12 Disember ini.

## Mengaku terima deposit tanpa lesen

**Kuala Lumpur:** Seorang pengarah agensi pelancongan mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen di sini semalam, atas tiga pertuduhan menerima wang deposit tanpa lesen sah daripada seorang pesara berjumlah RM320,000.

Abdul Halim Navaghani, 44, menukar pengakuan kepada bersalah ketika prosiding perbicaraan kes itu di hadapan Hakim M Bakri Abd Majid.

Mahkamah menetapkan 2 Disember ini untuk mendengar fakta kes sebelum jatuhkan hukuman.

Mengikut semua pertuduhan, lelaki itu didakwa menerima wang deposit daripada Zainal Abidin Abdul Rasid, 69, melalui tujuh keping cek CIMB di Solaris Mont Kiara, di sini, antara 19 Jun 2015 hingga 10 Januari 2017.

Ketiga-tiga pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 137(1) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 137(2) akta sama.

BERNAMA

HARIAN METRO
23/11/2022
(RABU)

# Pengajar nafi terima RM400 bantu lulus ujian memandu

Johor Bahru: Seorang tenaga pengajar sebuah institut memandu dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas tuduhan menerima rasuah RM400 daripada seorang pelajarnya sebagai dorongan untuk membantu meluluskan ujian memandu yang diambil, tahun lalu.

Tertuduh, Abu Zaharin Osman, 33, yang didakwa bagi dua pertuduhan iaitu utama dan pilihan, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas dua pertuduhan itu dibacakan jurubahasa mahkamah di hadapan Hakim Datuk Ahmad Kamal Ariffin Ismail.

Bagi pertuduhan utama, lelaki itu didakwa secara rasuah menerima bagi dirinya wang tunai RM400 daripada seorang pelajar berusia 29 tahun sebagai dorongan bagi membantu meluluskan ujian memandu wanita itu di Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

Pendakwaan dibuat mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 24(1) akta sama yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda lima kali ganda jumlah suapan atau RM10,000, mana yang lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Manakala bagi pertuduhan pilihan, tertuduh didakwa diberikan wang suapan RM400 daripada pelajar itu bagi tujuan sama yang mana tertuduh gagal melaporkan pemberian penyogokan itu kepada SPRM.

Bagi perbuatan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 25(1) Akta SPRM 2009 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 25(2) akta sama yang membawa hukuman denda sehingga RM100,000 atau penjara maksimum 10 tahun atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Perbuatan itu didakwa dilakukan tertuduh di sebuah restoran makanan segera di Jalan Harris Najihah, Taman Perling di sini, jam 1 tengah hari, 23 Februari 2021.

Pegawai Pendakwa dari SPRM, Ikhwan Ihsan Jalaludin memberitahu mahkamah bahawa perbuatan dilakukan tertuduh di bawah kesalahan yang tidak boleh dijamin, namun mencadangkan jumlah RM10,000 sekiranya mahkamah menggunakan budi bicara membenarkan jaminan itu.

Peguam K Bharathi yang mewakili tertuduh memohon jumlah itu dikurangkan dengan mengambil kira anak guamnya yang penanggung tunggal keluarga.

"Tertuduh mempunyai seorang isteri serta dua anak yang masih kecil dan hanya tertuduh yang bekerja menanggung keluarga dengan pendapatan RM1,500 sebulan," katanya.

Mahkamah kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin RM5,000 dengan seorang penjamin warga tempatan serta syarat tambahan tertuduh perlu menyerahkan pasport antarabangsanya kepada mahkamah, hingga kes selesai.

**Kes ditetapkan untuk sebutan semula pada 12 Disember ini.**

*"Tertuduh mempunyai seorang isteri serta dua anak yang masih kecil dan hanya tertuduh yang bekerja menanggung keluarga dengan pendapatan RM1,500 sebulan"*

K Bharathi



ABU Zaharin (kiri) dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Johor Bahru semalam.

**HARIAN METRO**
**25/11/2022**
**(JUMAAT)**

# Tiga pengarah ditahan buat tuntutan palsu

**Kuala Lumpur:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan tiga pengarah syarikat kerana disyaki membuat tuntutan palsu berjumlah RM100,000.

Sumber berkata, dua suspek termasuk seorang wanita, berusia antara 53 hingga 58 tahun dipercayai mengemukakan tuntutan palsu itu yang membabitkan kerja keselamatan dan pembersihan.

Katanya, suspek ditahan kira-kira jam 3 petang kelmarin ketika hadir memberi keterangan di pejabat SPRM Selangor.

"Mereka dipercayai membuat tuntutan palsu bagi tempoh Oktober 2019 hingga Mac 2021, sedangkan kedua-dua kerja berkenaan tidak dilaksanakan," katanya.

Sementara itu, Pengarah SPRM Selangor, Datuk Alias Salim mengesahkan penahanan suspek dan memaklumkan kes berkenaan disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009.

Terdahulu, dua suspek lelaki dibawa ke Mahkamah Majistret Shah Alam untuk perintah tahanan reman, manakala wanita itu dibebaskan dengan jaminan SPRM sebanyak RM10,000 atas faktor usia dan kesihatan.

**SINAR HARIAN**
**26/11/2022**
**(SABTU)**

# MBSJ agensi pertama di Selangor terima Pensijilan Sistem Pengurusan Antirasuah

**SUBANG JAYA** – Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) menjadi agensi pertama di negeri Selangor memperoleh Pensijilan Sistem Pengurusan Antirasuah (ABMS) selepas menyertai projek perintis pensijilan itu pada tahun 2017.

Datuk Bandar MBSJ, Johary Anuar berkata, pensijilan ABMS adalah diwajibkan di setiap agensi kerajaan.

Menurutnya, selain pensijilan ABMS, MBSJ juga turut membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) iaitu sebuah pelan strategik penting dalam melaksanakan dasar antirasuah di peringkat pihak berkuasa tempatan ( PBT) di negeri ini.

"Syabas dan tahniah kepada MBSJ kerana telah memiliki kedua-duanya iaitu OACP dan mendapat pengiktirafan ABMS," katanya semasa berucap pada Majlis Pelancaran OACP MBSJ di Sunway Resort, Bandar Sunway pada Khamis.



**Johary (tiga dari kanan) pada majlis pelancaran OACP MBSJ di Sunway Resort, Bandar Sunway pada Khamis.**

Johary berkata, penjawat awam adalah golongan berisiko tinggi terhadap isu rasuah khususnya bagi mereka yang terlibat dalam pelaksanaan keputusan, perolehan kerajaan dan aktiviti pelesenan serta penguatkuasaan.

"Kerap kali cerita atau isu rasuah penjawat awam sering dipaparkan di dada akhbar atau menjadi berita utama media arus perdana yang mana ia merencatkan lagi persepsi negatif masyarakat kepada penjawat awam," jelas beliau.

Menurut beliau, perbuatan rasuah merupakan isu kritikal yang perlu ditangani secara menyeluruh kerana ia boleh menyebabkan berlaku peningkatan pada jumlah kos modal dan pembangunan bagi apa jua program atau projek dilaksanakan.

Jelas Johary, keadaan itu sudah tentu memberikan kerugian besar kepada organisasi dan negara.

Menurut beliau, perbuatan rasuah bukanlah semata-mata kesalahan undang-undang tetapi juga adalah kesalahan sosial dan peradaban yang boleh menjejaskan imej organisasi, negeri dan negara di mata dunia.

"Saya sangat mengalu-alukan pelancaran OACP ini kerana kita mengharapkan dengan pelaksanaan pelan ini, imej dan kualiti perkhidmatan awam dapat ditingkatkan ke arah memberi perkhidmatan terbaik kepada pelanggan dan rakyat.

"Selain itu, ia seterusnya mencapai matlamat menjadikan penjawat awam lebih efisien dan responsif dalam memberikan perkhidmatan kelas pertama," ujar beliau.

Kata beliau, pelaksanaan pelan itu diharap dapat merubah persepsi negatif masyarakat terhadap penjawat awam di samping melalui pembangunan pelan itu juga dapat membantu menangani isu tadbir urus, integriti dan rasuah secara menyeluruh.

# DISEMBER 2022

UNIT INTEGRITI & PEMODENAN PENTADBIRAN MBJB

**BERITA HARIAN**
**06/12/2022**
**(SELASA)**



# SPRM dedah wujud sindiket, kartel bolot projek kerajaan

## Kes seleweng dana babitkan pegawai kanan sektor awam, kontraktor swasta

> Mereka dipercayai bersekongkol bersama syarikat kontraktor yang juga sindiket kartel projek bagi membolot projek bernilai puluhan juta ringgit di sekurang-kurangnya empat daerah di Selangor sejak 2012

# BERITA HARIAN
# 07/12/2022
# (RABU)

# Dua bekas pegawai kanan Pos Malaysia hadapi 5 tuduhan

**Shah Alam:** Dua bekas pegawai kanan Pos Malaysia Bhd masing-masing mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam, atas lima pertuduhan menerima rasuah berjumlah RM[illegible] bagi membantu mempercepatkan bayaran kepada sebuah syarikat, dua tahun lalu.

Bekas Ketua Pengurusan Kontrak dan Armada, Abdul Hadi Aziz Wong dan bekas Penolong Pengurus Operasi, Ruslin Sapari, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan terhadap mereka dibacakan secara berasingan di hadapan Hakim Rozilah Salleh.

Abdul Hadi, 48, dan Ruslin, 54, yang bertugas di Bahagian Pengurusan Kenderaan Pos Malaysia, masing-masing didakwa dengan tiga dan dua pertuduhan secara rasuah menerima suapan untuk diri mereka, iaitu wang berjumlah RM[illegible] serta RM10,000 melalui pindahan secara dalam talian ke akaun bank milik kedua-dua lelaki itu daripada syarikat OnaOn Logistik Sdn Bhd sebagai upah melakukan perbuatan berkenaan.

Suapan itu bagi membantu mempercepatkan bayaran Pos Malaysia kepada syarikat OnaOn Logistik bagi kerja 'Outsourcing Linehaul' dan 'Shuttle Services' di Sabah dan Sarawak.

Mereka didakwa melakukan perbuatan itu di dua cawangan bank, iaitu di USJ Subang Jaya dan Ara Damansara dekat sini antara 11 Jun hingga 30 Julai 2020.

Pertuduhan mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan boleh dihukum penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau nilai suapan yang menjadi hal kesalahan itu jika suapan dapat dinilai atau berbentuk wang atau RM10,000 mengikut mana yang lebih tinggi.

[illegible]

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya Irwan Shah Abdul Samat mencadangkan jaminan RM[illegible] kepada Abdul Hadi dan RM[illegible] bagi Ruslin bersama seorang penjamin, selain syarat tambahan kedua-dua tertuduh perlu menyerahkan pasport kepada mahkamah serta melaporkan diri di pejabat SPRM terdekat sebulan sekali.

Bagaimanapun, peguam Irwan Iswadi Mohd Noor yang mewakili Abdul Hadi dan peguam Najiah Zairah Aris mewakili Ruslin masing-masing memohon jaminan RM[illegible] dengan alasan anak guam mereka adalah penanggung utama keluarga, selain memberi kerjasama baik dengan pihak SPRM sepanjang siasatan kes berkenaan.

Rozilah kemudian menetapkan jaminan RM[illegible] kepada Abdul Hadi dan RM[illegible] kepada Ruslin serta seorang penjamin, selain membenarkan syarat tambahan diminta pihak pendakwaan.

Mahkamah menetapkan 11 Januari tahun depan untuk sebutan semula kes. BERNAMA

# BERITA HARIAN
# 07/12/2022
# (RABU)

## Ketua balai polis didenda terima rasuah

**Melaka:** Ketua Balai Polis Tengkera didenda RM[illegible] oleh Mahkamah Khas Rasuah Ayer Keroh, semalam, selepas mengaku bersalah atas pertuduhan pilihan bagi menerima wang RM[illegible] daripada pemilik restoran tanpa balasan, dua tahun lalu.

Hukuman itu diputuskan Hakim Elesabet Paya Wan selepas menerima pengakuan bersalah tertuduh, Abdul Halim Alias, [illegible] seperti pertuduhan.

Dalam penghakimannya, beliau mempertimbangkan rayuan tertuduh, fakta kes dan hujah pemberatan hukuman oleh Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Haresh Prakash Somiah.

Beliau turut memerintahkan tertuduh dipenjara lima bulan jika gagal membayar denda itu.

Tertuduh kemudian membayar denda berkenaan.

Terdahulu, pendakwaan memberitahu mahkamah, kes untuk sebutan yang mana representasi tertuduh diterima Pejabat Pendakwa Raya dan Abdul Halim memilih untuk mengaku bersalah terhadap pertuduhan alternatif yang dibuat terhadapnya semalam.

Tertuduh yang bertugas di Balai Polis Tengkera didakwa menerima wang RM[illegible] Hang Kah Jiam tanpa balasan, di pejabatnya pada 11 Ogos 2020 antara jam 3 petang hingga 5.15 petang.

Pertuduhan menyatakan Abdul Halim tahu Kah Jiam mempunyai hubungan dalam kerja rasminya, sekali gus dia melakukan kesalahan mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan yang jika sabit kesalahan boleh dipenjara maksimum dua tahun atau denda atau kedua-duanya.

Pada asalnya, tertuduh didakwa atas lima pertuduhan mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009, kerana menerima suapan RM[illegible] daripada pemilik restoran tersebut sebagai dorongan tidak mengambil tindakan kerana melanggar Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Atas kesalahan itu, dia boleh dihukum penjara maksimum 20 tahun dan denda minimum lima kali nilai suapan atau RM10,000, yang mana lebih tinggi, jika sabit kesalahan.



Abdul Halim dibawa ke Mahkamah Khas Rasuah Ayer Keroh, semalam. [illegible]

**HARIAN METRO**
**07/12/2022**
**(RABU)**

TERIMA RASUAH TAUKE RESTORAN

# Ketua Balai Polis Tengkera kena denda RM6,500

**Melaka:** Ketua Balai Polis Tengkera didenda RM6,500 oleh Mahkamah Khas Rasuah Ayer Keroh di sini, semalam, selepas mengaku bersalah atas pertuduhan menerima suapan wang tunai RM6,000 daripada pemilik restoran dua tahun lalu.

Hukuman itu diputuskan Hakim Elesabet Paya Wan selepas menerima pengakuan bersalah tertuduh, Abdul Halim Alias, 59.

Dalam penghakimannya, beliau menimbangkan rayuan tertuduh, fakta kes dan hujah pemberatan hukuman oleh Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Haresh Prakash Somiah.

Beliau turut memerintahkan tertuduh dipenjara lima bulan jika engkar membayar denda itu. Tertuduh membayar denda berkenaan.

Tertuduh yang bertugas di Balai Polis Tengkera didakwa menerima wang RM6,000 daripada pemilik restoran di pejabatnya antara jam 5 petang hingga 6.15 petang 11 Ogos 2020 antara jam 5 petang hingga 6.25 petang.



ABDUL Halim dengan didenda RM6,500 atas kesalahan menerima suapan daripada pemilik restoran dua tahun lalu. - Gambar NSTP/MEOR RIDUWAN MEOR AHMAD

Tertuduh melakukan kesalahan mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara maksimum dua tahun atau denda atau kedua-duanya, jika disabitkan.

Pada awalnya tertuduh didakwa atas lima pertuduhan mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009, kerana menerima suapan berjumlah RM21,800 daripada pemilik restoran terbabit sebagai dorongan tidak mengambil tindakan kerana melanggar Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Mahkamah kemudian menjatuhkan hukuman denda RM6,500 atau lima bulan penjara jika gagal bayar selain membenarkan baki empat pertuduhan lain digugurkan atau 'Take Into Consideration' (TIC) selepas dipohon pendakwaan berdasarkan Seksyen 171 Kanun Prosedur Jenayah.

Ketika mitigasi, peguam Aerul Zulkifli Stork memohon hukuman denda ringan atas alasan tertuduh sudah insaf dan bertekad tidak mengulangi kesalahan yang didakwa pertama kali dilakukan sepanjang 41 tahun berkhidmat dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Pendakwaan bagaimanapun memohon hukuman berat dikenakan terhadap tertuduh atas kepentingan awam dan bagi mencerminkan kesalahan rasuah adalah serius dan tidak akan dikompromikan.

Katanya, tertuduh sebagai ketua balai seharusnya menunjukkan teladan murni kepada anggotanya dan masyarakat namun tidak menunaikan amanah diberikan kepadanya untuk menjaga keselamatan.

Mahkamah kemudian menjatuhkan hukuman denda RM6,500 atau lima bulan penjara jika gagal bayar selain membenarkan baki pertuduhan lain digugurkan selepas dipohon pendakwaan susulan pengakuan tertuduh.

**HARIAN METRO**
**07/12/2022**
**(RABU)**

# 4 didenda hingga RM34k palsukan penyata akaun bank, lesen perniagaan



EMPAT tertuduh meninggalkan bangunan mahkamah.

Tawau: Empat pemilik syarikat termasuk bapa dan anak masing-masing didenda antara RM20,000 hingga RM34,000 oleh Mahkamah Sesyen Khas Rasuah, di sini, semalam selepas mengaku bersalah mengemukakan penyata akaun bank dan lesen perniagaan palsu, empat tahun lalu.

Tertuduh Bahrin Ambo Eri @ Erek, 56, dan anak perempuannya Hasmizah, 29; Mohd Hafis Irawan, 34, serta Muhammad Endra Abd Sarakal, 41, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan alternatif dibacakan secara berasingan di hadapan Hakim Abu Bakar Manat.

Mereka didakwa menggunakan dokumen palsu iaitu penyata bank dan lesen perniagaan sebagai tulen yang dikemukakan kepada Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Semporna untuk mendapatkan tender menyewa dan menguruskan kantin sekolah rendah di bawah Kementerian Pendidikan.

Tertuduh berdepan empat pertuduhan kecuali Muhammad Endra yang berdepan dengan dua pertuduhan mengikut Seksyen 471 Kanun Keseksaan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 465 kanun sama yang membawa hukuman penjara maksimum dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Abu Bakar berkata, perbuatan memalsukan dokumen adalah antara kesalahan kerap dilakukan kontraktor dalam urusan perolehan tender kerajaan.

Namun katanya, kesalahan itu boleh dielakkan sekiranya mereka mematuhi segala syarat dan prosedur yang ditetapkan.

"Saya nasihatkan jika mahu masuk tender, kena ikut syarat selain pastikan modal di dalam akaun bank mencukupi dan bukannya mengambil tindakan memalsukan dokumen," katanya.

Selepas mendengar rayuan dan menerima pengakuan bersalah kesemua tertuduh, mahkamah kemudian memerintahkan Bahrin Ambo dan Hasmizah masing-masing didenda sebanyak RM32,000.

Manakala Mohd Hafis didenda RM34,000 sementara Mohammad Endra pula didenda RM20,000.

Pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Rekhraj Singh, manakala kesemua tertuduh tidak diwakili peguam.

# HARIAN METRO

## 07/12/2022 (RABU)

# Nafi terima suapan RM26k

[illegible]

SINAR HARIAN
07/12/2022
(RABU)

# Dua bekas pegawai kanan Pos Malaysia didakwa terima rasuah

**SHAH ALAM** - Dua bekas pegawai kanan Pos Malaysia Bhd masing-masing mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini pada Selasa atas lima pertuduhan menerima rasuah berjumlah RM26,000 bagi membantu mempercepatkan bayaran kepada sebuah syarikat, dua tahun lepas.

Bekas Ketua Pengurusan Kontrak dan Armada, Abdul Hadi Aziz Wong dan bekas Penolong Pengurus Operasi, Ruslin Sapari membuat pengakuan tersebut selepas pertuduhan terhadap mereka dibacakan secara berasingan di hadapan Hakim Rozilah Salleh.

Abdul Hadi, 48, dan Ruslin, 54, yang bertugas di Bahagian Pengurusan Kenderaan Pos Malaysia, masing-masing didakwa dengan tiga dan dua pertuduhan secara rasuah menerima suapan untuk diri mereka iaitu wang berjumlah RM16,000 serta RM10,000 melalui pindahan dalam talian ke akaun bank milik kedua-dua lelaki itu daripada syarikat OnxOn Logistik Sdn Bhd sebagai upah melakukan perbuatan tersebut.

Suapan itu bagi membantu mempercepatkan bayaran Pos Malaysia kepada syarikat OnxOn Logistik bagi kerja-kerja *Outsourcing Linehaul* dan *Shuttle Services* di Sabah dan Sarawak.

Mereka didakwa melakukan perbuatan tersebut di dua cawangan bank iaitu di USJ Subang Jaya dan Ara Damansara dekat sini antara 11 Jun dan 23 Julai 2020.

Pertuduhan mengikut Seksyen 16(a) (A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24 akta sama.

Seksyen itu memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai suapan yang menjadi hal perkara kesalahan itu jika suapan itu dapat dinilai atau berbentuk wang atau RM10,000 mengikut mana-mana yang lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya Irwan Shah Abdul Samat mencadangkan jaminan RM8,000 kepada Abdul Hadi dan RM5,000 bagi Ruslan bersama seorang penjamin selain syarat tambahan kedua-dua tertuduh perlu menyerahkan pasport kepada mahkamah dan melaporkan diri di pejabat SPRM terdekat sebulan sekali.

Bagaimanapun, peguam Irzan Iswatt Mohd Noor mewakili Abdul Hadi dan peguam Najiah Zaimah Aris mewakili Ruslin masing-masing memohon jaminan RM5,000 dengan alasan anak-anak guam mereka adalah penanggung utama keluarga selain memberi kerjasama baik dengan pihak SPRM sepanjang siasatan kes-kes tersebut.

Rozilah menetapkan jaminan RM7,000 kepada Abdul Hadi dan Ruslan sebanyak RM5,000 serta seorang penjamin selain membenarkan syarat tambahan yang diminta pihak pendakwaan.

Mahkamah kemudian menetapkan13 Januari tahun depan untuk sebutan semula kes. - *Bernama*

# HARIAN METRO
# 08/12/2022
# (KHAMIS)



DAKWAAN SELEWENG DANA RM600 BILION

# Sedia bawa bukti penyelewengan



Oleh Ilah Hafiz Aziz
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Pengarah Biro Mobilisasi Amanah Sany Hamzan akan membawa bukti termasuk dokumen berkaitan dakwaan penyelewengan perbelanjaan hampir RM600 bilion ketika pentadbiran kerajaan diterajui Tan Sri Muhyiddin Yassin, sekiranya beliau dipanggil Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Sany berkata, setakat ini pihaknya mengumpul pelbagai bukti pelanggaran serius prosedur itu dan akan menyerahkan kepada pihak berkuasa untuk tindakan lanjut.

"Setakat ini, saya belum dipanggil SPRM selepas membuat laporan polis pada 30 November lalu, tetapi saya bersedia bekerjasama sepenuhnya dengan pelbagai pihak berkuasa apabila dipanggil.

"Saya juga akan hadir dengan bukti yang menunjukkan pelanggaran serius itu berlaku," katanya ketika dihubungi, semalam.

Mengulas lanjut, beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri Taman Templer itu berkata, pihaknya setakat ini hanya meminta pihak berkuasa menyiasat dakwaan itu dengan adil.

"Sekiranya tiada kesalahan atau penyelewengan berlaku, kami terima sahaja, tetapi setakat ini, kami musykil dengan perbelanjaan yang terlalu mewah oleh Perikatan Nasional (PN). Disebabkan itu kami membuat laporan polis dan menuntut siasatan dibuka," katanya.

Sany berkata, hari ini pihaknya akan ke Istana Negara bagi penyerahan memorandum meminta Yang di-Pertuan Agong menyokong penubuhan segera Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) bagi menyiasat dakwaan perbelanjaan hampir RM600 bilion itu.

SPRM dalam laporan media semalam dilaporkan sudah membuka siasatan berhubung dakwaan penyelewengan dana terbabit.

Isnin lalu, Anwar berkata, pegawai Kementerian Kewangan mengesahkan bahawa ada pelanggaran serius prosedur berhubung dakwaan perbelanjaan hampir RM600 bilion ketika pentadbiran kerajaan diterajui Muhyiddin.

Terdahulu, bekas Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin dilapor menegaskan tidak takut disiasat berhubung laporan polis dibuat beberapa pihak mendakwa beliau menyeleweng dana RM600 bilion.

Pengerusi PN itu menerusi hantaran di Facebook menjelaskan tidak mungkin menyeleweng dana itu memandangkan ia adalah wang individu dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) serta bank, yang bukan di bawah kawalannya.

Beliau yang juga Presiden Bersatu menyatakan tidak pasti bagaimana angka RM600 bilion itu dipetik, jika pun merujuk kepada siapan Pakej Rangsangan Ekonomi diumumkan ketika menerajui kerajaan sebelum ini adalah bernilai RM530 bilion.

Bekas Ketua Setiausaha Sulit kepada Muhyiddin, Datuk Dr Marzuki Mohamad pula dilapor berkata, dakwaan penyelewengan dana bernilai RM600 bilion sebenarnya tidak wujud dan sekadar perang saraf untuk meruntuhkan pentadbiran Muhyiddin.

## SPRM sudah buka kertas siasatan

Putrajaya: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sudah membuka kertas siasatan berhubung isu dana RM600 bilion yang didakwa diseleweng kerajaan terdahulu.

Ketua Pesuruhjaya SPRM Tan Sri Azam Baki (gambar) mengesahkan perkara itu, namun tidak mendedahkan butiran lanjut berhubung siasatan yang dilaksanakan agensi berkenaan.

"Ya, SPRM ada membuka kertas siasatan berhubung isu ini," katanya ringkas.

Kontroversi mengenai penggunaan dana kecemasan berjumlah lebih RM600 bilion ketika negara berdepan pandemik Covid-19 pernah dibangkitkan bekas Ketua Menteri Melaka Adly Zahari pada 15 November lalu.

Kelmarin, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, beliau menyerahkan sepenuhnya kepada agensi berkaitan untuk menyiasat isu dana RM600 bilion yang didakwa diseleweng kerajaan terdahulu.



Menurut Anwar, Kementerian Kewangan sudah memaklumkan beberapa pelanggaran membabitkan isu berkenaan.

Bekas Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin pula dilapor berkata, beliau tidak takut disiasat susulan dakwaan penyelewengan dana kerajaan berjumlah RM600 bilion ketika mengetuai pentadbiran sebelum ini. — Bernama

**HARIAN METRO**
**09/12/2022**
**(JUMAAT)**

# Tengku Zafrul sahkan belum dipanggil SPRM

Namun beliau akan memberi kerjasama penuh sekiranya dihubungi suruhanjaya itu

KUALA LUMPUR

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz mengesahkan belum dipanggil oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk memberi keterangan berhubung salah guna dana RM600 bilion.

Menerusi catatan di Twitter, Tengku Zafrul berkata, beliau akan memberi kerjasama penuh jika dihubungi oleh pihak SPRM.

"Tiada apa yang nak disorokkan. Setakat ini, SPRM belum menghubungi saya. Sekiranya dihubungi, saya akan beri kerjasama penuh," katanya.

Beberapa media tempatan melaporkan bahawa SPRM akan memanggil bekas Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, bekas Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar dan Tengku Zafrul untuk memberi keterangan mengenai salah guna dana RM600 bilion itu.

Kontroversi mengenai penggunaan dana kecemasan berjumlah lebih RM600 bilion ketika negara berdepan pandemik Covid-19 itu pernah dibangkitkan oleh bekas Ketua Menteri Melaka, Adly Zahari pada 15 November lalu.

Pada 6 Disember lepas, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, turut mengesahkan pihaknya telah membuka kertas siasatan berhubung isu dana RM600 bilion yang didakwa diseleweng kerajaan terdahulu.

Pada hari sama, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mengingatkan Muhyiddin supaya tidak mencabar kerajaan berhubung isu dana RM600 bilion yang didakwa diseleweng kerajaan di bawah pentadbiran Pengerusi Perikatan Nasional (PN) itu sebelum ini.

Sehari sebelum itu, Muhyiddin pada sidang akhbar selepas menyampaikan ceramah Grand Finale PN sempena Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15) Parlimen Padang Serai mahu Anwar menyiasat isu berkaitan dana itu dengan betul dan mendapatkan data sebenar sebelum mengeluarkan sebarang kenyataan. - Bernama



TENGKU ZAFRUL

**ISU DANA RM600 BILION**




Laporan Sinar Harian pada Rabu.

# SINAR HARIAN
## 10/12/2022
## (SABTU)



# SPRM hanya siasat dana RM92.5b

## Batal kelulusan kontrak projek tebatan banjir timbulkan persoalan

## RM600 bilion hanya rekaan - Wan Saiful

## Perubahan pentadbiran kerajaan tidak jejas projek RTS Johor Bahru-Singapura

SINAR HARIAN
10/12/2022
(SABTU)

# Abdul Azeez dilepas dan dibebaskan

Dari sembilan tuduhan rasuah, pengubahan wang haram projek jalan di Perak, Kedah



## Bung Moktar, isteri gagal semak keputusan bela diri



**HARIAN METRO**

**10/12/2022**

**(SABTU)**

lokal

## Surat pemecatan Annuar sebagai ahli Umno dihantar semalam





DAKWAAN SELEWENG RM600 BILION

# SPRM FOKUS SIASAT DANA RM92.5B

DAKWAAN LAYANAN BURUK DI DEPOH IMIGRESEN KIMANIS

## 'Lihat fizikal tahanan sebelum masuk depoh'

# HARIAN METRO
## 17/12/2022
## (SABTU)



# 9 SYARIKAT KENA SERBU

*SPRM siasat penyelewengan RM92.5 bilion*

## 3 kontena bahan buangan e-sisa kena tahan

## Usah jadikan SPRM 'kambing hitam'

**BERITA HARIAN**
**17/12/2022**
**(SABTU)**



Dakwaan penyelewengan dana pengurusan COVID-19

# SPRM serbu lapan agensi kerajaan, sembilan syarikat

Operasi dijalankan secara serentak di sekitar Lembah Klang

**Petaling Jaya:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyerbu lapan agensi kerajaan dan sembilan syarikat berhubung siasatan dakwaan penyelewengan dana pengurusan COVID-19 berjumlah RM92.5 bilion ketika pentadbiran Perikatan Nasional (PN).

Sumber rapat dengan siasatan, berkata operasi itu dijalankan secara serentak di sekitar Lembah Klang bermula semalam.

Beliau berkata, lapan agensi berkenaan menerima 'peruntukan besar' daripada pakej rangsangan yang diluluskan oleh kerajaan pada tahun 2020 dan 2021.

Sumber itu berkata, susulan serbuan di lapan agensi berkenaan, SPRM menyerbu sembilan syarikat untuk mendapatkan dokumen berkaitan.

Sembilan syarikat itu dipercayai menjadi pembekal utama kepada lapan agensi kerajaan terbabit.

**Siasatan peringkat awal**

Bagaimanapun, sumber itu berkata, terlalu awal untuk memperincikan kes berkenaan kerana siasatan masih di peringkat awal.

"SPRM memerlukan sedikit masa untuk menyiasat dan mengesan sebarang perlakuan rasuah, salah guna kuasa atau penyelewengan," katanya dipetik portal *Free Malaysia Today*.

SPRM sebelum ini dilaporkan memulakan siasatan terhadap dakwaan penyelewengan RM92.5 juta yang diperuntukkan untuk pakej rangsangan ketika pandemik COVID-19 sewaktu pentadbiran terdahulu.

Suruhanjaya itu dalam kenyataan sebelum ini dilaporkan berkata, Kementerian Kewangan sudah memberikan perincian dana berkenaan di bawah pakej rangsangan ekonomi pada 2020 dan 2021 berkaitan pengurusan COVID-19.

SPRM berkata, sebanyak RM530 bilion diperuntukkan dan daripada jumlah itu, RM92.5 bilion membabitkan dana kerajaan, manakala RM437.5 bilion bukan dana kerajaan.

SPRM juga dilaporkan akan memanggil bekas Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yasin dan dua bekas menteri untuk membantu siasatan berkenaan.

**HARIAN METRO**

**21/12/2022**

**(RABU)**

# Juruteknik nafi perdaya majikan syarikat serah RM800

**Johor Bahru:** Seorang juruteknik dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Johor Bahru di sini, semalam atas pertuduhan memperdaya majikan sebuah syarikat bagi menyerahkan RM800 kepadanya, Mei tahun lalu.

Tertuduh, Hang Yen How, 26, mengaku tidak bersalah terhadap pertuduhan itu.

Yen How didakwa melakukan kesalahan itu jam 2.38 petang pada 25 Mei 2021, di Maybank Berhad cawangan Kelapa Sawit, Kulai.

Dia didakwa menipu Wong Lee Na, 45, dengan memperdaya supaya mempercayai bahawa sembilan pekerjanya disenarai hitam pegawai syarikat keselamatan ERS Energy Sdn Bhd dan tidak dibenar masuk ke tapak projek loji janakuasa solar fotovoltan berskala besar di Pekan, Pahang.

Dia didakwa mengetahui bahawa senarai hitam berkenaan tidak wujud serta secara tidak jujur mendorong Lee Na supaya membuat pembayaran atas talian sejumlah RM800 ke dalam akaun Maybank miliknya serta Lee Na tidak akan membuat pembayaran jika tidak diperdayakan.

Dia didakwa melakukan kesalahan yang boleh dihukum mengikut Seksyen 417 Kanun Keseksaan.

Ia memperuntukkan hukuman penjara sehingga lima tahun atau dengan denda atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Pendakwaan kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Rifah Izzati Abdul Mutalif manakala tertuduh diwakili peguam, Farah Farhana Effendi Onn.

Terdahulu, Rifah mencadangkan wang jaminan RM10,000 manakala Farah Farhana memohon supaya wang jaminan dikurangkan kepada RM500 berikutan tertuduh tidak memiliki pendapatan tetap.

Hakim Mahkamah Sesyen Datuk Ahmad Kamal Arifin Ismail membenarkan tertuduh diikat jamin RM5,000.

Ahmad Kamal Arifin juga menetapkan 11 Januari ini sebagai tarikh sebutan semula dan serahan dokumen.



MAHKAMAH membenarkan tertuduh diikat jamin RM5k.

Suspek didakwa melakukan kesalahan itu jam 2.38 petang pada 25 Mei 2021

**KOSMO**

**23/12/2022**

**(JUMAAT)**



# Tiga staf hospital dijel, denda dagangkan jenazah Islam

**SHAH ALAM** – Perbuatan tiga kakitangan Hospital Kajang terlibat dalam urusan 'memperdagangkan' jenazah Islam membawa padah apabila dipenjara sehari dan denda antara RM3,000 hingga RM5,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini semalam.

Hakim Rozilah Salleh menjatuhi hukuman itu selepas ketiga-tiga mereka iaitu Mohd. Nizam Noordin, 40, Sharum Hassim, 42, dan Mohd. Azhar Nahar, 45, mengaku bersalah atas pertuduhan pilihan dibacakan kepada mereka.

Sekiranya gagal membayar denda, ketiga-tiga mereka yang merupakan Pembantu Perawatan Kesihatan Gred U11 dan U14 itu diperintah menjalani tambahan penjara enam bulan.

Mengikut pertuduhan, ketiga-tiga mereka semasa kejadian bertugas di Unit Forensik, Hospital Kajang telah secara rasuah memperoleh suapan antara RM300 hingga RM600 melalui akaun bank masing-masing daripada seorang seorang lelaki berusia 34 tahun.



KERATAN Kosmo! 8 Oktober 2021.

Ini bagi memberikan kerja pengurusan jenazah-jenazah dari Unit Forensik Hospital Kajang kepada individu tersebut.

Mohd. Nizam dan Mohd. Azhar masing-masing melakukan perbuatan itu di dua buah cawangan bank berlainan di Kajang, manakala Sharum di cawangan bank Sungai Petani, Kedah antara 21 Mei hingga 9 Disember 2020.



DI MAHKAMAH Shah Alam inilah tiga staf hospital dijatuhi hukuman jel.

Kesalahan itu dilakukan mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

Difahamkan ketiga-tiga mereka telah digantung tugas sejak April lalu sehingga kini.

Pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Mohd Aliff Bin Shahrusaman dan kesemua tertuduh diwakili Peguam Mohd. Fikah Sapuai.

Kosmo! pada 8 Oktober tahun lalu melaporkan lima kakitangan jabatan forensik sebuah hospital di Selangor yang ditahan berhubung kes rasuah pengurusan jenazah dipercayai mengaut untung kira-kira RM22,000 dalam tempoh dua tahun sejak tahun 2018.

Petugas kesihatan itu menerima habuan RM300 hingga RM400 bagi setiap jenazah daripada ejen mengikut jenis-jenis kematian.

UTUSAN MALAYSIA
23/12/2022
(JUMAAT)

# Rasuah RM164,800, guru besar sekolah agama mengaku tidak bersalah



KAMALUDIN Sahlan (kanan, bertopi) setelah selesai mendengar pertuduhannya dekat Mahkamah Sesyen di Shah Alam, Selangor. – UTUSAN/AFIQ RAZALI

**SHAH ALAM:** Seorang guru besar sebuah sekolah rendah agama (SRA) dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini semalam atas dua pertuduhan meminta dan menerima rasuah sebanyak RM164,800.

Tertuduh, Kamaludin Sahlan, 50, meminta untuk dibicarakan selepas mengaku tidak bersalah sebaik sahaja kertas pertuduhan dibacakan ke atasnya di hadapan Hakim Rozilah Salleh.

Berdasarkan pertuduhan pertama, tertuduh didakwa secara rasuah meminta daripada seorang individu rasuah sebanyak 11 peratus daripada nilai projek sebagai dorongan baginya membantu mendapatkan kerja-kerja selenggara dan naik taraf bangunan serta infrastruktur SRA dalam daerah Petaling dan Kuala Selangor.

Pertuduhan kedua, Kamaludin didakwa menerima secara rasuah daripada individu berkenaan wang suapan berjumlah RM164,800 melalui akaun CIMB Islamic miliknya sebagai dorongan untuk tertuduh membantu Romzi mendapatkan kerja-kerja berkenaan.

Kamaludin didakwa melakukan kesalahan itu di No. 33, Jalan Duku 5, Taman Seri Medan, Telok Panglima Garang, Kuala Langat dan CIMB Islamic Bank Bhd. Cawangan Kota Kemuning, Shah Alam antara Mei 2019 dan 12 Jan hingga 21 April 2021.

Dia yang kini bertugas di Unit Pendidikan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), didakwa mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24(1) akta yang sama.

Sabit kesalahan, tertuduh boleh dipenjarakan maksimum 20 tahun dan didenda tidak kurang daripada lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, yang mana lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Pegawai Pendakwa SPRM Mohd. Aliff Shaharuzaman menawarkan jaminan sebanyak RM30,000 dengan seorang penjamin.

**HARIAN METRO**

**24/12/2022**

**(SABTU)**



ANGGOTA polis mengiringi tertuduh [illegible] di Mahkamah Sesyen [illegible], semalam.

[illegible]

# PECAH AMANAH RM168,740

*Pengarah agensi pelancongan mengaku bersalah atas pertuduhan babit duit syarikat*

Seorang pengarah agensi pelancongan mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan pecah amanah wang syarikat berjumlah RM168,740 tiga tahun lalu.

Mohd Nizam Noh, 46, Pengarah syarikat [illegible] Group Travel & Tours Sdn Bhd didakwa melakukan kesalahan itu di Masjid [illegible], Kampung Padang, Jalan Sungai Lembing di sini, antara 29 Mac 2019 hingga 3 November 2019.

Tertuduh yang tidak diwakili peguam didakwa mengikut Seksyen 409 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara tidak kurang daripada dua tahun dan maksimum 20 tahun dan dengan sebat serta denda jika sabit kesalahan.

Hakim Datuk Ahmad Zamzani Mohd Zain menetapkan 31 Januari depan untuk mendengar fakta kes sebelum menjatuhkan hukuman.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya [illegible] Abdullah yang tidak menawarkan sebarang jaminan kepada tertuduh memandangkan Mohd Nizam sedang menjalani hukuman di Penjara Kluang, Johor.

Pada 22 September lalu, Mohd Nizam turut membuat pengakuan bersalah di Mahkamah Sesyen Kota Tinggi, Johor atas empat pertuduhan pengubahan wang haram berjumlah RM[illegible] yang dilakukan tiga tahun lalu.

**SINAR HARIAN**
**30/12/2022**
**(JUMAAT)**

# SPRM panggil 3 saksi siasat kes ambil alih pengurusan Menara KL

**SHAH ALAM** - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) memanggil tiga saksi untuk siasatan dakwaan penjualan saham mencurigakan pengurusan Menara Kuala Lumpur (KL).

SPRM dalam satu kenyataan memaklumkan, pihaknya kini menyiasat dakwaan penjualan saham terbabit.

"SPRM akan menyiasat sama ada wujudnya elemen rasuah dalam penjualan 100 peratus saham Telekom Malaysia (TM) dalam Syarikat Menara KL Sdn Bhd (MKLSB) kepada Hydroshoppe Sdn Bhd (HSB) pada Oktober 2022.

"Setakat ini, tiga saksi dipanggil dan SPRM mendapatkan beberapa dokumen untuk diteliti," maklum suruhanjaya itu pada Khamis.

Sebelum itu, isu pengambilalihan pengurusan Menara KL tular di media sosial apabila orang ramai mempersoalkan keputusan Telekom Malaysia (TM) melalui anak syarikatnya, Menara Kuala Lumpur Sdn Bhd (MKLSB) memindahkan pemilikan penuh mereka kepada syarikat Hydroshoppe Sdn Bhd pada Oktober lalu.

Satu akaun Twitter dikenali sebagai @FreeMsian mendakwa, Menara KL yang menjana pendapatan RM66 juta pada 2019 dengan untung bersih RM25 juta sebagai cash cow dan pemindahan saham itu tidak dihebahkan kepada umum.

Menteri Komunikasi dan Digital, Fahmi Fadzil turut mengesahkan menerima taklimat terperinci berkaitan konsesi pengurusan Menara KL daripada kementerian pada 14 Disember lalu dan akan menerima satu lagi taklimat menyeluruh daripada TM pada 3 Januari nanti.



Isu pengambilalihan Menara KL tular di media sosial susulan keputusan TM memindah pemilikan kepada syarikat lain.

**BERITA HARIAN**
**30/12/2022**
**(JUMAAT)**

# SPRM siasat isu ambil alih pengurusan Menara KL

## TM perjelas anak syarikat tidak perbaharui konsesi dipegang sejak 1996

Oleh Ilah Hafiz Aziz
dan Alzahrin Alias
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sudah memulakan siasatan berhubung isu pengambilalihan pengurusan Menara Kuala Lumpur (Menara KL) yang didedahkan di media sosial baru-baru ini.

Sumber berkata, kes itu masih berada pada peringkat siasatan awal dan tindakan selanjutnya oleh SPRM akan menyusul selepas ini.

"Kami sudah membuka kertas siasatan, itu sahaja yang saya boleh sebutkan setakat ini," katanya di sini, semalam.

Isu pengambilalihan pengurusan Menara KL tular di media sosial apabila orang ramai mempersoalkan keputusan Telekom Malaysia (TM) melalui anak syarikatnya, Menara Kuala Lumpur Sdn Bhd (MKLSB) memindahkan pemilikan penuh mereka kepada syarikat Hydroshoppe Sdn Bhd pada Oktober lalu.

Satu akaun Twitter dikenali sebagai @FreeMsian mendakwa Menara KL yang menjana pendapatan RM66 juta pada 2019 dengan untung bersih RM25 juta itu sebagai 'cash cow' dan pemindahan saham itu tidak didedahkan kepada umum.

Difahamkan, pemindahan semua 10 juta saham MKLSB berlaku pada 31 Oktober ketika Tan Sri Annuar Musa menjadi Menteri Komunikasi dan Multimedia.

Bagaimanapun, Annuar pada Selasa lalu menjelaskan kementeriannya tidak pernah mengambil bahagian dalam mana-mana perjanjian dalam isu pemilikan Menara KL yang dikatakan hanya membabitkan TM.

### Menteri terima maklumat

Pada hari sama, Menteri Komunikasi dan Digital, Fahmi Fadzil pula berkata beliau memandang serius isu ditangkitkan itu dan akan meneliti isu pengambilalihan pengurusan Menara KL oleh Hydroshoppe.

Beliau turut mengesahkan sudah menerima taklimat berkaitan konsesi Menara KL daripada kementerian pada 14 Disember lalu dan maklumat penuh daripada TM pada 5 Januari ini.

Sementara itu TM dalam kenyataan semalam menjelaskan bahawa Menara KL (MKL) adalah milik kerajaan, manakala operasi dan penyelenggaraan menara itu dijalankan secara konsesi. Anak syarikatnya, MKLSB sudah memegang konsesi itu sejak 1996.

Bagaimanapun, sebagai sebahagian daripada program transformasi perniagaannya, TM mahu menumpukan usaha dan sumber bagi mengukuhkan perniagaan teras iaitu telekomunikasi dan teknologi.

Oleh itu, selepas pertimbangan wajar mengenai perubahan sifat perniagaan Menara KL daripada perkhidmatan telekomunikasi kepada pelancongan dan hospitaliti, TM pada Oktober 2021 memutuskan untuk tidak memperbaharui konsesi MKL dan memaklumkan kepada kerajaan.

Berikutan itu pada tahun ini, proses pemilihan untuk pemegang konsesi baharu diambil oleh kerajaan. TM telah dimaklumkan syarikat yang dilantik bagi mengambil alih saham-saham MKLSB dan konsesi MKL.

MKLSB akan terus mengendalikan konsesi dan memastikan menara itu terus menarik pengunjung.

Pekerja akan bekerja dengan MKLSB di bawah syarikat konsesi baharu selama sekurang-kurangnya tiga tahun untuk melindungi kebajikan mereka semasa tempoh peralihan.

Kenyataan itu juga menyatakan bahawa rujukan telah dibuat berhubung perubahan dalam pegangan saham MKLSB pada pengumuman kewangan suku ketiga TM kepada Bursa Malaysia.



**BERITA HARIAN**

**30/12/2022**

**(JUMAAT)**

# Pemilik firma guaman dituduh kes pengubahan wang haram RM1 juta

**Shah Alam:** Seorang pemilik firma guaman didakwa di Mahkamah Sesyen, di sini, semalam, atas tujuh pertuduhan terbabit aktiviti pengubahan wang haram hampir RM1 juta pada 2017.

Bagaimanapun, Mohd Zawahid Ya, 47, mengaku tidak bersalah atas semua pertuduhan selepas dibacakan jurubahasa di hadapan Hakim Emilia Kaswati Mohamad Khalid.

Mengikut pertuduhan, Mohd Zawahid mengeluarkan 11 cek dengan jumlah keseluruhan RM937,000 hasil aktiviti haram dari akaun CIMB Bank Berhad milik Tetuan Mohd Zawahid & Co.

Cek terbabit dimasukkan ke akaun Public Bank Berhad dan CIMB Bank Berhad milik tertuduh, United Success Management Agency, Owl Success Enterprise, Owl Success Services Sdn Bhd serta Owl Success Services Resources Sdn Bhd, selain dua penama dikenali Teh Aun Yong dan Teh See Hooi.



*Mohd Zawahid dibawa ke Mahkamah Sesyen Shah Alam, semalam.*

(Foto Kasiri Shamsudin/BH)

Kesalahan berkenaan dilakukan di CIMB Bank Berhad cawangan The Strand di Petaling Jaya, antara 14 hingga 30 Ogos 2017.

Susulan itu, tertuduh sebagai pemilik Tetuan Mohd Zawahid & Co didakwa mengikut perenggan 4(1)(b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Aktiviti Haram 2001 (Akta 613) yang boleh dikenakan hukuman mengikut Subseksyen 4(1) dan dibaca bersama perenggan 87(1)(a) akta sama.

Akta itu memperuntukkan hukuman penjara maksimum 15 tahun, denda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau hasil aktiviti haram atau RM5 juta, yang mana lebih tinggi jika sabit kesalahan.

Sementara itu, Timbalan Pendakwa Raya, Harris Ong Mohd Jeffrey Ong, memohon Mohd Zawahid diikat jamin RM4,000 bagi setiap tujuh pertuduhan dengan seorang penjamin.

Susulan itu, peguam bela Mohd Zawahid, Dir Kheizwan Kamarudin, mengesahkan persetujuan itu yang disifatkan sebagai jumlah jaminan tinggi, namun munasabah.

Emilia Kaswati kemudian membenarkan jumlah jaminan itu dengan seorang penjamin dan syarat tambahan pasport diserahkan kepada mahkamah, selain menetapkan sebutan kes seterusnya pada 18 Januari depan.

**BERITA HARIAN**
**31/12/2022**
**(SABTU)**

Kes jual saham syarikat konsesi Menara KL

# SPRM 'kunjungi' beberapa lokasi dapatkan dokumen




## Operasi sejak kelmarin mula temu bual pegawai berkaitan kesan eleman rasuah


Oleh Ilah Hafiz Aziz
illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my


**Kuala Lumpur:** Siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terhadap kes penjualan saham syarikat konsesi Menara Kuala Lumpur membawa kepada 'kunjungan' pegawai penguat kuasa itu ke beberapa lokasi bagi mendapatkan dokumen membantu siasatan.

Difahamkan, operasi itu dilakukan sejak kelmarin, membabitkan beberapa lokasi, termasuk Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) dan anak syarikat Telekom Malaysia (TM).

Pegawai SPRM juga dikatakan sudah mula menemu bual pegawai berkaitan bagi mengesan elemen rasuah yang dikaitkan dengan pengurusan menara itu.

Kelmarin, SPRM mengesahkan sudah memanggil tiga saksi dan mendapatkan beberapa dokumen daripada pihak berkaitan untuk diteliti.

SPRM kini memfokuskan elemen rasuah dalam penjualan 100 peratus saham milik anak syarikat TM, Syarikat Menara KL Sdn Bhd (MKLSB) kepada Hydroshoppe Sdn Bhd (HSB) pada Oktober 2022 selepas dakwaan terdapat kecurigaan dalam pemindahan hak milik pengurusan bangunan ikonik itu.

"Setakat ini, SPRM sudah memanggil tiga saksi dan mendapatkan beberapa dokumen daripada pihak-pihak berkaitan untuk diteliti. SPRM akan menjalankan siasatan secara terperinci dan profesional daripada semua sudut berkaitan isu ini," kata suruhanjaya itu dalam kenyataan.

Difahamkan, ketika ini SPRM masih dalam peringkat pembukaan kertas siasatan dan tindakan selanjutnya akan menyusul selepas ini.

### Laksana konsesi sejak 1996

Sementara itu, TM dalam satu kenyataan, menjelaskan Menara KL dimiliki kerajaan, manakala operasi dan penyelenggaraan struktur diberikan di bawah satu konsesi.

Penyedia perkhidmatan telekomunikasi itu menerusi anak syarikat milik penuhnya, MKLSB melaksanakan konsesi terbabit sejak 1996.

TM juga berkata, sebagai sebahagian daripada program transformasinya, ia menumpukan usaha dan sumber untuk mengukuhkan perniagaan teras, iaitu telekomunikasi serta teknologi.

Isu pengambilalihan pengurusan menara itu tular apabila ramai mempersoalkan keputusan TM melalui MKLSB memindahkan pemilikan penuh MKLSB kepada Hydroshoppe pada Oktober lalu sedangkan perniagaan itu mencatat keuntungan.

Menteri Komunikasi dan Digital, Fahmi Fadzil ketika mengulas dakwaan itu sebelum ini, berkata beliau memandang serius dakwaan dibangkitkan di media sosial dan akan meneliti isu berkenaan.

Beliau turut mengesahkan, sudah menerima taklimat terperinci berkaitan konsesi pengurusan Menara KL daripada kementerian pada 14 Disember lalu dan akan mendengar taklimat menyeluruh berhubung perkara berkenaan daripada TM pada 3 Januari ini.